

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI SELASA : 23 MEI 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, 12 HINGGA NO. 147)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR
[LIBARAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam memberikan kesedaran tentang bahaya strok haba kepada masyarakat bagi mengelakkan pertambahan kematian akibat strok haba.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah proaktif dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya strok haba bagi mengelakkan kematian berpunca daripada strok haba melalui pelbagai saluran media termasuk media konvensional dan media sosial dalam penyebaran maklumat berbentuk infografik, video pendek, bua l bicara di televisyen dan radio bersama pakar kesihatan awam.
2. Pendidikan Kesihatan mengenai Bahaya Strok Haba telah bermula 12 April 2023 di semua saluran media termasuk sesi temubual bersama Pakar Kesihatan Awam di televisyen dan radio.
3. Bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat secara terus mengenai strok haba, bahan pendidikan kesihatan ini juga dikongsi menerusi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Tik Tok dan Telegram termasuk capaian maklumat melalui laman sesawang InfoSihat KKM. Capaian maklumat InfoSihat KKM adalah <https://www.infosihat.gov.my/cuaca-panas.html>
4. Pengukuhan pendidikan dan aktiviti promosi berkaitan maklumat kesihatan turut melibatkan kerjasama pemimpin masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan kesihatan atau MyCHAMPION.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah holistik yang dirangka oleh Kementerian terhadap lambakan kediaman berharga dalam lingkungan RM500,000 hingga RM1 juta yang dilaporkan mencatat jumlah tidak terjual tertinggi sebanyak 33.6 peratus daripada keseluruhan kediaman siap dibina yang tidak terjual serta jalan penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius akan isu rumah siap dibina tidak terjual. Berdasarkan data suku ketiga tahun 2022 (Q3, 2022) oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*; NAPIC), rumah yang dilancar berjumlah 148,426 unit sementara rumah siap dibina tidak terjual pula berjumlah 29,534 unit dengan nilai RM19.95 bilion. Data awalan suku keempat (Q4^P, 2022) pula menunjukkan rumah yang dilancar berjumlah 153,227 unit sementara rumah siap dibina tidak terjual pula berjumlah 27,746 unit dengan nilai RM18.45 bilion. Berdasarkan data tersebut, rumah berharga RM500,001 – RM1,000,000 menyumbang sebanyak 33.6% (9,323 unit) daripada jumlah kediaman siap dibina tidak terjual bagi Q4,2022.

Dalam prinsip ekonomi yang sihat, produk yang dibekalkan ke pasaran seharusnya berdasarkan penawaran dan permintaan (*supply and demand*). Antara faktor yang menyebabkan keadaan tidak sepadan (*mismatch*) adalah disebabkan oleh harga yang tidak berpadanan dengan kemampuan pembeli berdasarkan lokaliti, jenis rumah yang tidak diminati dan lokasi yang kurang strategik seperti jauh dari pusat ekonomi dengan ketiadaan pengangkutan awam yang sesuai. Mengambil kira punca-punca *mismatch* ini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan beberapa tindakan untuk menangani isu ini bagi tempoh pendek dan panjang. Antara tindakan tersebut adalah:

- i. mengkaji dan melaksanakan analisis data lambakan tidak terjual bagi mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian;
- ii. menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat, seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan

SOALAN NO : 12

- iii. akan membangunkan Pusat Data Perumahan (BDA) sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan.

KPKT sedang mengkaji dengan lebih teliti punca berlakunya ketidaksepadanan di antara penawaran dan permintaan yang menyebabkan berlakunya lambakan hartanah yang tidak terjual. Berdasarkan perbincangan bersama pihak NAPIC, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (*Real Estate and Housing Developers' Association*; REHDA) dan *Khazanah Research Institute* (KRI), data lambakan hartanah tidak terjual perlu diperincikan berdasarkan harga, lokasi, kemampuan lokaliti, jenis kediaman dan sebagainya supaya penyelesaian kepada isu ini dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal. Di masa hadapan apabila BDA telah dibangunkan, KPKT menjangkakan isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui perancangan yang lebih tepat dan teliti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah yang diambil pihak Kementerian untuk menangani lambakan isu pegawai perubatan yang terpaksa meninggalkan KKM disebabkan faktor bebanan kerja berlebihan (*burn out*), tidak mendapat peluang diserap secara tetap atau menyambung kepakaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada 4 April 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan langkah untuk mewujudkan **hampir 12,800 perjawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun** sehingga menjelang tahun 2025 dengan anggaran implikasi kewangan sebanyak RM1.7 bilion **bagi melantik tetap pegawai perubatan kontrak sedia ada.**

2. Sehingga 31 Disember 2022, seramai 4,333 Pegawai Perubatan kontrak telah dilantik tetap. Pada tahun ini, usaha ini akan diteruskan oleh Kerajaan menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan seramai 4,263 orang lagi Pegawai Perubatan telah dimuktamadkan untuk pengambilan tetap dan **urusan penempatan akan dilaksanakan bermula Julai 2023.**

3. Kerajaan juga sentiasa komited untuk memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Tetap sedia ada dan Kontrak untuk menyambung kepakaran iaitu melalui **Program Latihan Kepakaran Sarjana Perubatan KKM**. Bagi Sesi Akademik 2023/2024, seramai 1,111 pegawai perubatan lantikan tetap telah ditawarkan **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)** dan 182 pegawai perubatan lantikan kontrak ditawarkan **Program Latihan Kepakaran (PLK) Dengan Biasiswa** bagi mengikuti Program Kepakaran Sarjana Perubatan dalam 23 bidang kepakaran. Bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) juga telah ditingkatkan iaitu daripada 38 buah pada tahun 2009 kepada 49 buah HLS pada tahun 2023. Melalui pendekatan ini, slot latihan siswazah di Kementerian Kesihatan telah ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,228 pada masa ini.

4. Pada masa ini juga, KKM sedang dalam perancangan untuk membentangkan Kertas Putih Kesihatan dan di bawah **Tonggak 4: Memperkukuhkan Aras Sistem Kesihatan dan Tadbir Urus**, terdapat strategi untuk memantapkan tenaga kerja untuk kesihatan bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti keseluruhan tenaga kerja untuk kesihatan. Selain itu, satu Kajian Jurang Penawaran dan Permintaan Fasiliti Kesihatan, Peralatan dan Kapasiti Sumber Manusia untuk Kesihatan di Malaysia akan dilaksanakan bagi mengenal pasti taburan serta keperluan sumber manusia pada masa kini serta akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN
AHMAD KAMAL (MACHANG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini projek pembinaan serta naik taraf lebuh raya-lebuh raya di negeri Kelantan seperti Central Spine Road 34. Berdasarkan pemerhatian, lebuh raya ini telah terlewat dari rancangan asal siap kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status semasa Projek Lebuh Raya Kota Bharu Ke Kuala Krai (KBKK) sehingga April 2023 adalah 44.94% sebenar berbanding 47.02% unjuran, di mana enam (6) projek dalam pembinaan dan dua (2) telah siap. Manakala, status semasa Lingkaran Tengah Utama (LTU) jajaran Kuala Krai ke Gua Musang adalah 24.46% sebenar berbanding 27.99% unjuran. Terdapat sepuluh (10) kontrak LTU di Negeri Kelantan di mana dua (2) di peringkat perolehan, tujuh (7) di peringkat pembinaan dan satu (1) telah siap. Kos keseluruhan projek KBKK dan LTU di Negeri Kelantan adalah sebanyak RM5.4 bilion.

Kementerian ini telah mengenalpasti terdapat 1 projek sakit di Negeri Kelantan iaitu KBKK Pakej 2B. Kemajuan fizikal projek ini sehingga 30 April 2023 adalah 83.58% sebenar berbanding 100% unjuran. Tarikh penyiapan projek dalam kontrak adalah pada 7 Mac 2023 dan pihak kontraktor telah dikenakan denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan ataupun *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) sebanyak RM 5,058,389.00 sehingga 15 April 2023. Projek ini akan akan di bawa ke Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP) bagi menentukan halatuju projek.

Kedua-dua KBKK dan LTU dijangka dapat digunakan sepenuhnya oleh orang awam pada pertengahan tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
(BATANG LUPAR)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI (BATANG LUPAR) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha dan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa yang mana produk-produk mereka mempunyai potensi untuk dibangunkan secara komersial.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan program-program keusahawanan seperti berikut:

- i. **Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB):** Program ini merupakan bantuan pembiayaan berbentuk geran penuh sehingga RM10 ribu sebagai sokongan kepada usahawan mikro luar bandar bagi tujuan mengukuh dan mengembangkan perniagaan. Bagi tahun 2023, sebanyak **RM4 juta** telah diperuntukkan bagi membantu sehingga 600 usahawan luar bandar untuk mengukuhkan dan mengembangkan perniagaan sedia ada bagi tujuan pemasaran yang lebih meluas.
- ii. **Program Pembangunan Usahawan *Start Right* (PSR):** Program ini menyediakan pakej bantuan yang merangkumi Latihan Asas Keusahawanan, dan set peralatan dan modal permulaan sehingga RM10 ribu kepada usahawan berkemahiran lepasan TVET. Pada tahun 2023, sebanyak **RM1.5 juta** telah diperuntukkan untuk program ini dengan menasaskan sehingga 120 penerima manfaat.
- iii. **Program *Outreach* Keusahawanan:** Program *Outreach* Keusahawanan merupakan satu program bagi memartabatkan produk dan perkhidmatan melalui perluasan akses pasaran serta peningkatan aktiviti pemasaran usahawan-usahawan luar bandar dan sebagai platform menyebarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKDW dan agensi. Pada tahun 2023, KKDW menasaskan untuk melaksanakan 4

SOALAN NO : 15

program di seluruh negara dengan mensasarkan sekurang-kurangnya 400 usahawan luar bandar dengan peruntukan sebanyak **RM2 Juta**.

- iv. ***Rural Business Challenge 2.0***: Program pengembangan perniagaan menerusi pertandingan penyediaan rancangan perniagaan dalam kalangan usahawan belia luar bandar seluruh Malaysia (berumur 18-40 tahun) yang akan melalui 5 peringkat penilaian. Bagi tahun 2023, KKDW mensasarkan sehingga 20 orang usahawan belia luar bandar sebagai pemenang bagi memajukan perniagaan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM10.5 Juta**.

Selain itu, pelbagai program turut dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi di bawah KKDW sebagai usaha untuk membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa. Sebagai contoh, pihak MARA melaksanakan pembangunan potensi usahawan desa melalui skim pembiayaan khas iaitu Skim Pembiayaan Ekonomi Desa Nano (SPED Nano). Antara objektif skim ini adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mudah tanpa penjamin, menggalakkan penglibatan dan pembangunan masyarakat luar bandar dalam bidang keusahawanan serta menggilap potensi produk desa yang boleh diketengahkan. Sejak tahun 2018 hingga 2022, seramai 2,272 usahawan desa telah diberikan pembiayaan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM18.5juta. Manakala bagi tahun 2023, setakat bulan April, seramai 82 usahawan desa telah dibantu dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM724,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil perbincangan jawatankuasa peringkat tertinggi yang ditubuhkan bagi menangani isu doktor kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee - HLC*) berhubung pegawai perubatan telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 31 Mac 2023. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi tersebut berperanan sebagai pemangkin dalam merungkai isu pegawai perubatan dan memuktamadkan langkah penyelesaian bagi menangani isu pegawai perubatan.
2. Antara skop fungsi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi ini adalah untuk menimbang dan memuktamadkan langkah penyelesaian segera, jangka sederhana dan jangka panjang berhubung tawaran pekerjaan dan latihan kepakaran pegawai perubatan, serta penelitian akreditasi institusi pengajian program perubatan. Langkah-langkah penyelesaian tersebut akan diterjemahkan dalam satu pelan inisiatif yang komprehensif supaya isu pegawai perubatan dapat ditangani secara berkesan.
3. Sebagai pelaksanaan, satu pasukan petugas khas yang terdiri

NO. SOALAN: 16

daripada empat (4) pasukan kerja telah ditubuhkan dan sedang merangka pelan inisiatif tersebut yang merangkumi lima (5) bidang fokus iaitu:

- (i) meneliti dan/atau membuat pindaan ke atas perundangan yang sedia ada bagi membenarkan pelaksanaan latihan siswazah dan khidmat wajib yang lebih fleksibel supaya tidak tertumpu di fasiliti KKM;
- (ii) mewujudkan mekanisme bagi membenarkan pengamal perubatan swasta menjalani latihan kepakaran dan/atau tempoh pra-pewartaan di sektor awam secara tanpa pelantikan;
- (iii) mengadakan perbincangan dengan pihak Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta bagi mewujudkan lebih peluang pekerjaan kepada pengamal perubatan;
- (iv) meneliti tawaran latihan kepakaran selain tawaran sedia ada; dan
- (v) meneliti keperluan perjawatan tetap tambahan dalam sektor awam.

4. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee - HLC*) dijadualkan bersidang pada pertengahan Jun 2023. Melalui HLC, kerjasama Kementerian Kesihatan dengan pihak berkepentingan lain adalah lebih optimis terutamanya dalam usaha menyelesaikan isu pegawai perubatan secara berkesan dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan prosedur serta langkah untuk memastikan kelancaran trafik dan tahap keselamatan pengguna jalanraya di sekitar kawasan lencongan jalan, jalan simpang-simpang keluar masuk yang tidak mempunyai penghadang jalan dan tapak pembinaan jajaran Lebuhraya Pan Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut diguna pakai bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak:

1. Prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan – TMP*) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya, berpandukan kepada Piawaian Arahan Teknik JKR;
2. Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan (*Building Operation and Works of Engineering Construction - BOWEC*) 1986;
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
4. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Awam di Tapak Bina Tahun 2007.

Sekiranya terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang telah dinyatakan, Arahan Pemberhentian Kerja (*Stop Work Order*) akan dikeluarkan kepada kontraktor. Kerja-kerja pembinaan hanya boleh diteruskan setelah penambahbaikan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan Notis Penambahbaikan (*Corrective Action Request - CAR*) oleh Pegawai Penguasa.

Selain daripada prosedur-prosedur keselamatan tersebut, pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kementerian serta JKR Sabah dan Sarawak selaku Pegawai Penguasa khususnya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya khususnya di sepanjang kawasan pembinaan. Ini termasuklah pemeriksaan mengejut dan audit keselamatan jalanraya oleh pihak ketiga, iaitu Ibu Pejabat JKR

SOALAN NO : 17

Malaysia yang diadakan mengikut keperluan dan aduan sekiranya ada.

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT
TAIB (PARIT)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (PARIT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu sistem yang komprehensif dalam mengesan dan memantau golongan warga emas yang tinggal bersendirian di seluruh negara bagi memastikan kebajikan mereka tidak terabai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak menggunakan sebarang sistem untuk mengesan golongan warga emas yang tinggal bersendirian.

2. Walau bagaimanapun, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang membangunkan Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-WEN) bagi memenuhi keperluan untuk mempunyai sistem maklumat dan data bersepadu berkaitan warga emas. Sistem ini dirancang untuk berfungsi sebagai medium pendaftaran warga emas, suai padan aktiviti atau pekerjaan dan perkongsian maklumat serta menghasilkan pemetaan warga emas di negara ini pada masa hadapan sebagai langkah menyokong penuaan aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara.

3. Dalam menyokong warga emas hidup sejahtera dan terus berada dalam persekitaran komunitinya termasuk yang tinggal bersendirian, JKJ telah mewujudkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR@Home Help), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Bantuan Warga Emas (BWE).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana untuk memastikan keselamatan vape. Nyatakan kesan baik dan buruk oleh vape. Adakah Kementerian akan menghadkan vape supaya tidak mempunyai pembungkusan dan perisa yang menarik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawalan bagi peranti rokok elektronik atau vape adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022 bagi memastikan setiap peranti mematuhi Standard Malaysia MS 2716 untuk menjamin keselamatan peranti tersebut.
2. Bagi keselamatan cecair rokok elektronik, tiada sebarang standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia disebabkan oleh tiada had yang selamat untuk bahan-bahan kimia yang terkandung di dalam cecair rokok elektronik atau vape tersebut.
3. Penggunaan rokok elektronik atau vape sungguh pun pada awalnya ia dicipta sebagai alternatif yang dikatakan lebih selamat daripada rokok tembakau namun kajian-kajian saintifik terkini telah membuktikan bahawa

SOALAN NO: 19

rokok alaf baharu termasuk rokok elektronik atau vape adalah tetap berbahaya.

4. Pelbagai kajian saintifik yang dilaksanakan menemui banyak kesan buruk akibat penggunaan rokok elektronik atau vape terhadap kesihatan. Terkini sebanyak 18 kes EVALI dan 20 kes lain berkaitan penggunaan rokok elektronik telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia semenjak 2022. Kos untuk merawat sejenis penyakit baharu yang dikesan iaitu EVALI atau *Electronic Vape Associated Lung Injury* dianggarkan mencecah sebanyak RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad.

5. KKM bercadang untuk meneruskan pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam. Melalui RUU tersebut, kawalan menyeluruh terhadap produk rokok elektronik atau vape akan dapat dilaksanakan termasuk larangan terhadap produk dan pembungkusan yang menyerupai permainan kanak-kanak. Kawalan terhadap perisa yang boleh menarik perhatian kanak-kanak dan remaja menggunakan produk ini juga boleh dilaksanakan melalui RUU ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menghapuskan monopoli operator sekolah amanah dan menggalakkan pertambahan bilangan operator sekolah amanah di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Program Sekolah Amanah (PSA) adalah satu usaha sama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Khazanah Nasional Bhd. (KNB) iaitu rakan kongsi swasta (public-private partnership) seperti yang dihasratkan dalam Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Kerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta.

KNB telah menubuhkan Yayasan AMIR, iaitu sebuah yayasan yang bertanggungjawab terhadap pengoperasian PSA. Pihak Yayasan AMIR telah melantik Syarikat LeapEd Services sebagai memberi perkhidmatan pendidikan (education service provider) untuk melaksanakan program tersebut.

SOALAN NO : 20

PSA mula dilaksanakan pada tahun 2011 setelah perjanjian usaha sama Sektor Awam-Swasta Bagi Pengoperasian PSA dengan Yayasan AMIR ditandatangani pada 3 Januari 2011. Tempoh perjanjian adalah selama lima tahun bagi setiap sekolah untuk mengikuti latihan sehingga mencapai Tahap Tempoh Matang Intervensi Program (TTMIP). Sehingga kini, terdapat sebanyak 94 buah sekolah yang mengikuti PSA.

Berdasarkan perjanjian usaha sama Sektor Awam-Swasta, Yayasan AMIR merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk memperluas bilangan sekolah mengikuti PSA. Pihak KPM juga telah menganjurkan beberapa siri perbincangan dengan pihak Yayasan AMIR berkenaan penambahan bilangan sekolah namun begitu mendapatkan penajaan oleh pihak swasta menjadi cabaran utama kepada pihak Yayasan AMIR.

Berdasarkan perjanjian usaha sama Sektor Awam-Swasta bagi PSA, sekolah yang terlibat PSA akan tamat pada tahun 2025 dan KPM akan terus memastikan semua 94 buah sekolah ini mampu mengekalkan kelestariannya melalui aplikasi Program Transformasi Sekolah (TS25) yang merupakan satu program sedia ada di peringkat KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semakin banyak ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah antarabangsa berbanding dengan sekolah tempatan. Apakah perancangan baharu yang akan dilaksanakan supaya dapat bersaing dengan sekolah swasta atau sekolah antarabangsa. Adakah Kementerian perlu meningkat taraf pendidikan negara kita. Jelaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah digubal untuk memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat melahirkan masyarakat yang menguasai ilmu, berkemahiran, berdaya saing serta mengamalkan nilai murni yang selari dengan perkembangan sains, teknologi dan maklumat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan sistem pendidikan kebangsaan adalah selari dengan perkembangan semasa. Bagi tujuan yang tersebut, KPM telah melakukan transformasi terkini dalam semua aspek pendidikan melalui pelbagai inisiatif terancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

SOALAN NO : 21

Salah satu inisiatif yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 adalah pemerksaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan bagi masyarakat di Malaysia. Antara langkah yang diambil KPM dalam memperkasakan SK adalah seperti yang berikut:

- i. menyediakan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti;
- ii. mengupayakan pemimpin dan guru yang cekap, kompeten dan berkualiti;
- iii. memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira);
- iv. memastikan kemenjadian murid secara holistik yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor;
- v. menyediakan sistem sokongan yang kuat dan mencukupi;
- vi. menyediakan iklim dan budaya sekolah yang sihat;
- vii. menawarkan dan melaksanakan kurikulum berasaskan pelanggan; dan
- viii. memantapkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sukan.

Bagi menjadikan SK sebagai sekolah pilihan masyarakat, KPM juga telah menawarkan mata pelajaran bahasa tambahan seperti Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi dan Bahasa Arab Komunikasi di SK. Selain itu, pemupukan kemahiran digital murid mula diperkenalkan dari sekolah rendah melalui pelaksanaan Modul Aplikasi TMK merentas kurikulum pada Tahap 1 dan pengaturcaraan dan teknologi robotik dalam mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi (RBT). Bagi menyokong penguasaan Bahasa Inggeris (BI) murid, *Dual Language Programme* (DLP) dilaksanakan dengan memberi pilihan kepada sekolah menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik.

Pendidikan digital juga turut diberikan tumpuan dan terus menjadi agenda KPM. Melalui penaiktarafan Pelantar *Digital Educational Learning Initiative* Malaysia (DELIMa), bahan pengajaran dan pembelajaran digital dan interaktif yang terkini disediakan secara berterusan. Selain itu, DELIMa juga memperluas peluang murid SK belajar secara aktif dan kolaboratif bersama-sama murid lain sama ada secara maya ataupun secara

bersemuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SK menyediakan peluang yang luas bagi membolehkan murid menyerlahkan bakat di pelbagai peringkat. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan dari peringkat sekolah sehingga antarabangsa, pelbagai kejayaan murid dalam bidang sukan, kebudayaan mahupun STEM telah dicapai. Dalam pelibatan sukan, atlet dari sekolah KPM telah beraksi cemerlang dalam pelbagai disiplin sukan di temasya Sukan SEA Hanoi 2022 dan terkini dalam Sukan SEA Kemboja 2023 dengan memenangi lima pingat emas, 10 pingat perak dan tujuh pingat gangsa.

Bidang kebudayaan juga menjadi satu daripada kejayaan KPM pada peringkat antarabangsa dengan kejayaan menggondol beberapa anugerah utama dalam VIII *World Cup Of Folklore 2023*. Selain itu, murid Malaysia juga menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam bidang STEM seperti dalam pertandingan *52nd International Physics Olympiad, Grand Award in Robotics and Intelligent Machines* serta *Formula One In Schools World Finals 2022*. Pelibatan dan kejayaan murid di SK ini jelas membuktikan bahawa KPM menitikberatkan kemenjadian murid bagi kelangsungan kemajuan negara kelak.

KPM akan terus komited memperkasa SK melalui pelbagai inisiatif dalam PPPM 2013- 2025 dalam usaha menjadikan SK bukan sahaja mampu bersaing dengan sekolah swasta di Malaysia, namun bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memberi penjelasan apakah langkah-langkah kawalan yang boleh diambil berkaitan isu harga tiket penerbangan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang terlalu tinggi terutamanya pada musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator* (RBD) di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.
3. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.
4. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehalu bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehalu dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan

NO. SOALAN: 22

penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

5. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI (RAUB)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN CHOW YU HUI (RAUB) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia menjadikan Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia (9 Ogos) sebagai cuti awam negara untuk meningkatkan kesedaran tentang budaya, bahasa, identiti dan keperluan komuniti Orang Asli yang mempunyai budaya dan gaya hidup yang unik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada 23 Disember 1994, telah memutuskan bahawa Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia hendaklah disambut pada 9 Ogos setiap tahun dan ia mula disambut pada tahun 1995.

Tarikh ini dipilih sempena mesyuarat pertama, Kumpulan Kerja PBB mengenai Populasi Orang Asli Sub-Suruhanjaya Mengenai Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (*UN Working Group on Indigenous Populations of the Sub-Commission on the Promotion and Protection of Human Rights*) pada tahun 1982.

Malaysia melalui JAKOA dan beberapa agensi lain tidak terkecuali dalam meraikan sambutan Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia pada 9 Ogos setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran dan melindungi hak serta menghargai sumbangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Pada masa ini pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan ia sebagai cuti awam. Terdapat lebih dari 50 hari Sambutan Sedunia yang diraikan sepanjang tahun setiap tahun seperti Hari Belia Sedunia dan Hari Kemanusiaan Sedunia tanpa cuti awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana aplikasi Sistem Bank Data Perumahan (TEDUH) berjaya menangani isu perumahan 'overhang' dan sehingga kini sejauh mana aplikasi ini dimanfaatkan oleh rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Bank Data Perumahan (TEDUH) adalah platform mengenai maklumat perumahan di bawah Agensi Kerajaan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), PR1MA Homes, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Residensi Wilayah.

Selain maklumat projek perumahan awam, TEDUH juga memberi perkongsian maklumat berkaitan pemaju dan pemajuan projek swasta di seluruh Semenanjung Malaysia. Platform ini disediakan untuk memudahkan rakyat mendapatkan maklumat mengenai pemajuan perumahan yang berlesen sebelum membuat keputusan berhubung komitmen perumahan. Melalui TEDUH, rakyat boleh mendapatkan maklumat seperti berikut:

SOALAN NO : 24

- i. nombor lesen pemaju – semakan status pendaftaran pemaju dengan Jabatan Perumahan Negara;
- ii. nombor permit dan tempoh sah laku – semakan status permit pengiklanan sesebuah pemajuan projek;
- iii. harga jualan;
- iv. jenis rumah;
- v. lokasi rumah;
- vi. keluasan unit rumah;
- vii. status pembangunan projek; dan
- viii. perincian unit rumah yang dijual.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji dengan lebih teliti punca berlakunya ketidaksepadanan di antara penawaran dan permintaan yang menyebabkan berlakunya lambakan hartanah tidak terjual. Berdasarkan perbincangan bersama Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*; NAPIC), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (*Real Estate and Housing Developers' Association*; REHDA) dan *Khazanah Research Institute* (KRI), data lambakan hartanah tidak terjual perlu diperincikan berdasarkan harga, lokasi, kemampuan lokaliti, jenis kediaman dan sebagainya supaya penyelesaian kepada isu dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal. KPKT juga amat menggalakkan pemaju untuk membuat kajian kebolehlaksanaan. Di masa hadapan apabila Pusat Data Perumahan (BDA) telah dibangunkan, KPKT menjangkakan isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui perancangan yang lebih tepat dan teliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (TEBRAU)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (TEBRAU) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mewujudkan kerjaya kedua kepada para atlet yang telah bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas dan tanggungjawab menjaga kebajikan bekas atlet negara adalah di bawah penyeliaan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB). Yayasan ini ditubuhkan pada 25 Julai 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 yang dikhususkan untuk membantu menguruskan hal ehwal kebajikan atlet yang telah bersara. Di awal penubuhannya, seramai 150 bekas atlet telah berdaftar sebagai ahli. Sehingga April 2023, jumlahnya telah meningkat kepada 2,971 atlet.

Matlamat utama penubuhan YAKEB adalah sebagai platform kepada bekas atlet untuk mendapatkan bantuan pembiayaan rawatan perubatan, bantuan peralatan sokongan kesihatan, bantuan musibah bencana alam,

SOALAN NO : 25

khairat kematian, bantuan kewangan bulanan, bantuan melanjutkan pelajaran dan pelbagai bantuan kebajikan lain. Kerajaan Pusat memberikan sokongan paduk kepada usaha-usaha YAKEB dan bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta pada tahun 2023 bagi menambah baik perkhidmatan YAKEB kepada bekas atlet.

YAKEB turut mengambil langkah menjalinkan kerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) untuk menganjurkan kursus kejurulatihan bagi membolehkan bekas atlet mengembangkan kerjaya mereka sebagai jurulatih. Sebanyak tiga siri Kursus Kejurulatihan Sains Sukan Tahap 1 telah diadakan pada tahun 2016, 2019 dan 2022 melibatkan penyertaan seramai 87 bekas atlet. Pada 24 hingga 28 Julai 2023, YAKEB akan menganjurkan Kursus Kejurulatihan Sains Sukan Tahap 2 dengan sasaran penyertaan melibatkan 50 bekas atlet.

Pihak YAKEB turut terlibat dalam usaha mendapatkan jaminan pekerjaan bagi bekas atlet. Ini termasuk jalinan kerjasama dengan syarikat pembekalan khidmat jurulatih, Go-Coach Sdn Bhd dan Genting Malaysia Berhad yang menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang hospitaliti.

Pada tahun 2021, atas permintaan bekas atlet, pihak YAKEB telah mengadakan kerjasama dengan Asia Drone & IT Technologies untuk menganjurkan Kursus Kemahiran Pengendalian Drone. Melalui program ini, bekas atlet telah diberikan bimbingan untuk mengendalikan drone dari jenis drone kamera sehinggalah kepada drone komersial. Seramai 27 bekas atlet telah menyertai program ini.

Di samping itu, YAKEB turut bekerjasama dengan Yayasan Hasanah untuk menganjurkan kursus-kursus kemahiran dan keusahawanan. Melalui program yang dilaksanakan ini, bekas atlet yang tamat kursus akan diberikan bantuan alat peralatan perniagaan bersesuaian dengan bidang kursus masing-masing. Ini membolehkan mereka terus memulakan perniagaan sebaik sahaja tamat kursus.

SOALAN NO : 25

Pada tahun 2020 dan 2021, pihak YAKEB dengan kerjasama Asia-e University telah menganjurkan sebanyak dua siri Kursus Kemahiran dan Keusahawanan melibatkan penyertaan 160 bekas atlet. Kerjasama ini akan dilanjutkan pada tahun ini dengan sasaran penyertaan 200 bekas atlet.

YAKEB turut menjalinkan kerjasama pintar dengan DHS Hospitality Academy yang merupakan rakan strategik UMCced (Universiti Malaya Centre for Continuing Education) dengan menawarkan siri kursus pelbagai peringkat termasuk sijil, diploma dan ijazah dalam bidang hospitaliti kepada bekas atlet. Kerjasama ini menyaksikan semua kos pengajian ditanggung secara biasiswa separa atau penuh. Program yang turut mendapat kerjasama Open University ini, dijangka mampu menarik penyertaan 50 bekas atlet pada tahun ini.

Selain itu, bagi memastikan bekas atlet mampu berdikari, pihak YAKEB telah melaksanakan langkah transisi kepada bekas atlet dengan menganjurkan seminar dan kursus berkaitan pembinaan kerjaya. Dalam usaha ini, YAKEB telah mengadakan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang seperti UMCCed, *Open University Malaysia*, *Asia-e University*, *Genovasi University* dan *DHS Hospitality Academy*. Bagi atlet yang masih berada dalam program latihan, pihak Majlis Sukan Negara (MSN) telah mewujudkan program *Malaysian Athlete Career And Education (MACE)* untuk menyelaraskan dan menyediakan platform pencarian peluang dan program asas kerjaya sebagai persiapan persaraan. MSN turut menjalinkan kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta melaksanakan *Athletes Track Program (ATP)* yang menyaksikan jalinan kerjasama dengan 17 syarikat dan agensi untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada atlet negara. Sehingga kini, 31 atlet telah mendapatkan pekerjaan melalui program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perancangan di peringkat Kementerian untuk merombak atau meneliti semula silibus pelajaran terutamanya bagi pelajar sekolah rendah yang dikatakan terlalu berat dan adakah perancangan Kementerian untuk mengembalikan peperiksaan penting seperti UPSR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambah baik kurikulum bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghasilan sesuatu kurikulum persekolahan memerlukan suatu tempoh masa yang mencukupi dan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan. Prinsip pembangunan kurikulum yang diguna pakai oleh KPM bercorak kitaran yang mengandungi enam proses iaitu analisis keperluan, perancangan, pembangunan dan pengembangan, uji rintis/pelaksanaan terhad, penyebaran dan pelaksanaan, pengesanan dan penilaian.

Pada masa kini, KPM sedang melaksanakan semakan semula kurikulum selepas kitaran kurikulum lengkap pusingannya. Semakan kurikulum ini dilaksanakan dengan mengambil kira semua input dan pandangan dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Dalam masa yang sama, bagi memastikan kurikulum sedia ada kekal relevan dan selari dengan keperluan semasa, KPM melaksanakan pemugaran kurikulum. Melalui pemugaran kurikulum, KPM melatih guru menyusun semula kandungan kurikulum dan mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersesuaian untuk dilaksanakan di bilik darjah. Sebagai bahan sokongan, Modul Bimbingan (MOBIM) disediakan bagi membantu guru merancang PdP dengan lebih berstruktur melalui integrasi beberapa standard pembelajaran yang sesuai. Justeru, kandungan kurikulum lebih mudah dioperasikan dan guru mampu menyelesaikannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan PBS yang melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi).

SOALAN NO : 26

Mulai sesi persekolahan 2022/2023, KPM telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam PBD. Ujian ini dilaksanakan untuk menilai pencapaian murid dalam satu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Instrumen ujian akhir sesi akademik yang setara standardnya disediakan oleh KPM untuk ditadbir di sekolah. KPM turut menyediakan Garis Panduan Pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik sebagai rujukan pengurusan pelaksanaan ujian tersebut. Panduan penskoran juga disediakan untuk kemudahan guru.

Perkembangan murid dalam aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat dan kecenderungan serta pembentukan sahsiah turut diperkukuh melalui komponen PAJSK dan PPSi. Ini adalah selari dengan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM yang mengutamakan konsep karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan anak yang bijak lagi cerdik. Dalam hal ini, guru diberi autonomi untuk melaksanakan pentaksiran secara holistik dan berterusan bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh.

KPM sentiasa cakna dengan perkembangan pendidikan semasa dan akan meneliti hasil laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang akan tamat pada tahun 2025 dalam menentukan hala tuju pendidikan pada masa hadapan termasuk perubahan kepada sistem pentaksiran.

Sekian, terima kasih.

RJM02

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN (BANGI)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil untuk menangani masalah kekerapan banjir kilat akibat sistem saliran Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (Kajang SILK) di tempat-tempat berikut:-

(a) taman-taman sekitar Jalan Reko seperti Taman Bangi; dan

(b) Terowong Twin Palms, Bandar Sungai Long.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertuan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian banjir kilat yang berlaku kebelakangan ini di Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (Kajang SILK) perlu dilihat secara menyeluruh oleh semua pihak yang terlibat dengan mengambilkira kesan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan sekitar dari masa ke semasa. Semakan ke atas beberapa kejadian banjir kilat yang berlaku di sekitar Lebuhraya Kajang SILK didapati berpunca daripada limpahan air Sungai Langat yang memasuki ke sistem perparitan berhampiran kawasan perumahan terutamanya ketika berlakunya kejadian hujan lebat yang berterusan.

Sebagai langkah mitigasi segera, pihak SILK telah melaksanakan pemasangan satu “flap gate” di hujung sistem perparitan yang memasuki Sungai Langat yang berfungsi sebagai injap sehalu bagi menghalang air Sungai Langat daripada mengalir masuk ke sistem perparitan kawasan perumahan yang berhampiran, ketika air Sungai Langat meningkat naik semasa kejadian hujan lebat yang berterusan.

Bagi kejadian banjir yang berlaku di kawasan terowong Twin Palms, semakan mendapati kejadian banjir adalah berpunca daripada limpahan air daripada kawasan pembangunan baharu bersebelahan perumahan Sutera Pines dan Lebuhraya SILK yang masih dalam pembinaan. Pihak pemaju yang berkaitan dan Majlis Perbandaran Kajang telah sedia maklum berkenaan kejadian di atas dan perbincangan lanjut bersama semua pihak yang terlibat akan dilakukan bagi mendapatkan cadangan penyelesaian ke atas isu banjir yang berlaku.

Pihak SILK sentiasa memantau kawasan yang terlibat dan kerja-kerja penyelenggaraan rutin juga dilakukan oleh pihak SILK secara berkala pada sistem perparitan yang berada di dalam kawasan selenggaraan Lebuhraya Kajang SILK. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setakat mana pelaksanaan inisiatif di bawah Dasar Pengangkutan Negara telah dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sebagai peneraju utama bagi pelaksanaan inisiatif di bawah Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN2030) yang juga dikenali sebagai Pelan Pelaksanaan sentiasa memantau tindakan pelaksanaan inisiatif pengangkutan oleh pelbagai Kementerian dan agensi yang terlibat termasuk Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan inisiatif Pelan Pelaksanaan DPN2030 adalah sebanyak 247 inisiatif. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 99 inisiatif dengan peratusan sejumlah 40% telah selesai dilaksanakan manakala 123 inisiatif iaitu sejumlah 50% masih lagi dalam pelaksanaan. Hanya 10% iaitu 25 inisiatif jangka masa sederhana bagi tahun 2023-2025 dan jangka masa panjang bagi tahun 2026-2030 masih belum dimulakan.

3. Peranan dan komitmen yang berterusan daripada Kementerian dan agensi yang terlibat termasuk Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selain Kementerian Pengangkutan dalam melaksanakan inisiatif pengangkutan masing-masing adalah sangat penting kerana ia akan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan DPN2030 secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD
ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam menambah baik kemudahan pusat rawatan pesakit buah pinggang khususnya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan dialisis yang sewajarnya dapat disediakan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar. KKM juga telah memperluaskan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit di pedalaman dengan mewujudkan unit-unit hemodialisis di klinik kesihatan.

2. KKM telah memperuntukkan sebanyak RM 4 juta sehingga 6 juta setahun untuk menaik taraf kemudahan hemodialisis di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar, digunakan untuk pembelian peralatan perubatan seperti penggantian mesin hemodialisis, mesin *Reverse Osmosis*, mesin *Dialyzer Reprocessor* dan sebagainya. Selain itu, peruntukan itu juga digunakan untuk renovasi klinik, unit dialisis dan juga stor dialisis.

3. Di bawah Peruntukan Pembangunan bagi Perolehan Alat Perubatan dan Bukan Perubatan serta Kenderaan bagi Kemudahan Hemodialisis di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, dianggarkan sebanyak RM 27.77 juta akan diperuntukkan untuk menaik taraf kemudahan hemodialisis di seluruh KKM bermula tahun 2021 sehingga tahun 2025 sepanjang tempoh RMK-12. Bagi tempoh 2021 hingga 2023, Kerajaan telahpun membelanjakan sebanyak RM15.77 juta bagi pembelian 103 buah mesin hemodialisis dan peralatan dialisis lain dan menaik taraf unit hemodialisis sedia ada.

4. Bagi setiap hospital KKM yang dibina baru, fasiliti itu akan turut dilengkapi dengan unit hemodialisis. Ini akan dapat meningkatkan kapasiti rawatan dialisis, dengan purata pertambahan minimum sebanyak 40-60 pesakit dialisis bergantung kepada peruntukan kewangan, bilangan staf dan syif rawatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pengambilan untuk program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau NPQEL dilaksanakan. Apakah terdapat had yang ditetapkan untuk peserta NPQEL daripada setiap aliran sekolah (SK, SJKC dan SJKT) dan bagaimana mengatasi masalah ada calon yang telah menunggu lama untuk mengikuti kursus NPQEL ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan penempatan ke jawatan pengetua atau guru besar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan calon untuk mengikuti dan lulus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) di bawah kendalian Institut Aminuddin Baki. Program ini bertujuan menilai kompetensi calon dalam aspek kepimpinan, pengurusan dan kewangan.

Proses kerja pengambilan untuk program NPQEL terbahagi kepada tiga peringkat kerja iaitu:

Peringkat pertama:

- i. mendapatkan unjuran keperluan latihan calon Pengetua dan Guru Besar (PGB) yang tepat bagi tahun berikutnya daripada Bahagian di KPM yang mempunyai sekolah di bawah seliaan serta daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN);
- ii. membuat hebahan iklan permohonan NPQEL melalui portal KPM di dalam sistem Modul Penggantian Pemimpin sekolah (MPPS); dan
- iii. pemohon membuat permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan dikeluarkan.

Peringkat kedua:

- i. calon yang berjaya disenarai pada tapisan awal perlu menghadiri sesi pentaksiran; dan
- ii. calon yang melepasi kesemua proses pentaksiran yang dilaksanakan oleh Panel Pemilih di peringkat Bahagian dan JPN akan dihantar kepada KPPM untuk diperakukan.

Peringkat ketiga:

- i. KPM akan mengeluarkan surat arahan menghadiri Program NPQEL kepada calon yang diperakui KPPM dalam Sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menetapkan sebarang had (kuota) untuk calon daripada setiap aliran sekolah (SK, SJKC dan SJKT) mengikuti kursus NPQEL. Tempat yang ditawarkan setiap tahun adalah berdasarkan bilangan keperluan calon pengetua atau guru besar di setiap JPN.

Bagi mengatasi masalah calon daripada menunggu lama untuk ditawarkan mengikuti kursus NPQEL ini, bahagian di KPM yang mempunyai sekolah di bawah seliaan serta jabatan pendidikan negeri dibenarkan untuk memperakukan calon simpanan yang berkecualan mengikuti kursus NPQEL pada ambilan yang berikutnya. Manakala, bagi calon yang gagal dalam tapisan awal dan sesi pentaksiran pula dibenarkan untuk membuat permohonan untuk ambilan yang berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan huraian tuntas fasa-fasa projek termasuk merancang, pemajuan dan pasca-siap di samping definisi lengkap bagi projek lewat siap, tertangguh, sakit dan terbengkalai ditinggalkan pemaju sebelum siap agar antara lain, pembayaran pinjaman/pembiayaan boleh ditangguhkan sementara, dan semua hak dan kepentingan pembeli terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasa-fasa pemajuan sesuatu projek meliputi peringkat perancangan, pembinaan dan siap. Adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk membuat perancangan sesuatu pemajuan sehingga projek tersebut siap. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin dalam menjamin hak dan kepentingan rakyat terutamanya pembeli rumah. Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menambah baik proses pemantauan projek seawal peringkat perancangan.

Pada masa ini, KPKT telah mewajibkan setiap pemaju perumahan memohon lesen pemajuan di peringkat awal melalui pendaftaran tanah yang hendak dimajukan sebagai projek perumahan. Setelah pemaju mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan daripada kerajaan negeri, pemaju dikehendaki mengemukakan permohonan lesen permit dan iklan jualan kepada KPKT untuk kelulusan penjualan. Tempoh sah laku permit ini hanya berkuatkuasa selama dua (2) tahun sahaja, dan sekiranya tiada penjualan, permit ini boleh dibatalkan. Prosedur ini dilaksanakan bagi memastikan pemaju mengambil serius mengenai perancangan sesuatu pemajuan perumahan.

Semasa peringkat pembinaan pula, Kerajaan membuat pemantauan kemajuan projek secara berkala melalui Seksyen 7(f), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) [Akta 118] yang mana pemaju diwajibkan mengemukakan laporan kemajuan semasa. Daripada pemantauan tersebut, Kerajaan boleh membuat pengesanan (*tracking*) dan mengenal pasti status projek yang lewat, sakit serta menklasifikasikan mana-mana pemajuan yang diisytiharkan terbengkalai di bawah kuasa Menteri di bawah Seksyen 11 (1)(c), Akta 118.

KPKT mengambil serius dan berusaha membantu pemaju menyelesaikan sebarang isu kelewatan projek perumahan sehingga dipulihkan dan menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance, CCC) melalui penubuhan Mesyuarat Taskforce Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai yang diadakan secara bulanan. Mesyuarat ini berperanan untuk memantau status projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai serta mencadangkan langkah-langkah pemulihan bagi projek berkenaan. Di samping itu, mesyuarat ini turut membincangkan permasalahan, mengenal pasti kaedah penyelesaian, penyelarasan pelaksanaan dan pelan tindakan kepada isu-isu berkaitan pemajuan perumahan swasta.

Bagi membantu meringankan bebanan para pembeli yang terlibat dalam projek perumahan swasta terbengkalai, Kementerian mengambil inisiatif seperti berikut:

- i. mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan swasta terbengkalai kepada pembiaya akhir (*end-financier*) bagi unit rumah berkaitan. Melalui surat pengesahan ini, para pembeli boleh mendapatkan pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;
- ii. bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan pula, permohonan boleh dibuat bagi:
 - a. membatalkan pinjaman sedia ada dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baharu iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama; atau
 - b. pengecualian pengenaan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

SOALAN NO : 31

Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam berdasarkan merit setiap kes; dan

- iii. Kerajaan telah melanjutkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik kepada pembeli asal projek perumahan swasta terbengkalai sehingga **31 Disember 2025**. Inisiatif ini telah diperkenalkan sejak tahun 2013 bagi membantu meringankan bebanan para pembeli yang terlibat dengan projek perumahan swasta terbengkalai.

KPKT juga akan melaksanakan sesi libat urus bersama Bank Negara Malaysia, persatuan bank dan agensi pembiaya pinjaman perumahan untuk mencari jalan dan kaedah yang lebih baik bagi membantu pembeli demi memastikan kepentingan pembeli terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
(IGAN)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI (IGAN) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah perjanjian di antara Felcra Bhd dengan pemilik tanah di kawasan Matu akan berakhir dan bilakah ianya akan diserahkan balik kepada pemiliknya kerana ramai di kalangan pemilik tanah ini tidak menerima dividen langsung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Klausula dalam Perjanjian Peserta-FELCRA Perkara 1 yang dipersetujui peserta ialah “Peserta dengan ini memberi sepenuh kuasa kepada FELCRA memasuki Tanah tersebut termasuk semua kakitangan dan pekerja-pekerja FELCRA dan juga jentera-jentera, alat-alat dan bahan-bahan yang perlu untuk menjalankan segala kerja-kerja yang perlu bagi maksud memulih dan memajukan Tanah tersebut sehingga tamatnya Perjanjian ini. Tarikh permulaan kerja diatas Tanah tersebut adalah tertakluk kepada masa dan jadual Pembangunan yang akan ditetapkan oleh FELCRA dari masa ke semasa”.

Lazimnya, penyerahan semula projek kepada peserta dibuat setelah baki hutang peserta selesai dalam tempoh 25 tahun atau 1 pusingan hayat pembangunan sawit. Namun begitu, dalam konteks projek di kawasan Matu terdapat situasi dimana masih terdapat baki hutang tertunggak yang belum diselesaikan. Sehubungan dengan itu, penyerahan projek kepada peserta tidak dapat dilaksanakan lagi.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(AMPANG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL (AMPANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan merekacipta dan membangunkan satu program khusus untuk meningkatkan kemandirian, potensi diri dan daya tahan golongan rentan termasuk belia, wanita, usahawan/peniaga nano dan kecil, B40 dan M40 rendah, OKU, pekerja migran dan pelarian dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan Kementerian Ekonomi sebagai agensi peneraju untuk menyemak kapasiti dan keupayaan pelbagai Kementerian/agensi bagi membolehkan Kerajaan merangka penyelesaian yang holistik dan komprehensif dengan penggunaan sumber secara optimum untuk mengatasi masalah miskin tegar.
2. Sebelum ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (kini Kementerian Ekonomi) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah menerajui Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilaksanakan pada tahun 2022-2025. BMTKM ini memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan tegar dalam kalangan ketua isi rumah (KIR) dan ahli isi rumah (AIR) miskin tegar di seluruh negara sehingga berakhir tahun 2025.
3. Sementara itu, dalam usaha untuk turut menjayakan program pembasmian kemiskinan tegar bagi golongan rentan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya seperti:
 - i. menyediakan bantuan kewangan bulanan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan rentan yang layak dan menepati syarat yang telah ditetapkan seperti Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas, Bantuan Elaun Pekerja OKU dan pelbagai bantuan lain yang bersesuaian.
 - ii. Melaksanakan Program 2 Years Exit Programme (2YEP) sejak tahun 2016 untuk membantu penerima bantuan kebajikan JKM yang produktif ke arah hidup berdikari supaya boleh keluar daripada kebergantungan kepada bantuan yang diterima. Peserta dipantau dan diberi bimbingan secara berterusan sehingga dua (2) tahun;

- iii. Melaksanakan Program Pemerksaan Dan Transformasi Minda Penerima Bantuan (PT-Minda JKM) kepada penerima bantuan kewangan JKM bermula pada tahun 2022. untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan keibubapaan serta pengurusan kewangan peribadi supaya penerima bantuan berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan;
 - iv. Melaksanakan Program Transformasi Anak Penerima Bantuan Di Universiti (Trans@Universiti), iaitu program advokasi kepentingan pendidikan kepada anak penerima bantuan dilaksanakan pada tahun ini bagi memberi kesedaran kepada peserta untuk mengubah taraf hidup keluarga melalui pendidikan;
 - v. Melaksanakan Program MyKasih Kapital dengan menyalurkan bantuan asas modal perniagaan yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM500 bagi menggalakkan wanita untuk menceburi bidang perniagaan mikro.
 - vi. Peserta MyKasih Kapital turut mengikuti aktiviti pembangunan kapasiti di bawah program Wanita Bangkit. Program ini merangkumi sesi perkongsian pengalaman dan penambahan ilmu termasuk dalam selok-belok perniagaan daripada usahawan-usahawan yang berjaya serta kesedaran tentang bantuan dan insentif yang boleh dimanfaatkan oleh wanita.
4. KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak dalam usaha memastikan golongan rentan di negara ini terbela dan seterusnya boleh keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang kehilangan rumah kediaman akibat bencana alam, daripada Januari 2020 sehingga Disember 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), sehingga Januari 2023 jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas akibat Monsun Timur Laut (MTL) 2021-2022 adalah seramai 236,664 orang dan jumlah keseluruhan mangsa termasuk bukan warganegara adalah seramai 818,130 orang dengan 57 kematian direkodkan.

Data dari NADMA juga mencatatkan kesemua mangsa warganegara telah menerima pelbagai jenis bantuan seperti Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Barangan Keperluan Asas. Bagi bantuan perumahan dalam bentuk pembaikan atau bina baharu rumah pula, sebanyak 28,563 KIR warganegara Malaysia telah menerima bantuan ini.

Inisiatif di bawah KPKT untuk melaksanakan kerja-kerja membina baharu dan kerja-kerja baik pulih rumah yang terkesan akibat banjir di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dilaksanakan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Sehingga 28 April 2023, sebanyak 2,203 unit rumah berjaya disiapkan yang merangkumi 68 unit di bawah kategori bina baharu dan sebanyak 2,135 unit baik pulih rumah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD
ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan laporan audit keselamatan membabitkan kemudahan utiliti termasuk aspek pendawaian di setiap hospital dan klinik di seluruh negara ekoran insiden kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 2016 yang telah meragut 6 nyawa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan audit keselamatan di fasiliti kesihatan melibatkan hospital dan klinik melalui *Fire Safety Audit (FSA)* bersama agensi teknikal lain seperti Jabatan Kerja Raya dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM). Audit ini telah menilai keadaan sedia ada merangkumi aspek keselamatan kebakaran dan juga sistem utiliti lain melibatkan sistem kejuruteraan elektrik, mekanikal dan arkitektural bangunan. Sebagai makluman tambahan juga, pihak Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Inisiatif Baik Pulih dan Naik Taraf Hospital Lama melibatkan 47 hospital/ institusi yang telah berusia melebihi 50 tahun melalui *Building Condition Assessment (BCA)* dan Hospital Mersing adalah salah satu hospital yang telah tersenarai dalam inisiatif tersebut. Penilaian BCA ini kini sedang berjalan yang diselia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Hasil laporan penilaian BCA tersebut akan membantu hospital mendapatkan Sijil Perakuan BOMBA (*Fire Certificate*) sebagai pematuhan keperluan statutory (*UBBL & Fire Services Act*).

2. Selain itu, Kementerian juga dalam proses menaik taraf 413 buah klinik-klinik daif di seluruh negara pada tahun 2023 yang mana ianya turut melibatkan skop kerja pembaikan bangunan dan pendawaian sekaligus dapat membantu mengurangkan risiko keselamatan kebakaran dan akan terus melaksanakan penambahbaikan terhadap mana-mana penemuan dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan bangunan sentiasa berada pada tahap yang optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kes yang telah disiasat dan diambil tindakan oleh Kementerian terhadap syarikat pemaju atau pengarah-pengarah projek perumahan terbengkalai yang telah melanggar Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1966 (Akta 118) atau Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan), dan jumlah kes projek terbengkalai yang telah diambil alih oleh Kementerian melalui Seksyen 11 dan 12 Akta 118.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] sedang dibuat penambahbaikan seiring dengan perkembangan industri perumahan dari semasa ke semasa. Akta 118 yang digunakan pada masa kini adalah hasil pindaan yang telah dikuatkuasakan semenjak tahun 2015. Adalah dimaklumkan bahawa pindaan ini tidak bersifat retrospektif di mana terdapat seksyen baharu seperti seksyen 18A yang hanya boleh dikuatkuasakan selepas pindaan berkuatkuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, seksyen 18A ini merujuk kepada kesalahan berhubung dengan pengabaian pemajuan perumahan oleh pemaju perumahan berlesen. Pengabaian pemajuan perumahan pula adalah tertakluk kepada pengesahan oleh Menteri di bawah seksyen 11. Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen 11 merujuk kepada Kuasa Menteri untuk memberikan arahan bagi maksud melindungi kepentingan pembeli. Justeru, kepentingan pembeli akan menjadi keutamaan dalam menetapkan hala tuju pemajuan dan tidak terhad kepada memberi hukuman kepada pemaju.

Pada masa kini, setelah sesuatu pemajuan disahkan terabai, fokus Kementerian adalah sebagai mediasi pemulihan di mana Kementerian berusaha mendapatkan komitmen pelbagai pihak bagi memulihkan pemajuan yang terlibat. Sehubungan itu, tiada keperluan bagi seksyen 12 yang merujuk kepada arahan am oleh Menteri diberikan buat masa ini bagi memberi ruang kepada usaha-usaha mediasi pemulihan yang sedang berjalan. Tambahan pula, seksyen ini tidak merujuk kepada mana-mana tindakan siasatan atau tindakan perundangan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memastikan sesuatu pemajuan dipantau dan disemak. Hal ini memandangkan kuasa untuk melaksanakan penyiasatan telah diperuntukkan sebagaimana seksyen 10 di mana Pengawal atau seorang Pemeriksa atas kemahuannya sendiri atau diarahkan oleh Menteri boleh menyiasat mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

SOALAN NO : 36

Berdasarkan siasatan dan pemantauan yang dilaksanakan Kementerian selama ini, terdapat sebanyak 112 projek perumahan swasta telah diisytiharkan terbengkalai setakat 30 April 2023 merangkumi pemajuan yang dibuat sebelum dan selepas kuatkuasa pindaan Akta 118 pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, hanya dua (2) pemajuan yang diwartakan sebagai terbengkalai selepas kuatkuasa pindaan Akta 118 pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, tindakan di bawah seksyen 18A tidak dapat dilaksanakan memandangkan syarikat pemajuan perumahan terlibat telah melalui proses pelikuidasi di bawah Akta Syarikat 2016 dan sedang dalam proses mediasi pemulihan. Namun begitu, kesemua syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat tersebut tetap disenarai hitam oleh pihak Kementerian. Hal ini mengakibatkan pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat terlibat disekat daripada memohon Lesen Pemajuan Perumahan baharu dan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA) sedia ada dibekukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Kumpulan Berjaya Berhad yang telah menawarkan pembinaan rumah teres untuk keluarga pekerja dan bekas pekerja dari lima ladang iaitu Ladang Sungai Tinggi, Ladang Mary, Ladang Minyak, Ladang Nigel Gartner dan Ladang Bukit Tagar. Pihak Jabatan Perumahan Negara di bawah KPKT telah bersetuju membina rumah tersebut. Namun, dikatakan tiada bajet (peruntukan). Soalan saya, bilakah KPKT dapat memohon bajet tersebut untuk mengimplimentasikan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan permohonan untuk melaksanakan projek PPR Tanjung Karang 1, Bestari Jaya, Selangor kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan. Namun, permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan disebabkan masih terdapat isu-isu berkaitan projek ini yang masih belum diselesaikan melibatkan aspek dasar, skop dan spesifikasi projek. Justeru, KPKT akan mengadakan sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri Selangor dan pihak-pihak berkepentingan untuk mencari penyelesaian dan hala tuju berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bentuk kemudahan atau bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar-pelajar Kolej Vokasional yang mengikuti pengajian sehingga ke peringkat diploma ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan kemudahan pinjaman PTPTN kepada mereka sebagaimana yang diperoleh oleh penuntut-penuntut IPTA/IPTS yang juga mengikuti pengajian di peringkat diploma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua murid Kolej Vokasional (KV) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mengikuti pengajian di peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) layak menerima Bantuan Awal Persekolahan berjumlah RM150.00 seorang secara *one-off*. Selain itu, murid SVM bagi kategori B40 juga layak memohon Biasiswa Kecil Persekutuan serta bantuan kewangan daripada kerajaan negeri dan zakat daripada Majlis Agama Islam Negeri. Murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mengikuti pengajian peringkat sijil dan diploma di KV turut layak mendapat Elaun Murid Khas (EMK).

Murid B40 yang mengikuti pengajian program diploma di KV turut layak memohon bantuan zakat daripada Majlis Agama Islam Negeri dan pembiayaan daripada Yayasan Pendidikan Negeri. Sebahagian murid ini juga turut menerima bantuan tablet program PerantiSiswa pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program diploma di KV diberikan secara percuma dari segi yuran pengajian kepada semua murid lepasan SVM yang layak. Oleh yang demikian, KPM berpendapat tiada keperluan pada masa ini untuk murid yang mengikuti program diploma di KV untuk mendapatkan kemudahan pinjaman Tabung Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Tambahan pula, syarat memohon PTPTN hanya dibuka kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta tempatan sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan untuk meningkatkan mutu sukan, terutamanya pembangunan atau penyediaan infrastruktur yang lengkap dan latihan profesional di wilayah Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) mempunyai perancangan khusus terhadap program pembangunan sukan berstruktur, menyeluruh dan berterusan melalui kerjasama strategik dengan Majlis Sukan Negeri, Persatuan Sukan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan dan pelbagai pihak berkepentingan lain.

Sehingga kini, Program Bakat dan Program Pelapis Negeri melibatkan 15 jenis sukan teras telah dilaksanakan. Program Bakat memberi tumpuan kepada atlet muda yang berumur antara 13 hingga 15 tahun. Melalui program ini, seramai 128 atlet di Sarawak sedang berlatih di 11 Pusat Latihan Daerah (PLD). Bagi Program Pelapis Negeri pula seramai 373 atlet di bawah umur 21 tahun sedang menjalani latihan di 25 Pusat Latihan Negeri (PLN).

Sementara itu, bagi program pembangunan sukan akar umbi pula, Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengesan bakat di peringkat sekolah rendah. Program dikenali sebagai Program Pengenalpastian Bakat (MyTID) ini dijalankan melalui pendekatan saintifik baharu yang melibatkan kemahiran pergerakan motor dan kaedah penilaian kematangan. Program ini akan dilaksanakan secara *Proof of Concept* (POC) bermula pada tahun ini hingga tahun 2024 melibatkan seramai 60 ribu murid sekolah rendah pada tahun satu hingga enam di 152 sekolah seluruh negara. Sebanyak 15 sekolah di negeri Sarawak telah dipilih untuk terlibat dalam pelaksanaan program ini. Satu kursus *training of trainers* akan dianjurkan di Sarawak melibatkan 30 guru yang dikenali sebagai *Talent Eagle*. Pemilihan *Talent Eagle* ini dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Selain itu, bermula pada tahun ini, KBS melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah memberikan pengiktirafan kepada organisasi awam dan swasta yang berkeelayakan di seluruh negara termasuk di Sarawak untuk menjadi Pusat Satelit ISN. Pusat satelit yang diiktiraf ini akan berpeluang memberikan perkhidmatan dan fokus kepada aspek penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi berkaitan sukan.

KBS sentiasa terbuka dan bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Sarawak bagi memberikan khidmat nasihat teknikal dan kepakaran dalam merangka program bakat melibatkan pelbagai sukan berpotensi di Sarawak dengan sinergi strategik bersama-sama Majlis Sukan Negeri Sarawak.

Berhubung dengan penyediaan infrastruktur sukan di Sarawak, KBS bersedia memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap sebarang permohonan berkaitan. Pada masa ini, KBS sedang memberi tumpuan terhadap usaha menaik taraf kemudahan sukan sedia ada di bawah seliaan Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah fokus utama pihak Kementerian untuk pembangunan belia-belia di Malaysia selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia MADANI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan hasrat dan konsep MADANI yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan telah memberikan nafas baharu kepada pelaksanaan pelbagai program utama melibatkan belia di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu fokus penting Kementerian terhadap aspek pembangunan belia pada tahun ini ialah inisiatif memberikan nafas baharu terhadap program Rakan Muda demi memastikan anak muda di negara ini mengisi masa dengan aktiviti bermanfaat serta mengamalkan gaya hidup positif. Bagi tujuan ini, Kementerian bakal memperkenalkan 10 gaya hidup baharu Rakan Muda seperti berikut:

SOALAN NO : 40

1. Rakan Aktif;
2. Rakan Bumi;
3. Rakan Demokrasi;
4. Rakan Digital;
5. Rakan Ekspresi;
6. Rakan Litar;
7. Rakan Mahir;
8. Rakan Muzik;
9. Rakan Niaga; dan
10. Rakan Prihatin.

Sehubungan itu, pelbagai program berkaitan pembangunan belia di bawah KBS akan diselaraskan dengan inisiatif ini bagi memastikan pelaksanaan program lebih berkesan dan mencapai kelompok sasaran secara lebih strategik.

Di samping inisiatif Nafas Baharu Rakan Muda, KBS pada tahun ini juga bakal memberikan fokus kepada Program Pendidikan Demokrasi bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan golongan belia terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Hal ini adalah selaras dengan penglibatan formal golongan belia dalam sistem demokrasi, khususnya dengan penurunan had umur pengundi kepada 18 tahun.

Program ini akan dilaksanakan sebagai program jangka panjang melibatkan pelbagai tahap penyampaian berpandukan kepada kumpulan sasaran ditetapkan. Sehingga kini, Kementerian ini telah melaksanakan sembilan sesi ujian program melibatkan 3,054 golongan belia di pelbagai peringkat. Malah bagi memastikan pengisian program ini terus diperkukuh, Kementerian telah melaksanakan sesi libat urus melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli akademik, badan bukan kerajaan dan parti-parti politik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
(PARIT)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (PARIT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha drastik oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pembuangan bayi yang masih serius pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mana-mana kes pembuangan bayi. Dalam usaha untuk membendung kejadian buruk seperti ini, tanggungjawab ini bukanlah terletak di bahu KPWKM semata-mata, tetapi kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan serta masyarakat perlu dimainkan bersama bagi mencapai objektif ini dengan lebih berkesan.

2. Di pihak KPWKM sendiri, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui agensi-agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), antaranya termasuklah:

- i. Melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022 - 2025 pada 8 September 2022. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial manakala Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pula menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan program dan aktiviti;
- ii. Mewujudkan Pusat Remaja kafeTEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja. Sehingga kini, terdapat 18 buah Pusat Remaja kafeTEEN beroperasi di seluruh negara dan disokong oleh Trak KafeTEEN *Outreach* untuk capaian di kawasan yang lebih luas;
- iii. Memperluaskan Program Advokasi Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial melalui Kempen '*Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu*' bagi memupuk resilien dan jati

SOALAN NO : 41

diri remaja serta menjaga batas pergaulan serta mendidik remaja mengenai ilmu dan kefahaman tentang kesan negatif hubungan seks sebelum nikah;

- iv. Mewujudkan perkhidmatan Talian Kasih 15999 (dahulu dikenali sebagai Talian NUR) bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes pembuangan bayi. Remaja atau wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling melalui Talian Kasih 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti pembuangan bayi. Talian ini telah diperluaskan skop perkhidmatan iaitu telekaunseling dan penggunaan aplikasi *whatsApp*. Ia merupakan talian bebas tol dan beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun; dan
- v. membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

3. Di samping itu, KPWK M juga menubuhkan 4 buah Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah iaitu Taman Seri Puteri (TSP) untuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun. Manakala 2 buah Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK) disediakan untuk perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas.

4. Sekali lagi ingin dijelaskan tanggungjawab bagi menangani isu ini bukan hanya terletak di bawah agensi Kerajaan semata-mata sebaliknya setiap rakyat Malaysia perlu bersama Kerajaan mengambil segala usaha membendung masalah pembuangan bayi ini daripada terus berleluasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewajibkan pemasangan alat pengecas di kediaman bertingkat ataupun berkepadatan tinggi, serta memudahcarakan proses pemasangan tersebut bagi menggalakkan kepenggunaan kenderaan elektrik (EV) dan merancakkan usaha pengurangan karbon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) sedang menyediakan Pekeliling berkaitan Prosedur Permohonan dan Kelulusan Pemajuan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pekeliling ini menerangkan dua (2) perkara utama iaitu:

- (i) tatacara dan prosedur permohonan kelulusan pemasangan stesen pengecasan EV di kawasan PBT; dan
- (ii) garis panduan perancangan bagi penyediaan stesen pengecasan EV di kawasan PBT.

Tatacara permohonan melibatkan proses memudah cara pemasangan stesen pengecasan EV dari segi prosedur permohonan dan tempoh masa kelulusan oleh PBT. Garis panduan perancangan turut menggariskan keperluan minimum penyediaan tempat letak kenderaan bagi stesen pengecasan EV bagi semua jenis pembangunan sedia ada dan pembangunan baharu termasuklah di kawasan perumahan berbilang tingkat atau berkepadatan tinggi.

Pekeliling ini sedang dimuktamadkan di peringkat KPKT dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang dijangka pada bulan Jun 2023. Seterusnya, Pekeliling ini akan diterima pakai oleh agensi pelaksana di peringkat persekutuan, negeri, PBT serta pemain industri dan secara tidak langsung akan menggalakkan penggunaan EV dan merancakkan usaha pengurangan karbon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sehingga kini, berapa peratusan keberjayaan usahawan yang dilahirkan di kawasan desa bagi 5 tahun terakhir (2018-2022) memandangkan sektor keusahawanan atau PKS telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Bahagian dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan beberapa program pembangunan usahawan yang menyeluruh bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan mereka. Antara program tersebut termasuklah Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) iaitu program yang membantu usahawan-usahawan mikro luar bandar dengan menyediakan bantuan geran penuh sehingga RM10 ribu.

SPKLB yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga 2022 telah memberikan manfaat kepada 1,943 usahawan luar bandar dengan nilai geran berjumlah RM13 juta dalam bentuk bantuan pembelian mesin, peralatan, modal pusingan dan baikpulih premis perniagaan. Daripada jumlah ini, 65% telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 10% selepas mendapat bantuan geran SPKLB.

Selain itu, berdasarkan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi Tahunan Kementerian yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF), peratusan peningkatan pendapatan usahawan yang menerima bantuan pembiayaan keusahawanan luar bandar dalam tempoh 5 tahun terakhir iaitu tahun 2018 - 2022 menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun walaupun kebanyakan usahawan dan peniaga kecil terjejas pendapatannya berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik COVID-19 melanda negara dan bencana alam.

Pada tahun 2020 misalnya sebanyak 66.17% usahawan berjaya meningkatkan pendapatan mereka selepas enam (6) bulan menerima bantuan pembiayaan keusahawanan luar bandar berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun sebelumnya iaitu 35%. Manakala pada tahun 2021, peratusan peningkatan pendapatan di kalangan usahawan

SOALAN NO : 43

luar bandar terus menunjukkan peningkatan iaitu 72% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 60%. Seterusnya pada tahun 2022 pula, dianggarkan sebanyak 85% usahawan luar bandar dapat meningkatkan pendapatan mereka berbanding sasaran yang ditetapkan 60%.

Tambahan daripada itu, KKDW melalui MARA telah melaksanakan inisiatif baru melalui Pelan Strategik MARA 2021 - 2025, yang menggariskan beberapa outcome bagi mengukur tahap keberjayaan usahawan yang menerima kemudahan MARA. Antaranya adalah meliputi usahawan yang berjaya kekal dalam industri serta mempunyai pendapatan syarikat yang konsisten serta meningkatkan nilai jualan sekurang-kurangnya 10% setahun. Selain daripada itu, MARA mensasarkan pembangunan 15,000 usahawan yang kompeten dalam tempoh lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui program pembangunan keusahawanan berstruktur yang dirangka bagi memenuhi keperluan industri.

KKDW akan sentiasa komited dalam memastikan keberjayaan usahawan terutama dari desa melalui pelaksanaan pelbagai program serta kemudahan yang disediakan kerana potensi sumbangan mereka ke arah memacu ekonomi negara yang lebih mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mewujudkan, menaik taraf dan menyelaraskan pemusatan data kesihatan pesakit di seluruh negara bagi memudahkan akses serta proses rawatan pesakit di fasiliti yang kini sama ada tidak wujud dan kalau wujud pun, sistem hanyalah "stand alone" di hospital berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membangunkan Platform *Health Information Exchange* (HIE) sebagai Platform Digital Perkongsian Maklumat Kesihatan yang menyelaraskan komponen integrasi data kesihatan pesakit di seluruh negara. Platform HIE ini akan memacu pelaksanaan sistem maklumat kesihatan bersepadu merentasi pelbagai sistem dan fasiliti berbeza bagi memudahkan akses dan koordinasi holistik rawatan pesakit serta kesinambungan jagaan kesihatan. Pembangunan Platform HIE ini sedang dilaksanakan secara rintis di Negeri Sembilan yang membolehkan pengamal perubatan sektor awam mendapatkan maklumat perubatan pesakit di mana-mana fasiliti kesihatan yang dikunjungi.

2. Selain itu, Kementerian juga secara berperingkat akan menggunakan sistem maklumat pesakit yang seragam bagi menyelaraskan pemusatan data kesihatan pesakit di seluruh negara. Untuk fasiliti hospital KKM, peralihan dari pelbagai sistem maklumat pesakit yang bersifat “stand alone” kepada Sistem HIS@KKM sedang dilaksanakan.

3. KKM juga telah membangunkan “*Malaysian Health Data Warehouse*” (MyHDW) sebagai “Gudang Data Kesihatan” yang memusatkan data-data pesakit. Sistem MyHDW ini berfungsi sebagai platform untuk analisis data sekunder (*secondary data analysis*) bagi melaksanakan keputusan berasaskan bukti (*evidence-based decision-making*) dalam pengurusan kesihatan awam. Maklumat kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan sektor kerajaan mahupun hospital swasta dikumpulkan dalam sistem MyHDW ini dan ianya boleh diakses oleh pengamal kesihatan dan para penyelidik untuk tujuan pelaporan kesihatan awam dan surveilans penyakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa usaha dan strategi terkini KPM bagi memastikan isu kekurangan guru bagi 4 mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah dilaksanakan. Bila agaknya perkara ini mampu selesai sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekurangan guru di sekolah KPM seluruh negara terutamanya bagi opsyen mata pelajaran yang kritikal.

KPM menerusi pengumuman yang dibuat semasa sambutan Hari Guru 2023, telah menyatakan komitmen untuk terus memperkasa kaedah yang lebih strategik dalam urusan pengambilan guru baharu. Ini termasuklah mempertingkatkan sinergi dan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Melantik (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) serta agensi pusat yang berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru.

Pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran - mata pelajaran kritikal dan sukar mendapat calon dari Universiti Awam seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Rekabentuk dan Teknologi dan Pendidikan Islam.

Sekiranya pelbagai kaedah strategik yang dilaksanakan masih gagal memenuhi kekosongan maka pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh SPP.

SOALAN NO : 45

Selain itu, KPM juga menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyemak semula jadual operasi sistem pengangkutan ETS yang berhenti di Stesen Sungai Siput di tambah memandangkan permintaan pasaran dan orang awam di Sungai Siput.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, purata penumpang yang menggunakan empat perkhidmatan ETS yang berhenti di Stesen Sungai Siput adalah rendah iaitu sebanyak 47 orang setiap hari. Sehubungan itu, KTMB tiada perancangan untuk menambah bilangan perkhidmatan ETS yang berhenti di Stesen Sungai Siput buat masa ini.
2. Walau bagaimanapun, KTMB akan menilai keperluan ini dari semasa ke semasa mengikut corak dan bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ETS di Stesen Sungai Siput.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit perumahan sosial (PPR) yang tersedia untuk disewakan di semua kampung baru, kampung tersusun, kampung nelayan dan penempatan keturunan India, di Malaysia, pada tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Perpaduan komited untuk meneruskan penyediaan perumahan mampu milik khususnya bagi golongan B40 dengan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) secara berterusan. Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga kini, program ini merupakan program perumahan inklusif yang membantu rakyat tanpa mengira bangsa, jantina dan agama.

Bagi tahun 2023, sebanyak lima (5) buah PPR dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,420 unit dijangka akan siap sepenuhnya dan pengisian akan dilaksanakan setelah selesai proses penyerahan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) atau Kerajaan Negeri yang berkenaan. Pengisian adalah tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggalakkan mana-mana warga Malaysia yang berminat untuk melayari portal TEDUH bagi melihat senarai PPR tersebut dan mendaftar minat melalui Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) yang boleh dicapai melalui url sprn.kpkt.gov.my.

Selain itu, KPKT juga mempelawa warga Malaysia yang memiliki tanah sendiri dan berkelayakan untuk memohon Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Program ini mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN
HARUN [HULU SELANGOR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan secara terperinci apakah dasar peralihan keluar (exit policy)
terutama penduduk di PPR yang menghadapi kekangan untuk beralih
kepada perumahan swasta serta pilihan perumahan swasta yang terhad
berdasarkan median umur isi rumah PPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disediakan oleh Kerajaan terbahagi kepada dua iaitu PPR Dimiliki di mana perumahan dibangunkan dan dijual kepada pembeli daripada kumpulan B40 di kawasan luar bandar dan pinggir bandar manakala PPR Disewa dibina untuk disewakan kepada kumpulan yang sama di kawasan bandar.

Kerajaan menyewakan perumahan PPR dengan kadar yang rendah daripada kadar sewaan biasa di kawasan persekitaran bergantung kepada pengurusan sama ada di peringkat negeri atau bandar tersebut. Namun secara umumnya, Kerajaan menetapkan kadar sewa sebanyak RM124 bagi perumahan bersaiz 700kps dan RM200 bagi perumahan bertanah serta RM250 bagi perumahan berstrata bersaiz 750kps.

Setiap penyewaan akan ditawarkan tempoh selama dua (2) tahun dan penyambungan sewaan akan dipertimbangkan sekiranya penyewa menunjukkan rekod sewaan dan mematuhi prosedur serta peraturan semasa yang ditetapkan di kawasan perumahan PPR. Kerajaan sentiasa mempertimbangkan penyambungan sewaan untuk penyewa sedia ada sekiranya mereka belum berkemampuan untuk membeli perumahan sendiri untuk terus menyewa di perumahan PPR. Selain itu, Kerajaan komited untuk memastikan rakyat menghuni di perumahan yang selesa untuk kesejahteraan keluarga serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi membantu peralihan keluar penghuni PPR ke skim perumahan berasaskan pemilikan, Kerajaan juga memperkenalkan pembelian melalui skim sewa beli rumah (*Rent-To-Own*). Skim ini

SOALAN NO : 48

dilaksanakan ke atas PPR terpilih bertujuan membantu kumpulan B40 untuk memiliki rumah dengan kaedah yang lebih mudah dan mengurangkan bebanan kewangan. Penyewa akan ditawarkan pembelian selepas menyewa pada tahun keenam, tahun kesebelas dan tahun keenam belas. Penyewa boleh membuat pilihan berdasarkan kemampuan dan kesediaan masing-masing. Ini bermakna sebahagian daripada jumlah sewaan bulanan akan dikumpul untuk dijadikan bayaran pendahuluan.

Selain itu, Kerajaan menawarkan Inisiatif I-Biaya melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) yang memberikan kemudahan jaminan pinjaman kepada penyewa yang layak untuk membeli perumahan mampu milik di kawasan pilihan mereka. Kerajaan akan memberikan jaminan terhadap pinjaman yang telah diluluskan kepada individu yang layak untuk memastikan mereka mendapat akses kepada pemilikan rumah bersesuaian dengan pendapatan. Bagi kumpulan B40 yang berada di kawasan pinggir atau luar bandar dan mempunyai lot tanah, mereka boleh memohon perumahan Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk dibina di atas tanah tersebut dengan kadar bayaran balik bulanan yang rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menjalankan kajian bagi menggubal Dasar Perumahan Negara 3.0. Antara aspek yang akan diberi penekanan adalah peralihan keluar penghuni PPR Disewa kepada pemilikan rumah yang ditawarkan di bawah skim perumahan mampu milik oleh kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan susulan kenyataan YB Timbalan Perdana Menteri 1 di Kota Kinabalu pada 4 Mei 2023, bilakah isu penubuhan Borneo Civil Aviation Authority (BCAA) akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk dibincangkan dan diluluskan supaya BCAA dapat ditugaskan untuk mengawal selia dan membangunkan industri penerbangan di Sabah dan Sarawak dengan lebih rapi dan pesat serta menjaga kepentingan rakyat Malaysia yang menggunakan penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia ialah merupakan salah sebuah Negara Penjanji kepada Convention on International Civil Aviation ("*Chicago Convention*") di mana Artikel 1 Chicago Convention memperuntukkan bahawa Negara Penjanji mengiktiraf setiap Negara mempunyai kedaulatan penuh dan eksklusif terhadap ruang angkasa di atas wilayah Negara tersebut.

2. Dalam hal ini, bagi melaksanakan obligasi sebagai Negara Penjanji kepada Chicago Convention dan selaras dengan peruntukan di bawah Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan dan butiran 1 Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah menggubal Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*] bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan penerbangan awam dan hal-hal berkaitan dengannya dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengawal selia aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia.

3. Selanjutnya, apabila Jabatan Penerbangan Awam diperbadankan, fungsi kawal selia tersebut telah diambil alih oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 [*Akta 788*] selaras dengan peruntukan di bawah butiran 10 Jadual Kesembilan Senarai I – Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa perkara berkaitan perhubungan dan pengangkutan, termasuklah jalan udara, pesawat udara dan penerbangan udara, padang terbang awam dan peruntukan bagi keselamatan pesawat udara adalah merupakan bidang kuasa Persekutuan dan Parlimen boleh menggubal undang-undang berkaitan perkara tersebut seperti mana yang diperuntukkan di bawah Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan.

4. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa bagi melaksanakan fungsi yang telah ditetapkan di bawah Akta 3 dan Akta 788, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia adalah satu-satunya badan kawal selia di Malaysia yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan

obligasi Malaysia sebagai Negara Penjanji di bawah *Chicago Convention* termasuk untuk menjalankan fungsi-fungsi kawal selia berkaitan aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia.

5. Sehingga kini, tiada mana-mana Negara Penjanji di bawah seliaan *International Civil Aviation Organization* ("ICAO") yang ditubuhkan di bawah *Chicago Convention* mempunyai lebih dari satu badan kawal selia untuk menyelia aktiviti penerbangan awam di setiap Negara tersebut.

6. Oleh yang demikian, sebarang cadangan untuk menubuhkan Borneo Civil Aviation Authority (BCAA) perlu diteliti oleh Kerajaan selaras dengan keperluan pematuhan piawaian yang ditetapkan oleh ICAO dan pada masa yang sama, sebarang isu berbangkit melibatkan fungsi-fungsi kawal selia berkaitan aktiviti penerbangan awam di seluruh Malaysia oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia akan diselaraskan sebaik mungkin bagi memastikan pelaksanaan fungsi yang efektif dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan polisi kerajaan bagi tahun ini untuk bangunkan perumahan mampu milik @ Rumah Prima @ Rumah Mesra Rakyat di kawasan luar bandar seperti di Gerik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk meneruskan inisiatif penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni dan berkualiti di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Bagi tahun 2023, perkara-perkara yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah seperti berikut:

- i. projek Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu dan sambungan melibatkan peruntukan sebanyak RM389.5 juta untuk memanfaatkan 12,400 bakal penghuni baharu;

SOALAN NO : 50

- ii. pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) sebanyak 4,250 unit dengan peruntukan sebanyak RM358 juta; dan
- iii. inisiatif i-Biaya di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama. Jaminan Kerajaan ini adalah bagi membantu peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status penyediaan RMM bagi golongan B40 dan M40 di negeri Perak adalah seperti berikut:

(1) Program Perumahan Rakyat (PPR)

Terdapat satu (1) projek dalam status perancangan di negeri Perak dengan jumlah sebanyak 200 unit.

KPKT telah menerima lima (5) cadangan tapak baharu PPR daripada Kerajaan negeri Perak iaitu tiga (3) tapak di Teluk Intan dan dua (2) tapak di Lenggong. KPKT telah mengadakan lawatan tapak tersebut pada 30 hingga 31 Januari 2023 dan sedang dalam proses pemilihan tapak yang paling bersesuaian bagi Rolling Plan Ketiga (RP3).

(2) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)

Sehingga 30 April 2023, sebanyak 56,410 unit rumah RMR telah siap dibangunkan di seluruh negara, 4,950 unit sedang dalam pembinaan dan 380 unit telah diluluskan untuk pembinaan di seluruh negara. Bagi negeri Perak, sebanyak 6,251 unit telah siap dibina dan 471 unit dalam pembinaan. Bagi kawasan Gerik pula, terdapat sebanyak 282 unit yang telah siap dibina dan 18 unit dalam pembinaan.

(3) Program Perumahan PR1MA

Program ini dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang menyasarkan kepada golongan M40. Setakat 30 April 2023, bilangan RMM di bawah program ini adalah sebanyak 53,646 unit dengan pelbagai peringkat pembinaan iaitu 33,950 unit telah siap dibina, 15,931 unit dalam pembinaan dan 3,765 unit dalam perancangan.

Buat masa ini, tiada projek PR1MA di kawasan parlimen Gerik. Walau bagaimanapun, PR1MA akan mempertimbangkan keperluan bagi projek baharu berdasarkan kajian pasaran, permintaan dan lokasi strategik di kawasan ini. PR1MA sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri dalam menyediakan perumahan berkualiti yang mampu dimiliki.

(4) Kediaman SPNB

Program ini dilaksanakan SPNB dan merupakan program RMM untuk golongan M40. Sehingga kini, sebanyak 28,741 unit Kediaman SPNB telah siap dibina, 1,024 unit dalam pembinaan dan 531 unit dalam sedang dirancang untuk dibangunkan. Bagi negeri Perak sebanyak 258 unit telah siap dibina dan 124 unit dirancang untuk dibina di Kamunting.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah tahfiz yang berdaftar dengan Kementerian dan apakah perancangan Kementerian dalam memperkasakan pendidikan sekolah tahfiz.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap pembangunan sekolah yang melaksanakan kurikulum tahfiz dalam usaha membangun pendidikan manusiawi ke arah mewujudkan masyarakat MADANI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2023, terdapat 63 buah sekolah rendah agama swasta dan 39 buah sekolah menengah agama swasta yang berdaftar dengan KPM. Daripada jumlah tersebut, lima buah sekolah rendah agama swasta dan 12 buah sekolah menengah agama swasta melaksanakan Kurikulum Tahfiz daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri.

Bagi tujuan memperkasakan pendidikan sekolah tahfiz, KPM telah menyediakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kurikulum ini merupakan kurikulum bersepadu antara pendidikan tahfiz dengan akademik dan telah diperkenan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-231 bertarikh 27

SOALAN NO : 51

Februari 2013. Murid yang mengikuti kurikulum ini akan menduduki peperiksaan SPM dan akan memperoleh Sijil Tahfiz dengan kerjasama pihak Darul Quran. KPM sentiasa menyarankan agar institusi pendidikan tahfiz menggunakan KBT bagi membolehkan murid tahfiz mendapat sijil yang diiktiraf. Sehingga kini, sebanyak 20 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) melaksanakan KBT KPM.

Antara usaha yang telah dijalankan oleh KPM bagi memperkasakan pendidikan sekolah tahfiz ialah pelaksanaan kursus pendedahan berkaitan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran kepada guru tahfiz yang mengajar KBT di sekolah selain bawah KPM. Di samping itu, KPM juga telah melaksanakan program intervensi untuk murid tahfiz yang bersekolah di sekolah menengah agama swasta. Program intervensi ini menyediakan akses pendidikan kepada murid tahfiz swasta melalui bimbingan, pengajaran dan pembelajaran enam mata pelajaran teras bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan SPM dengan bimbingan guru KPM.

Selain daripada bantuan dari aspek akademik, Seksyen 52 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] turut membenarkan KPM memberi bantuan kewangan kepada institusi pendidikan Islam termasuk sekolah tahfiz swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
[SUNGAI BULOH]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberi pencerahan dalam perancangan pembinaan sekolah di kawasan penduduk yang padat seperti Subang Bestari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Sungai Buloh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM pada Mei 2023, terdapat dua buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah di sekitar kawasan Subang Bestari, Selangor iaitu SK Subang Bestari, SK Subang Bestari Dua dan SMK Subang Bestari. Kesemua sekolah ini telah beroperasi secara dua sesi.

Sehubungan dengan itu, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sedang mengenal pasti cadangan awal tapak bagi pembinaan sekolah menengah baharu di kawasan tersebut. KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan sekolah menengah baharu dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan perolehan dan pemilikan cadangan tapak tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam cadangan pembangunan dan menaiktaraf kawasan yang melibatkan aktiviti sukan lasak di Sungai Batu Pahat, Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan bersedia untuk mempertimbangkan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat untuk cadangan naik taraf dan pembangunan kemudahan aktiviti sukan lasak di Sungai Batu Pahat, Perlis. Pihak Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan berkenaan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis.

Di samping itu, Kementerian ini bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan persatuan atau kelab yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan atau Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia untuk mengadakan sebarang aktiviti berkaitan sukan lasak di kawasan Sungai Batu Pahat, Perlis. Kelab atau persatuan ini boleh memohon bantuan kewangan yang bersesuaian secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Sukan Bersepadu di alamat <https://spsb.kbs.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan Balai Bomba di daerah Pitas memandangkan isu ketiadaan perkhidmatan Bomba di daerah Pitas menjadi halangan kepada badan-badan berkepentingan untuk membuka cawangan di daerah ini seperti perkhidmatan perbankan, pejabat urusan, serta menjaga kepentingan awam masyarakat di daerah Pitas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kawasan Pitas mendapat khidmat perlindungan kebakaran daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Marudu yang terletak kira-kira 50 kilometer dan mengambil masa 1 jam 15 minit untuk sampai. Selain itu, terdapat bantuan daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang berdekatan iaitu PBS Daerah Pitas yang mempunyai kekuatan keanggotaan seramai 20 orang ahli dan telah dibekalkan dengan kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) serta peralatan asas pemadaman oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah.

Berhubung status projek pembinaan BBP Pitas, permohonan peruntukan tambahan susulan kenaikan kos projek ini telah diluluskan oleh agensi pusat pada 20 September 2022. Ketika ini, projek untuk menyiapkan baki kerja pembinaan BBP Pitas sedang giat dilaksanakan dengan kemajuan di tapak adalah sebanyak 49.29%. Projek pembinaan BBP tersebut dijangka siap sepenuhnya dan beroperasi pada bulan Oktober 2023.

Kementerian berharap dengan beroperasinya BBP Pitas yang baharu ini mampu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam khususnya dalam khidmat pengurusan kecemasan sekali gus menyumbang kepada peningkatan *response time* Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam menghadiri sebarang kes kebakaran atau kecemasan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini kemasukan pelajar dalam pendidikan pra-sekolah mengikut negeri dan usaha Kementerian untuk memastikan ekosistem pendidikan pra-sekolah yang lengkap termasuk dari segi sistem sokongan guru dan pelajar; dan
- (b) status terkini mengenai cadangan sistem pengesanan murid dari peringkat prasekolah hingga menengah atas seperti yang dinyatakan dalam perancangan Malaysia ke-12 (RMKke-12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023, jumlah murid prasekolah di seluruh negara adalah seramai 214,041 orang murid. Data ini adalah berdasarkan maklumat melalui Sistem maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK). Pecahan bilangan murid prasekolah mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Johor – 23,108 orang murid
- ii. Kedah – 14,189 orang murid
- iii. Kelantan – 17,265 orang murid
- iv. Melaka – 5,821 orang murid
- v. Negeri Sembilan – 7,698 orang murid
- vi. Pahang – 16,662 orang murid
- vii. Perak – 19,230 orang murid
- viii. Perlis – 2,742 orang murid
- ix. Pulau Pinang – 8,107 orang murid
- x. Sabah – 29,412 orang murid
- xi. Sarawak – 25,826 orang murid
- xii. Selangor – 26,740 orang murid
- xiii. Terengganu – 11,154 orang murid
- xiv. WP Kuala Lumpur – 4,252 orang murid
- xv. WP labuan – 805 orang murid
- xvi. WP Putrajaya – 1,030 orang murid

Bilangan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di seluruh negara adalah sebanyak 9,908 manakala bilangan guru prasekolah KPM adalah sebanyak 9,827. Setiap kelas prasekolah dibekalkan dengan seorang pembantu pengurusan murid.

SOALAN NO : 55

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM berada dalam peringkat awal pembangunan Sistem Pengesanan Murid (Student tracking system). Sistem tersebut dibangunkan untuk mengesan keberadaan kanak-kanak warganegara secara komprehensif meliputi keseluruhan sistem pendidikan negara termasuk institusi pendidikan swasta dan institusi pendidikan agama. Sistem Pengesanan tersebut dijangka dapat beroperasi sepenuhnya menjelang 2025. Dengan adanya sistem ini, KPM mensasarkan untuk menyediakan intervensi yang lebih berfokus bagi memastikan lebih ramai murid mempunyai peluang untuk menghabiskan tempoh persekolahan mereka sehingga tingkatan lima.

Pembangunan sistem ini turut menyokong strategi B2 dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) khususnya dalam memperkukuhkan tadbir urus pendidikan untuk menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan. Selain itu, inisiatif pembangunan sistem menerusi gudang data serta platform analitik data ini dapat menyokong pelaporan dan proses membuat keputusan merentas kementerian dan agensi.

Sekian, terima kasih.

RJM10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek menaik taraf jeti Kuala Kedah untuk menampung peningkatan pelancong ke Langkawi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan kini dalam peringkat akhir persediaan proses tender bagi Projek Meroboh, Membina dan Menaiktaraf Jeti dan Terminal Penumpang, Kargo dan Roro Kuala Kedah. Projek ini dijangka akan di tender semula pada pertengahan bulan Jun 2023. Tempoh pembinaan projek ini adalah selama 36 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mempermudah syarat-syarat permohonan Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta membolehkan tempoh masa permohonan sedia ada yang lengkap dapat dikurangkan dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonan dikemukakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi skim perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) atau melalui Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Perumahan Negeri. Secara amnya, proses pengisian PPR dilaksanakan oleh kerajaan negeri, tertakluk kepada prosedur dan proses yang ditetapkan oleh kerajaan negeri yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini syarat-syarat untuk menduduki PPR adalah seperti berikut:

- pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;
- berumur 18 tahun ke atas;
- pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 (untuk PPR lama) dan RM5,000 (untuk PPR baharu) sebulan;
- pemohon dan pasangan tidak pernah memiliki rumah; dan
- tidak mufliis (bankrupt).

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin terhadap pelbagai kumpulan sasar, terutamanya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri dan seterusnya mendiaminya dalam keadaan yang kondusif serta berdaya huni. Bagi menambah baik proses pengisian PPR, KPKT berhasrat memanfaatkan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dengan mengesyorkan agar kerajaan negeri melaksanakan digitalisasi bagi proses permohonan PPR ini. Melalui proses ini, data-data permohonan dan pengisian daripada setiap negeri ini dapat diintegrasikan dan disimpan dalam repositori data Analitis Data Raya (BDA) Perumahan dan dapat digunakan bagi tujuan perancangan pembangunan perumahan PPR kelak. Dengan pendigitalan ini, tempoh pemprosesan permohonan pengisian PPR ini akan menjadi lebih pendek, proses kerja menjadi lebih efisien dan telus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI
MOHD NOR [TEMERLOH]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) pemberhentian urusan memandikan jenazah di hospital Kerajaan terutama Hospital Temerloh; dan
- (b) cadangan dan solusi pihak Kerajaan dalam perkara ini terutamanya melibatkan jenazah kemalangan negeri juga jenazah yang menjalani proses pembedahan dan bedah siasat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keputusan bagi pemberhentian urusan memandikan jenazah di hospital Kerajaan terutama Hospital Temerloh masih belum muktamad.
2. Cadangan dan penyelesaian berkenaan perkara ini akan dibincangkan selanjutnya antara Pengarah Kesihatan Negeri Pahang bersama Exco Kesihatan Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang dan lain lain pihak berkepentingan. Perbincangan juga merangkumi kes-kes yang memerlukan tempat yang khusus demi kepentingan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana perancangan Kerajaan bagi mewajibkan pemakaian pelitup muka di kawasan sesak dan tertutup seperti pengangkutan awam dan pusat beli belah bagi mengekang penularan subvarian baharu COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sentiasa membuat penilaian risiko semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia berdasarkan beberapa indikator tertentu seperti kadar kemasukan kes ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU), kadar kematian kes dan liputan vaksinasi.

2. Polisi dan garis panduan semasa COVID-19 termasuk pemakaian pelitup muka akan dikemas kini dari semasa ke semasa selain merujuk kepada kenyataan daripada WHO berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik COVID-19.

3. Justeru, berdasarkan penilaian risiko semasa jangkitan COVID-19, Prosedur Operasi Standard (SOP) pemakaian pelitup muka sedia ada akan diteruskan sebagai langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 sehingga dimaklumkan kelak. Ini termasuklah kewajipan untuk memakai pelitup muka bagi:

- (i) Kes positif COVID-19 yang perlu ke CAC atau fasiliti kesihatan untuk menjalani pemeriksaan dan penilaian kesihatan atau ke suatu premis yang telah dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia;
- (ii) Semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing, bas/van pekerja dan bas/van sekolah KECUALI kapal terbang; dan
- (iii) Semasa berada di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan, pusat hemodialisis, makmal perubatan dan lain-lain premis yang setara dengan fasiliti kesihatan;

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk mengawal penularan COVID-19 di negara ini yang semakin meningkat disebabkan varian baru Arcturus untuk memastikan perkhidmatan kesihatan negara kita tak terbeban.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Kementerian untuk mengawal penularan COVID-19 di negara ini yang semakin meningkat disebabkan varian baru Arcturus untuk memastikan perkhidmatan kesihatan negara kita tak terbeban adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian.
- (ii) Mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan melalui pendekatan FTTIS (*Find, Test, Trace, Isolate and Support*) yang diautomasikan.

- (iii) Memastikan semua klinik kesihatan dan hospital bersedia menerima kedatangan yang tinggi bagi membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19.
- (iv) Pemberian ubat antiviral Paxlovid® kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di Klinik Kesihatan, hospital kerajaan, dan fasiliti kesihatan swasta yang dikenal pasti, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit.
- (v) Melaksanakan aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel influenza-like illness (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) serta persampelan air kumbahan dari lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara. Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom (*Whole Genome Sequencing*, WGS) bagi mengesan varian baharu COVID-19.
- (vi) Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik. Ia berperanan membantu KKM dalam advokasi aktiviti kesihatan di peringkat komuniti, seperti memberi nasihat kepada masyarakat untuk membuat penilaian risiko sendiri serta terus mengamalkan TRIIS (*TEST, REPORT, ISOLATE, INFORM & SEEK*) sekiranya bergejala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) kos total pendidikan seorang pelajar dari tahun 1 hingga tahun 6; dan
- (b) kos persekolahan seorang pelajar sekolah menengah dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 (*cost per pax*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan sistem pendidikan negara dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien iaitu dengan menyalurkan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi menampung kos pendidikan murid. Kos tersebut merangkumi kos perbelanjaan mengurus (perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan lain selain emolumen) dan kos pembangunan yang disalurkan untuk pendidikan murid bermula pada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data tahun 2021, jumlah keseluruhan kos pendidikan per murid termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sepanjang tempoh pendidikan peringkat sekolah rendah ialah sebanyak RM8,266 setahun. Jumlah keseluruhan kos pendidikan per murid untuk tempoh persekolahan dari Tahun 1 hingga 6 ialah sebanyak RM49,596. Kos pendidikan per murid sekolah menengah ialah sebanyak RM12,285 setahun dan sebanyak RM61,425 kos pendidikan per murid untuk tempoh persekolahan dari Tingkatan 1 hingga 5.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) status terkini sekolah-sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) yang sedang dibina dalam kawasan Parlimen Bangi; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian merancang untuk membina sekolah-sekolah baru dalam kawasan Parlimen Bangi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan pelaksanaan bagi empat projek fizikal pembinaan sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 3 (RP3) tahun 2023 bagi Parlimen Bangi merangkumi satu projek pembinaan sekolah menengah dan tiga projek pembinaan sekolah rendah.

SOALAN NO : 62

Bagi pembinaan Sekolah Baharu 42 Bilik Darjah dan Lain-Lain Kemudahan di SMK Bukit Mahkota, Bangi, Hulu Langat, Selangor, projek berada pada peringkat pembinaan. Sehingga 12 Mei 2023 prestasi fizikal ditapak adalah 7 peratus dan projek dijangka siap pada 29 Disember 2024.

Selain itu, projek pembinaan 4 Bilik Darjah Baharu, 2 unit Tandas dan Membaik Pulih Bumbung di SK Bandar Baru Bangi turut diluluskan. Projek ini telah dikeluarkan surat setuju terima pada 11 Mei 2023.

Bagi tahun 2023 juga, projek Pembinaan Bangunan Tambahan di Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan, Daerah Hulu Langat, Selangor telah diluluskan sebagai projek baharu. Projek ini sedang dalam pelaksanaan penilaian dan tinjauan tapak bagi memulakan kerja awalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu projek Pembinaan Bangunan Gantian yang Mengandungi 11 Bilik Darjah, Pusat Sumber, Bilik Guru, Bilik Mesyuarat, 2 Bilik Sains dan Lain-Lain Kemudahan di SK Bangi, Hulu Langat, Selangor. Projek ini kini berada pada fasa prabina iaitu sedang dalam penyediaan reka bentuk. Projek ini dijangka akan dipelawa tender pada 27 Oktober 2023.

Selain itu, KPM juga telah diluluskan perolehan tanah bagi tujuan pembinaan sekolah baharu SK Alam Sari, Kajang dalam RMKe-12 RP2 tahun 2022. KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan sekolah tersebut dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun sebaik sahaja urusan perolehan dan pemilikan tanah tersebut selesai.

KPM juga merancang untuk memohon pembinaan sekolah baharu di Parlimen Bangi melibatkan SK Bandar Seri Putra 2, Kajang di dalam RMKe-12 RP5 tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
(GUA MUSANG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM (GUA MUSANG) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang ke atas tanah-tanah hak milik **KESEDAR** yang terbiar dan belum dibangunkan di Gua Musang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan pembangunan bagi tanah-tanah KESEDAR adalah sebagaimana berikut:

(a) Tanah Pertanian

i. Berpeneroka

Melibakan keluasan seluas 8,422.991 hektar dan dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit seterusnya akan diserahkan kepada peneroka selepas urusan tanah diselesaikan.

ii. Tidak Melibatkan Peneroka

Seluas 8,109.20 hektar telah dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit dan diuruskan oleh anak syarikat KESEDAR manakala 400 hektar lagi dalam kajian kesesuaian tanah bagi menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

iii. Tanah selain pertanian

KESEDAR turut mempunyai tanah-tanah selain pertanian iaitu tanah kediaman dan perniagaan dalam Bandar Gua Musang. Kebanyakan tanah-tanah ini telah pun dibangunkan manakala tanah yang masih kosong akan dibangunkan dengan kemudahan-kemudahan perumahan dan perniagaan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berapa jumlah perjawatan kosong untuk guru-guru yang seharusnya berkhidmat di Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah bawah KPM dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023, jumlah perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi sekolah bawah KPM di Sarawak adalah sebanyak 42,987 berbanding pengisian seramai 39,926 orang. Jumlah kekosongan perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sarawak adalah sebanyak 3,061.

Bagi kawasan Parlimen Julau, sehingga 30 April 2023, jumlah perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah sebanyak 692 berbanding pengisian seramai 662 orang guru. Kekosongan perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Parlimen Julau adalah sebanyak 30.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) apakah implikasi konsep Malaysia Madani dalam sistem pendidikan negara; dan
- (b) apakah akan ada pendekatan/strategi baharu yang akan dilaksanakan dalam arus pendidikan perdana yang akan menambah beban tugas guru sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep Malaysia Madani yang berteraskan kepada enam nilai teras iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Konsep Malaysia Madani juga mengangkat pendidikan sebagai salah satu daripada enam elemen utama yang mana antara perkara yang ditekankan adalah pemikiran kritis dan kreatif, pendidikan pembangunan sahsiah dan karakter, mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan jurang dalam pendidikan.

Konsep Malaysia Madani adalah seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang sedang dilaksanakan KPM yang telah menggariskan 5 Aspirasi Sistem yang

merangkumi Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Tujuan utama transformasi pendidikan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak yang berumur persekolahan tanpa mengira lokasi, status ekonomi dan jantina mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi melahirkan warga Malaysia yang mempunyai nilai, keterampilan dan kesejahteraan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pada masa yang sama, KPM juga telah membangunkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM bagi memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

7 Teras Nadi Keunggulan KPM tersebut memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti; membasmi kemiskinan berbilang dimensi B40 iaitu malnutrisi, peranti dan ruang belajar; keciciran pendidikan dan masalah literasi serta merapatkan kesenjangan pendidikan; komunikasi berkesan; kebajikan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian, ubah suai dan naik taraf sekolah daif; dan peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah.

Pelaksanaan 7 teras ini yang turut menyokong konsep Malaysia Madani adalah bersifat pelengkap kepada inisiatif sedia ada yang dilaksanakan oleh KPM. Justeru, tidak timbul isu terhadap penambahan kepada tugas guru di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebab sebenar masalah kekurangan guru di Sarawak. Apakah ada kaitan dengan dasar nisbah 90:10 anak tempatan berbanding dari negeri lain atau ada faktor lain, seperti persaraan awal atau perpindahan guru Semenanjung dari Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pada masa yang sama, KPM juga berusaha untuk memastikan guru kelahiran Sarawak diberikan keutamaan untuk ditempatkan di negeri kelahiran mereka berdasarkan kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen selaras dengan Dasar *Empowerment* 90:10 (Dasar 90:10) yang telah diperkenalkan pada tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023, jumlah perjawatan bagi sekolah di Sarawak adalah sebanyak 42,987 dan pengisian adalah seramai 39,926 orang guru. Daripada jumlah pengisian tersebut, sebanyak 89.3 peratus guru merupakan anak kelahiran Sarawak berbanding 10.7 peratus adalah guru daripada Semenanjung Malaysia.

KPM menerusi pengumuman yang dibuat semasa sambutan Hari Guru 2023, telah menyatakan komitmen untuk terus memperkasa kaedah yang lebih strategik dalam urusan pengambilan guru baharu. Ini termasuklah mempertingkatkan sinergi dan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Melantik (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) serta agensi pusat yang berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru.

Pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran - mata pelajaran kritikal dan sukar mendapat calon dari Universiti Awam seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Rekabentuk dan Teknologi dan Pendidikan Islam.

SOALAN NO : 66

Sekiranya pelbagai kaedah strategik yang dilaksanakan masih gagal memenuhi kekosongan maka pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh SPP.

Selain itu, KPM juga menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bau yang akan dipindah keluar dari tanah milik Majlis Daerah Bau dan bilakah projek membina baru PPD di tapak tanah milik Persekutuan di Seringgok, Bau dapat dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang kondusif bagi memastikan proses pengurusan dan pentadbiran pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan lain-lain kemudahan untuk PPD Bau, Sarawak di tapak baharu telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 3 tahun 2023. Tinjauan dan penilaian awal projek sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak sebelum penetapan kaedah pelaksanaan projek serta kerja awalan dimulakan.

Buat masa ini, pihak PPD Bau sedang menguruskan perpindahan keluar dari bangunan sedia ada iaitu di bangunan Majlis Daerah Bau ke lokasi sementara di blok kuarters SMK Singai selewat-lewatnya pada Disember 2023. Bagi tujuan pengoperasian PPD tersebut, kerja penyelenggaraan dan pembaikan akan dilaksanakan di lokasi sementara bagi menyediakan ruang kerja yang kondusif kepada warga PPD Bau dan pelanggan. Penyelenggaraan dan pembaikan ini bermula pada bulan Jun dan dijangka siap pada bulan September 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN (TENOM)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN RIDUAN BIN RUBIN (TENOM) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah status terkini fasa reka bentuk Loji Rawatan Air Senagang dan Kemabong yang dilaksanakan di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB); dan
- (b) apakah status pelaksanaan projek solar bagi kegunaan penduduk kampung dan peruntukan bekalan elektrik luar bandar Sabah terutamanya berkaitan pembinaan tiang elektrik di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Menaiktaraf Loji Rawatan Air Senagang, Sabah kini sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci. Projek dijangka memberi manfaat kepada 1,098 bilangan rumah pengguna akaun baharu. Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Kemabong, Tenom, Sabah pula, projek masih dalam peringkat reka bentuk konsep. Projek dijangka memberi manfaat kepada 500 buah rumah pengguna akaun baharu.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2023 sebanyak RM284,465,300.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sabah. Di bawah RMK-11 dan RMK-12, sebanyak enam (6) projek BELB sistem solar hibrid telah diluluskan bagi Sabah melibatkan 2,989 buah rumah. Daripada kesemua projek tersebut, satu (1) projek telah siap, tiga (3) dalam pelaksanaan, dua (2) dalam proses pra pelaksanaan.

Selain daripada itu, terdapat juga 14 projek penyambungan talian grid di mana lima (5) projek dalam pelaksanaan dan sembilan (9) diperingkat pra pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI (TUMPAT)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI (TUMPAT) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes kematian warga emas seorang diri yang dilaporkan di seluruh negara sejak 2020 dan apakah usaha serta tindakan yang telah diambil untuk mencegahnya daripada terus meningkat dalam masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang membangunkan **Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-WEN)** untuk mewujudkan data bersepadu berkaitan warga emas dan memenuhi keperluan terhadap sistem maklumat yang teratur. Sistem ini bertujuan untuk pendaftaran warga emas, suai padan aktiviti atau pekerjaan dan perkongsian maklumat serta menghasilkan pemetaan warga emas pada masa hadapan selaras dengan Dasar Warga Emas Negara dalam menyokong penuaan aktif dan produktif.

2. KPWKM sentiasa berusaha memastikan warga emas di Malaysia hidup sejahtera dan terus berada dalam persekitaran komuniti termasuk yang tinggal bersendirian dengan melaksanakan Bantuan Warga Emas (BWE), perkhidmatan institusi Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE), Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR@Home Help), dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
(SEMBRONG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (SEMBRONG) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek Bekalan Air Bersih Kampung Orang Asli Sedohok yang telah tertangguh semenjak tahun 2015 atas alasan kelewatan kerja oleh pihak perunding.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Bersih Kampung Orang Asli Sedohok atau Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Johor Sistem Retikulasi tahun 2015 ini adalah melibatkan skop pembinaan jajaran paip air dari paip utama Ranhill Syarikat Air Johor (RSAJ) di jalan Kluang-Mersing ke Kampung Orang Asli Sedohok, Kluang Johor. Projek ini juga melibatkan pembinaan rumah pam dan tangki agihan bekalan air dengan anggaran kos keseluruhan bernilai RM4.5 juta serta penerima manfaat sebanyak 50 buah rumah / 250 orang penduduk.

Projek ini merupakan Pakej kedua daripada Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Johor Sistem Retikulasi tahun 2015 di mana pakej pertama telah siap sepenuhnya manakala pakej ketiga tidak diteruskan kerana kos keseluruhan diluluskan telah digunakan sepenuhnya. Projek ini hanya mula dilaksanakan reka bentuk oleh perunding pada tahun 2018 dan proses pengambilan tanah awal dan reka bentuk konsep telah dilaksanakan pada tahun 2019-2020 manakala proses reka bentuk terperinci dilaksanakan pada tahun 2021-2022.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek adalah dalam fasa akhir reka bentuk terperinci bagi kelulusan pihak RSAJ sebelum kos keseluruhan dapat dimuktamadkan. Berdasarkan garis panduan Suruhanjaya Pekhidmatan Air Negara (SPAN) terkini, projek ini memerlukan pengambilan tanah tambahan bagi tapak rumah pam dan tangki agihan air bagi memastikan keluasan yang mencukupi. Projek ini juga dianggarkan memerlukan tambahan kos berjumlah anggaran RM3-4 juta menjadikan kos keseluruhan terkini sebanyak RM7.5 hingga 8.5 juta.

Berdasarkan faktor-faktor ini, projek adalah dijangka sedia untuk tender pada suku ke-4 tahun 2023. Kementerian adalah komited supaya projek ini dapat dimulakan pembinaan dengan kadar segera bagi memastikan manfaat langsung kepada penduduk kampung dan kawasan sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Hospital Daerah Gua Musang. Adakah telah memenuhi kriteria sebagai sebuah Hospital Pakar Minor dan berapa penambahan baru doktor pakar tetap serta penambahan kelengkapan perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Gua Musang adalah merupakan salah satu hospital yang sedang dinaik taraf daripada hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar minor secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia ke 12 dan 13.
2. Untuk makluman, dari Disember 2020 sehingga Mac 2023, KKM telah pun meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital tersebut daripada perkhidmatan secara lawatan pakar kepada perkhidmatan kepakaran residen dalam 4 bidang kepakaran iaitu Perubatan Kecemasan, Pembedahan Am, Anestesiologi dan Ortopedik.
3. Hospital tersebut juga menerima perkhidmatan kepakaran lain seperti Perubatan Am, Pediatrik, Obstetrik dan Ginekologi, Psikiatri, Otolaringologi dan Oftalmologi melalui lawatan berkala oleh pakar-pakar dari Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai dan Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu.
4. KKM akan sentiasa memantau dan menaik taraf peralatan Hospital Gua Musang agar selari dengan perkhidmatan kepakaran yang disediakan. Untuk makluman, di bawah RMKe-12 RP3 hospital tersebut telah pun diluluskan untuk sebuah mesin imbasan *computed tomography (CT scan)* yang sedang dalam proses tender dan dijangka disempurnakan pada pertengahan tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meningkatkan kadar Elaun Khas Mengikut Lokaliti dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) bagi memberi nafas baharu kepada para guru di sekolah luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai perkhidmatan awam yang berkhidmat di kawasan pedalaman termasuk guru bawah KPM layak menerima Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKLMTK) atau kini dikenali sebagai Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK).

Penetapan kadar BIMLTK adalah berdasarkan kepada kategori kawasan pedalaman yang ditetapkan oleh agensi pusat seperti berikut:

- i. Pedalaman 1 - RM500 sebulan;
- ii. Pedalaman 2 - RM1000 sebulan; dan
- iii. Pedalaman 3 - RM1500 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak BIMLTK diperkenalkan, KPM telah menubuhkan jawatankuasa di peringkat kementerian dan negeri untuk meneliti dan mengkaji tentang pelaksanaan bayaran insentif tersebut.

Walau bagaimanapun, sebarang cadangan untuk meningkatkan kadar BIMLTK memerlukan pertimbangan agensi pusat dengan mengambil kira implikasi kewangan kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan:

- (a) **senarai KRT** di seluruh kawasan Parlimen Kapar; dan
- (b) **senarai Tabika Perpaduan** di Kapar untuk memupuk perpaduan dan mengintegrasikan masyarakat antara kaum sejak usia muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Tabika Perpaduan secara meluas di serata negara merupakan inisiatif dan Jentera Perpaduan terpenting Kerajaan Perpaduan untuk membina kesefahaman, mempromosikan kesedaran mengenai kesederhanaan, menyuburkan rasa cinta kasih kepada negara dan memperkasakan semangat persaudaraan dalam kalangan rakyat daripada pelbagai peringkat umur, generasi dan kaum yang dapat menolak sebarang ruang perpecahan.
2. Kerajaan Perpaduan menerusi Kementerian Perpaduan Negara sentiasa prihatin terhadap pembangunan integrasi sosial dan peningkatan kualiti perpaduan komuniti setempat termasuk di kawasan Parliman P109 Kapar, Selangor.

JAWAPAN BERKAITAN SOALAN (a) – KRT

3. Sehingga kini, Kementerian menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah berjaya mewujudkan sebanyak **8,348 KRT di 16 negeri**.
4. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **54 KRT** adalah terletak **di bawah kawasan Parlimen P109 Kapar**. Ini meliputi sepuluh KRT di DUN N42 Meru, 32 KRT di DUN N43 Sementa dan baki 12 KRT di DUN N44 Selat Klang.

JAWAPAN BERKAITAN SOALAN (b) – TABIKA PERPADUAN

5. Seterusnya adalah berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak kendalian JPNIN. **Jumlah Tabika Perpaduan** di seluruh negara termasuk di kawasan bandar dan luar bandar adalah sebanyak **1,781**.
6. Tabika Perpaduan ini telah dibangunkan untuk menjadi institusi unggul JPNIN ke arah penyediaan pendidikan awal yang berkualiti kepada **kanak-kanak berusia empat sehingga enam tahun** daripada

pelbagai latar belakang etnik. Fokus utama Tabika Perpaduan adalah untuk **membentuk kemenjadian murid yang berilmu dan berketrampilan dengan suntikan nilai-nilai murni, perpaduan dan kenegaraan** dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

7. Terdapat sebanyak **11 Tabika Perpaduan** beroperasi di kawasan **Parlimen P109 Kapar, Selangor**. Ini termasuk empat Tabika Perpaduan di DUN N42 Meru, tiga di DUN N43 Sementa dan selebihnya empat di DUN N44 Selat Klang.

8. Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030**. Pelan ini jelas menggambarkan komitmen Kerajaan dalam menyediakan rangka tindakan dan pembangunan yang menyokong transformasi yang lebih dinamik demi pemantapan kualiti dan kaedah pengurusan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang komprehensif, berkesan, teratur dan berstruktur untuk tempoh sepuluh tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha mengoptimumkan penggunaan kem wawasan supaya dapat meningkatkan lagi pendapatan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 16 Kem Wawasan Negara (KWN) dan sebuah Akademi Kenegaraan yang telah diwartakan. Secara dasar, Kem Wawasan hanya digunakan untuk menampung pelaksanaan program oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sahaja.

Bagi meningkatkan penjanaan pendapatan Kerajaan, sewaan penggunaan kemudahan dan kawasan di dalam kem turut dibuka untuk penggunaan agensi luar. Sehingga April 2023, KBS telah menerima tempahan sebanyak **42 program daripada pelbagai agensi** di Kem Wawasan Negara seluruh Malaysia.

SOALAN NO : 74

Secara lazimnya Kem Wawasan Negara menjadi lokasi untuk melaksanakan program-program tahunan yang dirancang oleh i-LEAD. Sepanjang tahun 2023, pihak i-LEAD telah mengatur sebanyak 552 program melibatkan penggunaan semua Kem Wawasan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, jika terdapat kekosongan sebarang kekosongan, pihak i-LEAD terbuka untuk menerima tempahan dari pihak luar.

Sepanjang tahun 2022, i-LEAD berjaya mengutip hasil sewaan penggunaan Kem Wawasan Negara berjumlah **RM 10,279.60**. Pada tahun ini, anggaran hasil dijangka mencatatkan pertambahan sehingga 20 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
(JERANTUT)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN (JERANTUT) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Batu Balai di Jerantut di bawah program Bekalan Air Luar Bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Batu Balai, Jerantut, Pahang telah diluluskan di bawah RP2 RMKe12 dengan kos keseluruhan berjumlah RM60juta. Projek ini melibatkan penaiktarafan sistem rawatan air di LRA Batu Balai Fasa 1, pembinaan tangki air bersih, pembinaan tangki perkhidmatan menara, pembinaan rumah pam, kerja-kerja menaiktaraf muka sauk, pemasangan paip agihan dan paip retikulasi serta kerja-kerja yang berkaitan. Melalui projek ini, dijangka sebanyak 887 buah rumah bagi kawasan Parlimen Jerantut akan menerima manfaat iaitu anggaran seramai 4,435 orang penduduk. Status semasa projek ini adalah dalam proses perolehan perunding.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [TAIPING]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [TAIPING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mampu memenuhi keperluan peralatan-peralatan perubatan untuk Hospital-hospital Besar di seluruh negara. Sama ada Kementerian bercadang untuk melaksanakan suatu Skim Insurans Kebangsaan sebagai satu usaha untuk menjamin keterlangsungan perkhidmatan perubatan awam di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk memenuhi permohonan semua pihak sama ada dari Jabatan Kesihatan Negeri ataupun pihak hospital. Namun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat isu-isu yang timbul berikutan kekangan peruntukan yang diterima bagi tujuan penggantian aset saban tahun.

2. Kementerian telah melaksanakan beberapa strategi bagi menangani masalah kekangan peruntukan ini serta mengurangkan impak yang dihadapi oleh perkhidmatan kesihatan negara sedia ada. Antara strategi tersebut adalah:

- (i) Mendigitalkan sistem permohonan peralatan agar lebih cekap serta telus dalam proses pemilihan keutamaan peralatan bagi tujuan penggantian adalah bersasar. Pendigitalan ini bukan sahaja dapat memastikan kesinambungan data atau makluman yang dipohon, juga dapat memberikan maklumat kepada semua pihak agar dapat diteliti secara teliti oleh jawatankuasa yang terlibat.
- (ii) Pihak Kementerian juga telah melaksanakan perolehan peralatan-peralatan ini secara pusat untuk mendapatkan 'value for money' bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Perolehan secara pusat bukan sahaja dapat mengurangkan kos, tetapi dapat juga memastikan kesetaraan kualiti serta taraf peralatan yang diperolehi oleh pihak Kementerian. Buat masa ini, perolehan secara pusat lebih tertumpu kepada peralatan yang berteknologi serta nilai yang tinggi seperti CT Scan, *Magnetic Resonance Imaging* dan lain-lain. Keadah ini diperluaskan kepada peralatan-peralatan yang lain mengikut kemampuan di masa akan datang.
- (iii) Kementerian juga melaksanakan perolehan peralatan-peralatan perubatan kritikal secara sewaan. Melalui kaedah ini,

pihak Kementerian dapat mengurangkan beban kewangan serta dapat menggantikan peralatan dalam kuantiti yang banyak dalam satu masa. Pengoperasian peralatan terbabit juga dapat optimumkan memandangkan penyelenggaraan juga akan dilakukan secara berkala oleh pihak pembekal. Kaedah perolehan ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa bergantung kepada kelulusan MOF dan juga ketersediaan peruntukan.

- (iv) Saban tahun, Kementerian menerima bantuan sumbangan dari pelbagai pihak berupa peralatan mahupun kewangan melalui Tabung Akaun Amanah. Sumber-sumber ini akan diuruskan secara bersasar bagi hospital-hospital ataupun perkhidmatan yang memerlukan mengikut keutamaan dan keperluan masyarakat dan perkhidmatan kesihatan secara amnya.

3. Pihak Kementerian bertekad untuk terus berusaha dalam memastikan kesemua perkhidmatan kesihatan tidak terjejas dengan melaksanakan pemantauan secara berkala dan teliti.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Persoalan cara pembiayaan sistem kesihatan negara adalah sesuatu perkara yang rumit bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Jelas ianya satu polisi negara yang amat penting dan telah diteliti oleh ramai Menteri Kesihatan dahulu dan juga telah dibawa ke peringkat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Alhamdulillah dewasa ini, ada lebih banyak kefahaman dan pendapat sehaluan antara pelbagai pemegang taruh akan situasi pembiayaan sistem kesihatan negara, impaknya kepada rakyat dan ekonomi, serta betapa kritikalnya kelestarian serta penambahbaikan ekosistem perkhidmatan kesihatan negara. Pandemik COVID-19 telah membuka mata semua kepada betapa gentingnya sistem kesihatan Malaysia yang hampir lumpuh pada kemuncak wabak dahulu. Begitu juga kesannya kepada ekonomi global dan negara masih terkesan sekarang dan di masa depan ini.

5. Kerajaan sekarang menggembungkan pengalaman dan

pengetahuan 30 tahun ini serta perkembangan antarabangsa dalam pembangunan Kertas Putih untuk Kesihatan. Kita faham perbelanjaan kesihatan di bawah pengurusan awam adalah tidak mencukupi untuk memastikan sistem kesihatan negara yang lestari, dan lebih bersedia untuk menangani cabaran masyarakat menua dengan pelbagai penyakit kronik dan bahaya pandemik di masa depan. Cara pembiayaan sistem kesihatan negara sekarang tidak menggembelngkan semua tenaga mahir dan sumber kesihatan Malaysia dengan cara yang kos efektif dan mesra rakyat.

6. Dengan itu, kertas putih untuk kesihatan sekiranya dilaksanakan kelak, akan memulakan perjalanan reformasi sistem kesihatan Malaysia. Ini termasuklah cara pembiayaannya agar lebih mantap dan mampan. Kerajaan sedang meneliti kapasiti untuk meningkatkan bajet kesihatan kepada 5% KDNK, membangunkan sokongan dan kapasiti semua pemegang taruh dalam penambahbaikan sistem kesihatan serta mengkaji kebolehlaksanaan opsyen skim insuran kesihatan nasional yang belum wujud di Malaysia dengan meneliti sumber pembiayaan seperti cukai kesihatan, pengkajian semula Akta Fi, penggunaan dana sumbangan di bawah payung perlindungan sosial dan juga kebajikan termasuk zakat dan wakaf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengambil tindakan yang proaktif untuk memperbaiki kuarters kakitangan klinik kesihatan di daerah ini dan khususnya di Kundasang yang sudah berkeadaan sangat daif, uzur dan kelihatan tidak selamat untuk diduduki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian terhadap kuarters kakitangan KKM, khususnya kuarters di klinik kesihatan. Sejumlah peruntukan telah diluluskan bagi pembaikan dan penyelenggaraan kuarters klinik di bawah butiran BP900 pada setiap tahun. Namun demikian peruntukan tersebut adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan pembaikan keseluruhan kuarters memandangkan bilangan kuarters yang banyak di setiap negeri.

2. Bagi tahun 2021 di bawah RMKe-12 *Rolling Plan* 1 sebanyak RM35,678 telah diluluskan dan dilaksanakan pembaikan di Klinik Kesihatan Paginatan dan Klinik Kesihatan Kundasang. Manakala bagi pembaikan dan naiktaraf klinik daif tahun 2023 telah diluluskan RM500,000 di Klinik Desa Pinawantai. Pihak kementerian dari masa ke semasa akan sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan semua kuarters berada dalam keadaan memuaskan dan selamat untuk diduduki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembaikan blok bilik darjah yang retak dan pembaikan blok asrama murid yang rosak terbakar di SK Orang Kaya Muda Pakeri Paloh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan projek naik taraf dan pembinaan gantian bangunan daif di SK Orang Kaya Muda, Paloh melibatkan skop pembinaan gantian enam unit kuarters guru termasuk naik taraf blok bilik darjah yang retak. Di samping itu, skop pembinaan turut meliputi kemudahan lain mengikut piawai serta perolehan peralatan dan kelengkapan sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 3* (RP3) tahun 2023. Projek ini sedang dalam pelaksanaan penilaian serta tinjauan tapak bagi memulakan kerja awalan.

Berhubung status blok asrama lelaki yang terbakar di sekolah tersebut, pihak JKR Sarawak telah membuat pemeriksaan teknikal dan mendapati bahawa blok tersebut tidak lagi selamat untuk diduduki disebabkan keutuhan dan integriti struktur bangunan yang telah terjejas. KPM akan menyelaras permohonan keperluan skop pembinaan gantian blok asrama di bawah projek pembangunan yang telah diluluskan di sekolah tersebut. Namun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada Kementerian Ekonomi.

Buat masa ini, pihak sekolah telah menempatkan murid dari blok asrama lelaki yang terkesan dengan kebakaran di blok asrama lain sebagai kediaman sementara. KPM menerusi JPN Sarawak akan melaksanakan penyelenggaraan kecil di kediaman sementara tersebut bagi memastikan keselesaan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan membina Klinik Desa atau Klinik Kesihatan di kawasan terpencil di daerah Kota Marudu seperti Kg. Teringai, Kg. Tagibang, Pengapuyan dan Sungai Magandai memandangkan akses penduduk setempat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Hospital Kota Marudu yang jauh dan sukar disebabkan oleh jaringan jalan raya yang teruk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini mengambil maklum akan kedudukan Kg. Teringai yang jauh dari sebarang fasiliti kesihatan di Kota Marudu dan juga keadaan infrastruktur jalan raya yang masih tidak berturap.
2. Oleh itu, Kementerian ini memang bercadang untuk menyediakan sebuah klinik kesihatan di kawasan tersebut. Jenis klinik yang sesuai dengan populasi penduduk sedang dikaji, termasuk menyelesaikan keperluan teknikal seperti pemilihan tapak. Apabila selesai, barulah permohonan dapat diangkat ke agensi pusat. Buat masa ini, penduduk di kawasan tersebut menerima lawatan Klinik Bergerak dari Klinik Kesihatan Langkon dengan kekerapan sekali sebulan.
3. Manakala, bagi Kg. Tagibang, Pengapuyan dan Sungai Magandai, kedudukannya masih dalam jarak dan tempoh perjalanan yang memadai untuk ke Klinik Kesihatan Langkon iaitu sekitar 5 km ke 13 km sahaja. Sukacita dimaklumkan bahawa satu projek Klinik Kesihatan Langkon yang baharu iaitu Jenis 6 telah pun diluluskan dan sedang di peringkat pembangunan reka bentuk awalan. Klinik baharu ini kelak akan dilengkapi mesin x-ray dan klinik pergigian, dan dijangka akan dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB (GERIK)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan melihat ke sesetengah daerah yang masih tidak mempunyai mini stadium balapan dan padang kerana ianya amat perlu bagi kegunaan sukan sekolah dan daerah disamping menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat baru olahraga daerah luar bandar seperti di Parlimen Gerik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada masa ini tiada perancangan khusus untuk mewujudkan stadium mini balapan dan padang di setiap daerah memandangkan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Namun begitu, pihak yang berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian ini melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak untuk pertimbangan selanjutnya. KBS hanya akan mempertimbangkan sebarang permohonan pembinaan kemudahan sukan baharu jika ia menepati syarat ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu memastikan tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Selain itu, cadangan tapak/tanah adalah bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu tapak/tanah projek seperti setinggan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN (BANGI)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini mengenai cadangan pembinaan Lebuhraya Putrajaya-Bangi (PBE).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Projek Penswastaaan Lebuhraya Putrajaya – Bangi (PBE) telah selesai proses rundingan teknikal dan rundingan kos di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) yang dilaksanakan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Antara proses yang terlibat adalah pelaksanaan Bengkel Value Assessment (VA), Bengkel Value Engineering (VE), Laporan Jawatankuasa Teknikal, rundingan kos projek dan Laporan Kos Projek. Ketika ini, Cadangan Projek PBE di dalam tindakan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk proses selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang Kementerian dalam memastikan tiada lagi guru-guru menjalankan tugas perkeranian di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru secara khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

- i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;
- ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
- iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
- iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
- v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
- vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan
- vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, KPM juga berusaha meminimumkan tugas pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa Kementerian memansuhkan Skim Rumah Pertamaku dan inisiatif lain yang boleh membantu rakyat terutamanya golongan sasar yang ingin memiliki rumah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk membantu peminjam dalam mencapai impian pemilikan rumah. Sebagai contoh, Kerajaan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad mulai tahun 2008 telah menyediakan jaminan pembiayaan perumahan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) kepada golongan berpendapatan rendah dan berpendapatan tidak tetap. Program Skim Rumah Pertamaku (SRP) pula telah diumumkan dalam Belanjawan 2011 bagi membantu golongan muda untuk memiliki rumah pertama.

Kementerian Kewangan telah memutuskan tarikh tutup permohonan bagi SRP pada 31 Mac 2023. Institusi Kewangan terlibat dan Cagamas diberikan tempoh selama tiga (3) bulan selepas tarikh permohonan SRP tamat untuk memproses dan memberikan kelulusan pinjaman/ jaminan kredit kepada pemohon yang layak. Melalui Belanjawan MADANI 2023, Kerajaan menerusi SJKP bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama. Jaminan Kerajaan ini adalah bagi membantu peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Berdasarkan data yang dilaporkan oleh SJKP sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 16,808 pinjaman pembiayaan telah diluluskan di bawah skim ini. 65.11% (10,945) pemohon yang berjaya adalah dalam julat umur 35 tahun ke bawah. Nilai keseluruhan pembiayaan yang telah diluluskan oleh SJKP sejak mula dilancarkan adalah sebanyak RM2.32 bilion.

Di samping itu, KPKT juga giat menjalankan sesi libat urus bersama institusi kewangan bagi mengenal pasti produk-produk yang dapat membantu rakyat bagi memiliki rumah pertama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
(KUALA KRAU)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI (KUALA KRAU) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah yang dilakukan JAKOA bagi membantu meringankan kesempitan hidup masyarakat Orang Asli di seluruh negara yang juga terkesan dengan kenaikan kos barangan asas di samping pengurangan sumber pendapatan akibat kemusnahan hutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui JAKOA yang bertanggungjawab bagi pentadbiran, kebajikan dan kemajuan am Orang Asli telah merangka beberapa strategi bagi membantu meringankan kesempitan hidup masyarakat Orang Asli di seluruh negara iaitu:

(i) Mengintegrasikan Data Masyarakat Orang Asli Ke Dalam Sistem e-Kasih

Sistem e-Kasih merupakan sumber rujukan utama agensi-agensi Kerajaan dalam merangka dan melaksanakan program bantuan serta peningkatan pendapatan rakyat. Justeru, pengintegrasian data ini diharap dapat memastikan masyarakat Orang Asli tidak

tercicir dari menerima bantuan serta bimbingan dan terlibat di dalam setiap program yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan terlibat untuk meringankan kesempitan hidup mereka.

(ii) Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli

JAKOA turut memperluaskan pelaksanaan projek-projek pertanian, penternakan dan perikanan melalui kerjasama rakan sinergi seperti MARDI, Jabatan Pertanian, Lembaga Koko Malaysia dan lain-lain yang berkenaan. Program *Quick Win* juga diberikan kepada beberapa negeri yang terlibat dengan tujuan bagi memberikan pulangan pendapatan yang cepat kepada masyarakat Orang Asli dalam masa 6 hingga ke 8 bulan dengan pelaksanaan tanaman kontan. Selain itu, bantuan prasarana pertanian dan juga jentera pertanian kecil juga diberikan selaras dengan kehendak masyarakat Orang Asli yang terlibat yang berminat dalam bidang pertanian/perladangan dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka.

Bagi membantu petani supaya terus konsisten meningkatkan pendapatan, bantuan input pertanian seperti baja, racun, anak pokok dan lain-lain akan disalurkan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti selain mengurangkan kos penyelenggaraan tanaman.

(iii) Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)

Program ini merupakan program pembasmian kemiskinan tegar yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi turut melibatkan masyarakat Orang Asli. Antara bentuk projek penjanaaan pendapatan yang dicadangkan oleh masyarakat Orang Asli melalui program ini adalah seperti penanaman cili, nanas, bunga kantan, limau purut, serai dan terung. Melalui program ini yang bermula pada tahun 2022, seramai 1,439 Isi Rumah masyarakat Orang Asli mendapat pendapatan tambahan sekiranya dilaksanakan secara sistematik dan berterusan. Ini kerana cadangan projek atau idea itu lahir dari kehendak masyarakat setempat itu sendiri yang berasaskan kepada kekuatan sumber di kawasan tersebut, keupayaan, kemampuan serta minat mereka. Seterusnya, diyakini lebih realistik untuk dilaksanakan.

(iv) Program Ladang Masyarakat Orang Asli

Pada tahun 2023, JAKOA telah diperuntukan RM15 juta untuk Projek Tanam Semula Komersial. Penanaman getah, kelapa sawit dan koko secara komersial akan terus dilaksanakan dengan penumpuan terhadap kawasan penempatan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Pada tahun ini juga, terdapat 18 buah projek ladang akan dibangunkan untuk Projek Tanam Semula dengan kerjasama agensi RISDA dan FELCRA. Ia melibatkan penerima manfaat seramai 2,196 orang peserta dengan keluasan 4,411.58 hektar.

(v) Program Pembangunan Usahawan Orang Asli

Program ini memfokuskan kepada strategi keusahawanan melalui penyediaan kemudahan pembiayaan kewangan dan bantuan yang inklusif bagi memastikan usahawan Orang Asli berdaya saing dan mampan, memperluas aktiviti dan platform pemasaran produk luar bandar yang lebih kompetitif dan meningkatkan penglibatan golongan belia dan wanita dalam bidang keusahawanan di luar bandar. Ia melibatkan penyediaan geran bantuan usahawan, geran bantuan koperasi dan penyediaan kursus/latihan bimbingan. Di bawah RMKe-12, program ini mensasarkan seramai 300 orang usahawan Orang Asli, meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 20 koperasi Orang Asli serta meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk memastikan tambang tiket penerbangan dari Semenanjung ke Sabah/Sarawak tidak melambung tinggi semasa musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator* (RBD) di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.

3. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

4. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehalu bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehalu dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan

penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

5. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH (BESUT)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa pembinaan Jalan Kampung Keruak ke Gua Musang melalui Gunong Bongsu yang pernah diluluskan pada Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah dibatalkan oleh Agensi Pusat pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah Merekabentuk dan Membina Jalan Baru Kg Keruak, Besut ke Jalan Baru Simpang Pulai-Lojing -Gua Musang- Kuala Berang yang mana telah dibatalkan pada 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut telah dibatalkan pada 2018 dengan merujuk surat daripada Kementerian Kewangan berkenaan Penambahbaikan Tadbir Urus Dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan bertarikh 29 Jun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri. Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan permohonan ini semula kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu atau JKR Negeri Terengganu untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Kementerian ini akan meneliti semula projek-projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada keutamaan negeri dan agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHOW KON YEOW
[BATU KAWAN]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah diambil pihak Kementerian dalam memastikan kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) turut mengambil kira keperluan mitigasi banjir bagi menampung aliran Sungai Tiram dan Sungai Permatang Damar Laut yang berada di dalam kawasan lapangan terbang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah merupakan kawasan dataran tanah rendah dan berada berhampiran dengan pantai. Terdapat tiga (3) buah sungai yang berdekatan iaitu Sungai Tiram, Sungai Bayan Lepas dan Sungai Kluang.
2. Pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) memaklumkan bahawa kejadian banjir telah direkodkan beberapa kali di kawasan sekitar bangunan terminal utama. Di samping melakukan kerja pembersihan parit dan saluran secara berkala, pembinaan 3 buah kolam takungan air (On Site Detention - OSD) telah dapat membantu mengelakkan kejadian banjir dikawasan bangunan terminal utama.
3. Dalam hubungan ini, pihak MAHB telah melantik pihak perunding untuk membantu mereka menyediakan cadangan pelan pembesaran dan naik taraf LTAPP secara menyeluruh, termasuk kajian berhubung keperluan penambahbaikan infrastruktur di lapangan terbang ini.
4. Sesi libat urus bersama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang telah diadakan bagi tujuan mengenal pasti cadangan sistem perparitan yang mampu untuk menampung aliran air pada masa hadapan. Dalam hubungan ini, keseluruhan syarat Kebenaran Merancang (KM) yang ditetapkan oleh pihak MBPP berhubung keperluan sistem saluran telah turut diambil kira dalam cadangan pelan pembesaran dan naik taraf LTAPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha pihak Kementerian terhadap cadangan untuk menyediakan TASKA di tempat kerja terutama agensi Kerajaan bagi memudahkan urusan para ibu bapa menguruskan anak-anak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyokong usaha agar pihak majikan menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Tempat Kerja. Ini bagi memberi sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka.
2. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Mac 2023, terdapat 262 buah TASKA Tempat Kerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 223 buah disediakan oleh majikan di sektor awam manakala baki 39 buah lagi disediakan oleh sektor swasta.
3. KPWKM telah mengambil pelbagai usaha dan inisiatif untuk mendorong pihak majikan menyediakan TASKA di Tempat Kerja. Antaranya ialah:
 - i. pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan RM180 sebulan kepada ibu bapa yang layak dan menghantar anak-anak ke TASKA yang berdaftar termasuk TASKA Tempat Kerja;
 - ii. potongan cukai kepada majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja yang menghantar anak ke TASKA dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA mulai tahun taksiran 2013;
 - iii. pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun kepada pengusaha TASKA mulai tahun taksiran 2013;
 - iv. pemberian elaun bangunan industri pada kadar 10% kepada sektor swasta yang mengusahakan TASKA mulai tahun taksiran 2010. Insentif ini terpakai kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan TASKA yang berdaftar dengan JKJ;

SOALAN NO : 88

- v. melaksanakan program advokasi bagi meningkatkan kesedaran pelbagai pihak berkaitan TASKA seperti Kempen Jom Daftar TASKA, khidmat nasihat pendaftaran dan membuka kaunter maklumat pameran dalam program-program yang dianjurkan oleh pejabat Kerajaan, syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang lain;
- vi. mengaktifkan fungsi “*one stop centre*” di negeri bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agensi teknikal dalam pendaftaran TASKA; dan
- vii. mengagihkan dua (2) bantuan khas kepada 2,623 buah TASKA iaitu Bantuan Penjana 2020 sebanyak RM12.1 juta dan Pakej Bantuan Pemulih 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7.4 juta. Bantuan ini diberikan untuk membantu pihak TASKA mengharungi cabaran sukar semasa penularan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
(BATANG LUPAR)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI (BATANG LUPAR) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan tahap liputan dan ketersediaan sambungan air dan elektrik di Sarawak khususnya di Parlimen Batang Lupar dan usaha untuk menyambungkan kawasan yang masih belum mendapat akses bekalan air dan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2020 sehingga tahun 2023, sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan empat (4) projek bekalan air oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) khusus di Parlimen Batang Lumar.

Daripada empat (4) projek tersebut, tiga (3) projek telah siap dilaksanakan iaitu Projek Sambungan Bekalan Air Dari Simpang Kaki Wong ke Pusa Beladin dengan kos projek berjumlah RM50.44 juta, Projek BALB dari Kampung Manggut ke Kampung Supa, Kampung Medang, Kampung Tuie, Kampung Serabang dengan kos projek berjumlah RM20.99 juta dan Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2016 Zon 5, Betong dengan kos projek berjumlah RM8.1 juta. Manakala satu (1) projek iaitu Projek BALB Kpg Ensika, Kpg Sago dan Kpg Entanggor masih dalam fasa rekabentuk oleh perunding dengan kos berjumlah RM8.5 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek tersebut telah dan akan memberi manfaat kepada 5,000 buah rumah penduduk di kawasan Parlimen Batang Lumar khususnya.

Sehubungan itu, bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat terutamanya di Parlimen Batang Lumar, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan ini boleh diangkat kepada Kementerian Ekonomi mengikut *Rolling Plan* untuk kelulusan projek dan peruntukan, seterusnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga penghujung tahun 2022 peratus liputan bekalan elektrik Sarawak telah mencapai 95.73%.

Dalam usaha untuk meningkatkan peratus liputan ini, Kementerian sentiasa berkerjasama dengan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (KUTS) dan Sarawak

SOALAN NO : 89

Energy Berhad (SEB) dalam semua sesi perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan peruntukan.

Bagi perluasan pembekalan elektrik di Sarawak, Kementerian akan terus melaksanakan projek penyambungan talian grid voltan sederhana dan rendah iaitu 33kV, 11kV dan 0.415kV serta pembekalan melalui kaedah alternatif seperti Sistem Solar Hibrid dan solar *photovoltaic* (PV).

Pada masa ini, terdapat 13 projek yang dalam pelaksanaan di Sarawak melibatkan kos sebanyak RM914,495,659.00 dan akan memberikan bekalan kepada 7,834 buah rumah. Daripada 13 projek itu, sebanyak dua (2) projek dalam pelaksanaan manakala 11 lagi projek dalam peringkat perancangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar lepasan SPM yang tidak mahu menyambung pelajaran dari tahun 2020 ke 2022 dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan pelajar menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, di mana gaji rendah menjadi cabaran untuk mereka menyambung pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan pengesanan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertujuan untuk mengumpul status murid selepas tamat persekolahan Tingkatan 5. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menggunakan sistem eProfil Kerjaya Murid (ePKM).

Berdasarkan sistem ePKM, statistik menunjukkan bagi tahun 2020, sebanyak 35.16 peratus (115,939) yang dilaporkan tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi tahun 2021 pula, data statistik sistem ePKM menunjukkan sebanyak 48.74 peratus (180,680) murid lepasan SPM tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

KPM melaksanakan program pembangunan diri murid dan pendidikan kerjaya di sekolah bagi meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan belajar, mengembangkan potensi, kecenderungan, sikap, minat dan hala tuju kerjaya supaya murid dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta jati diri yang tinggi.

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) juga diberikan pendedahan kepada maklumat berkaitan pendidikan tinggi serta kerjaya terkini selaras dengan peranan mereka sebagai pakar rujuk kerjaya di peringkat sekolah menengah. Sebagai contoh, KPM melaksanakan mobilisasi sumber dengan kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Financial Industry Collective Outreach (FINCO) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pelbagai langkah dan inisiatif bagi menggalakkan murid meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi seperti penganjuran Program SUKSES Karnival Kerjaya Murid dengan kerjasama Universiti Awam dan Swasta serta agensi-agensi lain yang menawarkan biasiswa dan pinjaman

SOALAN NO : 90

pembiayaan pengajian. Program ini berkonsepkan pusat sehenti (one stop centre) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti murid, ibu bapa, guru dan komuniti setempat berinspirasi perkongsian pintar berasaskan kepakaran melalui pameran kerjaya, ujian minat kerjaya, bengkel temuduga, promosi pengajian tinggi termasuk peringkat matrikulasi dan institusi latihan kemahiran.

KPM sentiasa komited meningkatkan motivasi murid melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi demi pembangunan dan pertumbuhan mampan negara.

Sekian, terima kasih.

RJM21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN
ABDUL RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta
YB MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah subsidi
pengangkutan yang diluluskan dalam pembentangan 2023 untuk Sabah
dan Sarawak yang bernilai RM209 juta:-

- (a) mengapa tambang pengangkutan udara daripada Kuala Lumpur ke Kuching, Sabah dan W.P. Labuan meningkat naik dan sangat tinggi semasa musim perayaan baru-baru ini; dan
- (b) ke mana perginya subsidi yang Kerajaan peruntukkan apabila tambang ekonomi melebihi RM1000 semasa musim perayaan sama ada syarikat penerbangan Malaysia Airlines dan AirAsia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator* (RBD) di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.

3. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

4. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehalu bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehalu dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu

memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

5. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

6. Berhubung subsidi pengangkutan yang diluluskan dalam pembentangan 2023 untuk Sabah dan Sarawak yang bernilai RM209 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, subsidi pengangkutan yang diluluskan tersebut adalah subsidi bagi tujuan pelaksanaan perkhidmatan udara luar bandar (*rural air services – RAS*) yang merupakan perkhidmatan udara yang hanya boleh wujud dengan adanya sokongan Kerajaan kerana laluan tersebut tidak ekonomik dan dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

7. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Julai 2011. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj. Sehingga kini, tiada kenaikan harga siling yang telah dilaksanakan atau diumumkan oleh Kerajaan sejak 2011.

8. Dalam hubungan ini, perkhidmatan pengangkutan udara bagi mana-mana destinasi dari Semenanjung ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bukan di bawah perkhidmatan RAS kerana laluan-laluan tersebut berdaya maju dari segi komersial (*commercially viable*) hingga membolehkan beberapa syarikat penerbangan berlainan menyediakan perkhidmatan di laluan yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK
BRODI [SRI AMAN]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap kemudahan yang disediakan dalam hospital Kerajaan terutamanya di kawasan luar bandar yang dikatakan tidak setaraf dengan hospital di bandar manakala teknologi perubatan termasuk prasarana untuk hospital luar bandar juga kekurangan dan ada yang agak uzur dan usang dan apakah langkah Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat 3 kategori hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu hospital berpakar, hospital tanpa pakar dan institusi khas perubatan di mana setiap kategori memberikan penyampaian kesihatan pada tahap yang berbeza.

2. Walaupun berada di kawasan luar bandar, Hospital Tanpa Pakar juga dilengkapi dengan kemudahan perubatan yang berupaya untuk memberi perkhidmatan perubatan asas. Ini meliputi perkhidmatan pesakit luar, pesakit dalam, perubatan kecemasan, perbidanan, hemodialisis, rehabilitasi, radiologi, makmal patologi dan farmasi yang disediakan oleh pelbagai anggota kesihatan seperti pegawai perubatan, pegawai farmasi, jururawat, penolong pegawai perubatan dan ahli sains

kesihatan bersekutu.

3. KKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran perubatan bagi setiap rakyat Malaysia. Melalui inisiatif hospital kluster, KKM dapat menyediakan akses kepada perkhidmatan kepakaran daripada Hospital Pakar kepada Hospital Tanpa Pakar berdekatan bergantung kepada keperluan di dalam kluster tersebut. Bidang kepakaran yang ditawarkan meliputi bidang perkhidmatan sekunder seperti perubatan am dan juga perkhidmatan tertiar seperti dermatologi dan nefrologi. Di bawah inisiatif ini, perkongsian di antara hospital *lead* dan hospital *non-lead* bukanlah hanya tertumpu kepada perkhidmatan kepakaran sahaja, malah juga peralatan berteknologi tinggi seperti mesin ultrasound, mesin hemodialysis dan sebagainya, yang sesuai bagi perkhidmatan kepakaran yang di klusterkan.

4. Selain, KKM telah pun mempunyai perancangan untuk menaik taraf perkhidmatan di beberapa hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar secara berfasa. Perancangan ini juga memerlukan penambahan daripada segi pembangunan dan peralatan perubatan berteknologi tinggi seperti mesin imbasan CT (*CT scan*) ke Hospital-hospital Tanpa Pakar. Justeru itu, KKM akan sedaya upaya untuk memastikan naik taraf ini dilakukan secara bersekali, bagi memastikan perkhidmatan kepakaran yang dirancang dapat dilaksanakan dengan menyeluruh.

5. Kelengkapan peralatan perubatan di setiap hospital adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan ketersediaan kepakaran di hospital tersebut. Bagi menggantikan peralatan perubatan yang telah uzur, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merancang tindakan secara bersasar dan berperingkat seperti beberapa langkah berikut:

(i) Penggantian peralatan secara sewaan atau *leasing*

KKM mula melaksanakan penggantian peralatan secara sewaan atau *leasing* sejak tahun 2020 bagi tempoh sewaan selama 5 tahun dengan peruntukan sebanyak RM19.6 juta.

Peralatan yang terlibat adalah 300 unit katil ICU, 33 meja pembedahan am dan ortopedik, 20 unit mesin imbasan x-ray, 8 unit CT-Scan, 8 unit MRI dan 40 unit *power drill* orthopedik. Penggantian secara *leasing* akan mengurangkan beban perbelanjaan kapital pihak Kementerian secara *one-off*. Selain itu, kaedah ini juga akan memastikan peralatan tersebut dalam berkeadaan yang optimum dan mengikut standard yang ditetapkan memandangkan penyelenggaraan peralatan berkenaan akan dilakukan oleh pihak pengeluar. Melalui kaedah ini juga, KKM akan dapat memastikan peralatan perubatan yang digunakan adalah selari dengan perkembangan teknologi terkini.

- (ii) Penggantian dan pembelian peralatan secara sebut harga atau tender secara pusat dan di hospital

KKM telah membelanjakan sebanyak RM1,334,729,537.00 dari tahun 2016 sehingga 2022 bagi penggantian peralatan perubatan yang usang dan pembelian peralatan perubatan baharu untuk kegunaan semua hospital dan institusi sedia ada di bawah KKM secara sebut harga atau tender.

- (iii) Program *Replacement Through Maintenance* (RTM)

KKM telah memperkenalkan Program *Replacement Through Maintenance* (RTM) sejak tahun 2019 di bawah skop Perjanjian Konsesi *Perkhidmatan Sokongan Hospital* (PSH). Program RTM ini merupakan kaedah pendekatan terbaharu di mana kerja-kerja penggantian peralatan perubatan yang telah melebihi jangka hayat sebagaimana yang disarankan oleh *American Society for Healthcare Engineering* (ASHE) akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi selaras dengan obligasi penyelenggaraan kepada pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengekalkan mata pelajaran tulisan jawi dalam buku teks sekolah di seluruh negara setelah tulisan jawi diabaikan akibat Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang dikuatkuasakan pada tahun 1971.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggunakan sepenuhnya tulisan jawi dalam buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah di peringkat sekolah menengah. Tulisan jawi juga digunakan sepenuhnya dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam. Penguasaan kemahiran jawi ditaksir secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2021, format pentaksiran baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan berpandukan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Berdasarkan format pentaksiran baharu ini, kertas peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam SPM disediakan dalam tulisan rumi. Walau bagaimanapun, calon masih boleh menjawab kertas peperiksaan tersebut sama ada dalam tulisan rumi atau tulisan jawi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kertas peperiksaan SPM bagi mata pelajaran aliran agama seperti Pendidikan Syariah Islamiah serta Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah masih disediakan dalam tulisan jawi. Bagi kertas peperiksaan tersebut, calon perlu menjawab dalam tulisan jawi. Sehubungan dengan itu, soalan peperiksaan di dalam tulisan jawi masih dikekalkan. Di samping itu, bagi kertas peperiksaan Bahasa Melayu pada peringkat SPM dan Sijil Vokasional Malaysia calon boleh menjawab dalam tulisan rumi atau jawi. Bagi kertas peperiksaan Kesusasteraan Melayu Komunikatif SPM, calon juga boleh menjawab dalam tulisan rumi atau jawi.

KPM sentiasa komited untuk mengekalkan dan memartabatkan tulisan jawi dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran jawi dalam kalangan murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan kekurangan jururawat telah menyebabkan dua daripada empat Dewan Bedah dan 16 buah katil ICU baru di Hospital Kepala Batas tidak dapat digunakan lebih setahun dan dua daripada tiga Dewan Bedah di Hospital Bukit Mertajam tidak dapat digunakan oleh pesakit. Bilakah masalah ini akan diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam merupakan Hospital di dalam Kluster Seberang Perai dimana Hospital Seberang Jaya adalah Hospital Utama (*Lead Hospital*). Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam merupakan Hospital Pakar Minor. Jumlah katil di Hospital Kepala Batas adalah 134 dengan kadar penggunaan sebanyak 82%. Jumlah katil di Hospital Bukit Mertajam adalah 242 dengan kadar penggunaan sebanyak 71% (30 April 2023). Terdapat 3 dewan bedah di Hospital Bukit Mertajam dan 4 dewan bedah di Hospital Kepala Batas dengan 7 katil ICU di Hospital Bukit Mertajam dan 24 Katil ICU di Hospital Kepala Batas. Terdapat 6 Kepakaran dengan residen Pakar di Hospital Kepala Batas dan 9 Kepakaran dengan Residen Pakar di Hospital Bukit Mertajam. Kepakaran ini adalah termasuk Perkhidmatan Anaesthesiologi dan Pembedahan Pelbagai Disiplin merangkumi; Obstetrik Ginekologi dan Pembedahan Am di Hospital Kepala Batas dan Ophthalmologi dan Otorhinolaringologi di Hospital Bukit Mertajam.

2. Penggunaan dewan bedah dan katil ICU di kedua-dua hospital ini mengalami kekangan disebabkan terutamanya oleh kekurangan jururawat. Selaras dengan itu bagi memastikan penggunaan dewan bedah dan katil ICU di kedua-dua hospital ini dapat dioptimumkan, pelbagai langkah dijalankan merangkumi;

- (i) Penempatan jururawat di mana setakat 31 Mac 2023, seramai 186 jururawat yang terdiri daripada 176 anggota lantikan tetap dan 10 anggota lantikan kontrak berkhidmat di Hospital Kepala Batas. Daripada keseluruhan jumlah ini, seramai 31 jururawat telah ditempatkan di Dewan Bedah dan *Intensive Care Unit* (ICU) Hospital Kepala Batas, 15 jururawat ditempatkan di Dewan Bedah dan 16 jururawat ditempatkan di ICU;
- (ii) Manakala bagi Hospital Bukit Mertajam pula, seramai 292 jururawat yang terdiri daripada 286 anggota lantikan tetap dan 6

anggota lantikan kontrak dengan penempatan 13 jururawat Dewan Bedah;

- (iii) Pelaksanaan perkhidmatan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber termasuk penyusunan semula penempatan anggota jururawat mengikut keutamaan perkhidmatan secara konsep kluster di mana 6 orang jururawat dari Hospital Bukit Mertajam telah ditempatkan secara kluster ke Dewan Bedah Hospital Kepala Batas untuk mengoperasi Dewan Bedah di sana;
- (iv) Menaik taraf 3 Dewan Bedah di Hospital Bukit Mertajam bagi memastikan dewan bedah dapat digunakan sepenuhnya dan telah siap pada tahun 2022;
- (v) Melaksanakan naziran dan pemeriksaan perjawatan supaya fasiliti kesihatan mempunyai perjawatan yang optimum bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pesakit tidak terjejas; dan
- (vi) Kementerian Kesihatan juga telah mengemukakan permohonan tambahan perjawatan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan bagi fasiliti baharu / naik taraf dan sedia ada untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan. Agihan perjawatan akan dibuat berdasarkan keperluan fungsi di fasiliti kesihatan dan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pencapaian yang telah berjaya dicapai bagi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 akan berakhir pada 2 tahun lagi dan cabaran utama yang dihadapi bagi memenuhi kesemua sasaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang menggariskan lima aspirasi sistem iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan untuk mencapai aspirasi murid yang berikut, iaitu: Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional.

PPPM 2013-2025 telah menunjukkan pencapaian positif seperti peningkatan enrolmen khususnya di peringkat menengah atas yang telah meningkat daripada 77.96 peratus pada tahun 2013 kepada 89.97 peratus pada tahun 2022. Manakala enrolmen murid dalam aliran TVET pula meningkat daripada 4.6 peratus pada tahun 2013 kepada 6.66 peratus

pada tahun 2022. Peningkatan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI) turut meningkat daripada 9.6 peratus pada tahun 2013 kepada 83.47 peratus pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat PPPM 2013 - 2025 adalah agar Malaysia mencapai kedudukan sepertiga teratas dalam *Programme for International Student Assessment (PISA)* dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* pada tahun 2025. Malaysia telah mencatatkan peningkatan pencapaian dalam TIMSS 2019. Untuk PISA pula, Malaysia mencapai peningkatan 13 peratus purata merentas literasi Bacaan, Matematik dan Saintifik dari tahun 2012 hingga 2018. Pencapaian ini menunjukkan Malaysia telah menghampiri kedudukan pertengahan.

Dari segi pencapaian murid dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, peratus yang layak menerima sijil SPM juga menunjukkan peningkatan daripada 85.2 peratus pada tahun 2016 kepada 87.6 peratus pada tahun 2021. Pencapaian murid dalam SPM juga telah menunjukkan jurang pendidikan antara murid di bandar dan luar bandar semakin mengecil iaitu daripada 0.61 peratus pada tahun 2012 kepada 0.46 peratus pada tahun 2021. Di samping itu, jurang pencapaian antara jantina juga menunjukkan trend mengecil iaitu daripada 12.6 peratus pada tahun 2016 kepada 9.8 peratus pada tahun 2021.

Dari segi kualiti guru pula, KPM telah memberi tumpuan dalam tiga aspek iaitu pemantapan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, pemerkasaan profesionalisme dan kelestarian kesejahteraan guru. Guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) diambil daripada calon lepasan SPM yang tergolong dalam 30 peratus kumpulan teratas dengan minima 5A mulai tahun 2014. Selain itu, profesionalisme guru diperkasa melalui Pembangunan Profesionalisme berterusan guru supaya kompeten dan kekal bermotivasi dalam menjalankan tugas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian pelaksanaan PPPM adalah berdasarkan kepada sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) tahunan yang ditetapkan dalam setiap inisiatif. Setiap pencapaian dilaporkan melalui Laporan Tahunan PPPM yang dikeluarkan pada setiap tahun. Laporan tahunan ini boleh diakses oleh setiap golongan masyarakat di laman sesawang KPM.

Mengambil pengalaman pelaksanaan pelan transformasi di negara-negara luar, KPM telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) yang merupakan sebuah Unit Penyampaian (*Delivery Unit*) bagi memantau rapi penyampaian dan pelaksanaan inisiatif seperti yang dinyatakan dalam PPPM.

Dalam memastikan pelaksanaan inisiatif PPPM dapat dilaksanakan, terdapat cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi. Antaranya adalah :

- i. untuk memastikan inisiatif yang dirancang dapat mencapai sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan;
- ii. pelaksanaan inisiatif yang bersesuaian dengan keadaan semasa;
- iii. memastikan inisiatif yang berterusan sehingga 2025 berjalan seperti yang dirancang ;dan
- iv. memastikan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan inisiatif.

Selain itu, Pandemik COVID-19 yang melanda juga telah merencatkan perancangan serta sasaran untuk inisiatif PPPM yang dijalankan. Oleh itu, KPM telah bertindak secara tangkas (*agile*) dalam apa jua keadaan untuk memastikan PPPM berada di landasan transformasi pendidikan seperti yang dirancang.

KPM beriltizam untuk terus komited dalam memastikan PPPM mencapai aspirasi sistem dan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian termasuk kaedah untuk memanfaatkan lebihan makanan termasuk di bazar-bazar Ramadan, sekali gus mengelakkan pembaziran serta mengurangkan tabiat pembuangan sisa makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa berusaha bagi memastikan sisa makanan tidak terus dilupuskan ke tapak pelupusan melalui Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran. Bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai perkara ini pada bulan Ramadan, KPKT telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

**i. Promosi Kesedaran Dan Pendidikan melalui CEPA
(*Communication, Education and Public Awareness*)**

Melalui aktiviti ini, kerajaan telah berusaha untuk mendidik masyarakat membuat perancangan di peringkat awal bermula dengan pembelian barangan makanan, semasa penyediaan makanan, semasa makan dan selepas makan.

ii. Sesi Libat Urus di Lapangan

Aktiviti libat urus di lapangan turut dilaksanakan di bazar Ramadan, pusat penjaja, hotel, restoran dan komuniti dengan kerjasama pemegang taruh (*stakeholder*) seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat konsesi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

iii. Kolaborasi dengan Pemegang Taruh

SWCorp juga telah mengadakan jalinan kolaborasi dengan agensi Kerajaan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan NGO seperti WWF-Malaysia, Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, The Lost Food Project, Zero Waste Malaysia, Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan Yayasan Food Bank Malaysia untuk

mengadakan program *food bank* dalam meningkatkan kesedaran masyarakat supaya tidak membazirkan makanan.

iv. Inisiatif Program MYSaveFood Ramadan

SWCorp dengan kerjasama Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dan pihak MARDI (selaku penaung dan penasihat projek) telah melaksanakan Projek MYSaveFood melibatkan 29 bazar Ramadan terpilih di negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Melalui kerjasama ini, sebanyak 5,056.35kg lebih makanan telah diselamatkan di mana lebih makanan yang tidak berjaya dijual oleh peniaga bazar telah diberikan kepada pihak yang memerlukan.

v. Sesi Ceramah di Masjid/Surau

SWCorp juga telah menjalinkan kerjasama dengan masjid dan surau dalam menyampaikan pendidikan berkaitan harga makanan elak pembaziran melalui sesi takziah dan khutbah.

Dengan adanya tindakan-tindakan di atas dan kerjasama dari semua pihak, adalah diharapkan isu pembaziran makanan dan tabiat pembuangan sisa makanan dapat dikurangkan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI
(IGAN)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan hutang tertunggak peserta FELCRA di Sarawak termasuk kawasan Matu dan nyatakan berapa jumlah hutang tertunggak berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa terdapat 10 projek dibawah kawasan Matu yang terletak didalam Parlimen Igan dengan keluasan 723.260 hektar yang dapat memberi manfaat kepada 359 peserta.

Menyedari hakikat bahawa 10 projek tidak berdaya maju, maka pihak FELCRA Berhad bercadang untuk menyerahkannya semula kepada peserta. Sehubungan dengan itu, FELCRA Berhad telah membuat rayuan kepada kerajaan pada Mac 2023 untuk menghapuskan hutang tertunggak dan seterusnya menyerahkan projek tersebut kepada peserta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian dapat memberi jaminan harga rumah dapat diturunkan selepas inisiatif Harga Simen Rahmah diperkenalkan dan bilakah rakyat dijangka dapat merasai kesan penurunan harga simen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Skim Simen Rahmah merupakan inisiatif Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta iaitu Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (Cement and Concrete Association of Malaysia, C&CA) dan pemaju perumahan swasta bagi pemajuan perumahan mampu milik yang berharga RM300,000 ke bawah. Melalui inisiatif ini, pembekal simen menawarkan simen pukal dengan harga RM290.00 setiap tan metrik berbanding harga pasaran semasa iaitu RM410.00 setiap tan metrik iaitu pengurangan sebanyak RM120.00 (29.3%) setiap tan metrik. Simen kampak pula ditawarkan pada harga RM17.50 sekampak berbanding harga pasaran iaitu RM22.50 sekampak (pengurangan sebanyak RM5.00 iaitu 22.2%).

SOALAN NO : 98

Secara anggaran kasar, pecahan kos pembangunan bagi sesuatu pemajuan perumahan adalah 67%. Kos pembangunan tersebut yang diterjemahkan kepada nilai harga jualan rumah yang mana daripada 67% tersebut, dianggarkan nilai peratus penggunaan simen adalah di antara 1.7% hingga 2.38% berdasarkan jenis, harga rumah dan keluasan binaan rumah. Secara relatifnya, penurunan ini akan turut menyumbang kepada penurunan harga Rumah Mampu Milik (RMM) di antara 1.7% hingga 2.38% iaitu maksimum sehingga RM5,000 untuk setiap rumah yang berharga RM300,000.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memantau pelaksanaan inisiatif ini melalui kelulusan Permit Iklan dan Jualan (*Advertising Permit, AP*) yang akan diberikan melalui *Housing Integrated Management System (HIMS)* termasuk janaan perjanjian jual beli (*eSPA*) yang menunjukkan pengurangan harga rumah berdasarkan jenis rumah dan keluasan. Pembeli boleh memastikan terdapat pengurangan ini dengan membuat semakan dalam perjanjian jual beli tersebut.

Inisiatif ini akan dilaksanakan bagi pemajuan yang diluluskan AP bermula pada 1 Mei 2023 hingga 30 Jun 2024 mengikut peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Oleh itu, pembeli akan dapat merasai pengurangan harga rumah ini bagi pembelian mana-mana projek perumahan yang diluluskan dalam tempoh tersebut. Ini merupakan kerjasama strategik antara Kerajaan dan pihak swasta dan bakal dinikmati oleh 24,000 orang pembeli rumah berdasarkan data Kementerian yang mengunjurkan 24,000 unit RMM akan dibina bagi tempoh tersebut. Ini bermakna setiap pembeli rumah di bawah kategori ini layak menerima inisiatif pengurangan harga jualan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
(PASIR SALAK)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah tahap kebolehcapaian serta penyelenggaraan kemudahan dan prasarana sukan serta rekreasi di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) pada tahun 2022, 70.6 peratus kemudahan sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mudah digunakan, 69.7 peratus kemudahan yang disediakan adalah bersesuaian dengan minat dan keperluan, manakala 68.6 peratus kemudahan sukan selamat digunakan.

Berpandukan daripada data ini, KBS sedang mengambil langkah aktif melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan sukan dan rekreasi di bawah seliaan Kementerian ini secara berperingkat bagi memastikan kemudahan sukan ini sentiasa berada dalam keadaan baik untuk digunakan oleh orang awam. Di samping itu, KBS telah selesai membangunkan direktori fasiliti sukan bagi memudahkan rakyat untuk mendapatkan maklumat berhubung kemudahan sukan yang berhampiran dengan lokasi mereka. Direktori ini boleh diakses melalui pautan www.kbs.gov.my/home-fasiliti.html

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE LIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : PERTANYAAN LISAN
**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [TANJONG
MANIS]**
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberikan maklumat terkini berkaitan status tindakan Kementerian Pendidikan berkaitan masalah 3,017 Sekolah Kurang Murid seperti yang dilaporkan di media masa pada 7 September 2022 dan berapa jumlah sekolah terlibat di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) mendefinisikan Sekolah Kurang Murid (SKM) sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 30 April 2023 menunjukkan terdapat 3,049 buah sekolah rendah di seluruh negara yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Bilangan sekolah ini tidak mengambil kira SK Pendidikan Khas, SK (Asli), Sekolah Model Khas, Sekolah Model Khas K9, dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Berdasarkan rekod KPM, terdapat sebanyak 861 buah SKM di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merangka beberapa strategi di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM. Strategi tersebut adalah:

- i. pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred;

- ii. penggabungan SKM;
- iii. pemindahan atau penempatan semula SKM; dan
- iv. pengekalan SKM atas keperluan.

Strategi pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred dilaksanakan dengan melibatkan percantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3 dan Tahun 4 dengan Tahun 5 di sekolah berenrolmen 30 orang murid dan ke bawah.

Strategi penggabungan sekolah pula dilaksanakan dengan menggabungkan dua atau lebih sekolah yang sama jenis dalam lingkungan 5 kilometer. Walau bagaimanapun, penggabungan SKM dalam kawasan penempatan yang sama ini tertakluk kepada persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga secara majoriti. Bagi SKM yang tidak boleh digabungkan atau dipindahkan seperti SKM di kawasan pedalaman dan pulau, sekolah berkenaan akan dikekalkan demi memastikan kelangsungan pendidikan kepada murid yang tinggal di lokasi berkenaan.

Strategi pemindahan atau penempatan semula SKM ke lokasi baharu di kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dilaksanakan bagi membantu untuk meningkatkan enrolmen SKM. Strategi ini dilaksanakan sekiranya SKM memenuhi kriteria seperti tapak baharu telah dikenal pasti dan persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga murid secara majoriti diperolehi.

KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan aspirasi sistem pendidikan berkaitan akses, ekuiti dan kualiti yang dilaksanakan di semua institusi pendidikan termasuklah di SKM dapat direalisasikan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) status dan dapatan kajian cadangan penyelesaian bagi mengoptimumkan kuarters kosong guru di seluruh negara yang dimaklumkan dijangka selesai pada akhir April 2023; dan
- (b) apakah keputusan cadangan kajian bagi kuarters guru di Taman Seri Serdang, Kepala Batas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan termasuk kuarters guru yang selamat dan kondusif untuk diduduki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melantik perunding hartanah bagi menjalankan kajian mengoptimumkan penggunaan kuarters guru tidak berpenghuni milik KPM di seluruh negara termasuk KIP Seri Serdang. Perunding yang dilantik telahpun mengemukakan draf laporan akhir kajian kepada KPM pada akhir April 2023. Antara dapatan awal kajian yang menyumbang kepada bilangan kuarters yang tidak berpenghuni adalah seperti berikut:

- i. keadaan fizikal kuarters yang tidak kondusif;
- ii. kos penyelenggaraan yang tinggi;
- iii. lokasi kuarters yang tidak strategik;
- iv. kos sewa rumah kediaman di sekitar kuarters lebih rendah; dan
- v. kawasan kuarters yang tidak selamat kerana menjadi sasaran pencuri dan vandalisme.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan awal kajian serta cadangan penyelesaian oleh perunding akan diteliti oleh KPM sebelum sebarang keputusan diambil kepada termasuk kuarters institusi pendidikan Seri Serdang yang terdiri daripada sembilan blok lima tingkat yang mempunyai 180 unit.

Cadangan penyelesaian daripada perunding masih berada dalam proses semakan akhir KPM. Laporan ini dijangka akan dimuktamadkan pada Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keperluan Balai Bomba kategori D di Tanjung Bijat, Balai Ringin dan Batu Lintang di Parlimen Sri Aman mengambil kira aspek geografi, populasi dan rumah-rumah panjang/kampung yang ramai dan kebanyakan daripada rumah-rumah panjang/kampung tersebut diperbuat daripada kayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan sentiasa terjamin serta mampu memenuhi ekspektasi rakyat.

Bagi sebarang perancangan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) baharu, penilaian adalah berdasarkan kepada penilaian risiko di dalam grid kawasan seluas 25 kilometer persegi (5km x 5km) merangkumi beberapa kriteria seperti berikut:

SOALAN NO : 102

- i. kepadatan penduduk;
- ii. jumlah dan jenis industri;
- iii. jumlah dan jenis perniagaan serta bangunan komersial;
- iv. jumlah dan jenis bangunan kerajaan; dan
- v. jumlah dan jenis kemudahan awam/institusi.

Setiap kriteria akan diberikan markah menggunakan pemberat mengikut risiko kriteria. Jumlah markah keseluruhan risiko di dalam grid akan menentukan skor risiko di satu-satu grid. Lebih tinggi skor yang diperolehi maka lebih tinggi risiko pada grid tersebut.

Pada masa ini, kawasan Balai Ringin mendapat khidmat kebombaian dari BBP Serian dengan jarak sejauh 29 kilometer yang mengambil masa 23 minit untuk sampai. Bagi kawasan Tanjung Bijat dan Batu Lintang pula, balai bomba terdekat adalah BBP Sri Aman yang terletak sejauh 30 kilometer dan mengambil masa lebih kurang 25 minit untuk sampai. Berdasarkan kepada statistik panggilan kecemasan JBPM untuk tempoh dua (2) tahun iaitu 2021 sehingga 2022, didapati ketiga-tiga kawasan tersebut adalah berisiko rendah dengan tiada kes direkodkan bagi kawasan Tanjung Bijat, satu (1) kes di Batu Lintang dan tujuh (7) kes di Balai Ringin.

Justeru, Kementerian melalui JBPM berpandangan bahawa pemerkasaan *Community Based Disaster Management* (CBDM) dalam kalangan komuniti setempat merupakan inisiatif yang terbaik termasuklah program kesedaran berkaitan pengurusan bencana, pencegahan kebakaran dan penyelamatan terutamanya melibatkan kawasan-kawasan perkampungan serta penempatan yang berada di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam memastikan komuniti setempat menjadi sebahagian daripada pasukan bertindak kecemasan. Antara program CBDM yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 102

- i. meningkatkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Sehingga kini terdapat sebanyak 357 pasukan telah ditubuhkan di seluruh negara dengan keahlian seramai 12,118 orang;
- ii. memperkasakan penubuhan Bomba Komuniti yang kini terdapat sebanyak 2,922 pasukan dengan keahlian seramai 39,038 orang. Ahli-ahli Bomba Komuniti ini akan diberikan kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaian dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api; dan
- iii. melaksanakan dan mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api (1RAPI), Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI) dan lain-lain.

Di samping itu, JBPM menjadi pasukan teras dalam menubuh serta memperkasakan pasukan *Community Emergency Response Team (CERT)* di negeri Sarawak yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada penduduk rumah panjang dan pedalaman. JBPM memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan serta latihan bagi mengendalikan sebarang insiden kecemasan termasuklah kebakaran dan penyelamatan. Sehingga kini terdapat sebanyak 54 pasukan CERT telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 9,707 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, sekiranya terdapat keperluan untuk membina BBP, KPKT akan memberikan keutamaan kepada projek pembinaan bagi tapak tanah yang disediakan secara percuma atau dengan kadar nominal oleh kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

**YB DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta MENTERI
PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-**

- (a) apakah langkah proaktif Kementerian untuk menangani isu-isu keselamatan dan keselesaan yang dihadapi oleh penghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) termasuk fasiliti dan lif usang serta ruang parkir terhad seperti di Putrajaya; dan
- (b) usaha Kementerian untuk meningkatkan kekerapan penyelenggaraan terutamanya lif yang rosak di PPR dan PPAM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) terutamanya melibatkan aspek keselamatan dan keselesaan penduduk bagi memastikan persekitaran PPR berada dalam keadaan yang kondusif serta berdaya huni (*livable*) kepada kumpulan sasar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT telah melantik ejen pengurusan bagi PPR berstrata untuk menguruskan bangunan serta menjaga fasiliti sedia ada dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara harian dan berkala demi kesejahteraan penduduk. Bagi aspek pengurusan lif pula, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah melantik firma yang kompeten secara kontrak di PPR berstrata yang mana penjagaan lif secara harian akan dilaksanakan secara komprehensif demi memastikan lif tersebut berfungsi secara optimum dan dapat digunakan oleh penduduk di PPR tersebut.

Isu kekurangan ruang parkir ini bukanlah suatu isu yang baharu dan seringkali berlaku terutamanya di perumahan berstrata yang lain dan turut tidak terkecuali di PPR dan PPAM. Mengikut Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang bermula pada tahun 2019, bagi pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) termasuklah PPR dan PPAM berstrata, penyediaan ruang parkir kenderaan adalah bergantung kepada keluasan ruang lantai dan jumlah unit rumah seperti berikut:

- i. nisbah satu (1) ruang letak kenderaan bagi unit RMM dengan keluasan ruang lantai 1,000 kps dan ke bawah;
- ii. nisbah dua (2) petak ruang letak kenderaan bagi unit RMM dengan keluasan ruang lantai melebihi 1,000 kps;
- iii. tambahan 10% tempat letak kenderaan untuk pelawat; dan
- iv. tambahan satu (1) petak tempat letak kenderaan untuk motosikal untuk setiap dua (2) unit rumah.

Walau bagaimanapun, isu ruang letak kenderaan yang terhad ini timbul disebabkan oleh bilangan kenderaan bagi setiap unit rumah yang dilihat melebihi ruang yang telah disediakan. Oleh itu, Kerajaan sedang meneliti cadangan pembinaan parkir bertingkat di kawasan PPR berstrata. Meskipun begitu, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

b) Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, sehingga kini belum ada PPR yang dibina di Putrajaya dan terdapat 11 projek PPAM telah siap dibina di Putrajaya. Pengurusan PPAM dan perumahan kos rendah swasta di Putrajaya adalah masing-masing di bawah pentadbiran Unit Perumahan Penjawat Awam Malaysia dan Jabatan Wilayah Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri.

KPKT turut memainkan peranan dalam menangani isu penyelesaian yang dihadapi penghuni perumahan berstrata melalui program di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi permohonan penyelenggaraan perumahan berstrata swasta dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi perumahan berstrata awam di seluruh Malaysia kecuali Putrajaya. Bagi tujuan penyelenggaraan dan pengurusan PPR serta perumahan awam dan swasta berstrata, KPKT telah menyediakan peruntukan sebanyak RM140.4 juta bagi tahun 2023 iaitu sebanyak RM44.4 juta untuk TPPM, RM46 juta untuk PPP dan RM50 juta untuk penyelenggaraan lif di PPR seluruh negara. Kerajaan juga sentiasa memikirkan solusi yang terbaik demi penyelesaian dan kebajikan penduduk berstrata termasuklah isu penyelenggaraan lif di perumahan berstrata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan impak penurunan kos bahan binaan sebagai salah satu langkah pencegahan berlakunya projek perumahan yang lewat dan bermasalah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, meskipun wujud tanggapan bahawa kos bahan binaan khususnya pasca pandemik COVID-19 telah menyebabkan kelewatan projek, namun ia bukanlah satu-satunya faktor penyebab kepada projek lewat siap dan bermasalah. Namun, Kerajaan mengambil maklum berhubung isu kos bahan binaan ini dan telah meneliti pelbagai usaha untuk memastikan peningkatan kos bahan binaan tidak menjejaskan sesuatu projek perumahan sehingga ke peringkat terbengkalai. Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu kos bahan binaan ialah dengan:

- i. memohon Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) untuk memastikan tiada penguasaan kartel dalam industri pembinaan; dan
- ii. memperluaskan pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (*Variation of prices*, VOP) dalam Kontrak Kerja Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK2.22;

Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Skim Simen Rahmah di mana harga simen pada kadar berpatutan akan ditawarkan kepada pemaju Rumah Mampu Milik (RMM) yang membangunkan kategori rumah berharga RM300,000 ke bawah. Ini melibatkan pemajuan perumahan swasta yang diluluskan Permit Iklan dan Jualan (AP) di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bermula daripada 1 Mei 2023 sehingga 30 Jun 2024. Melalui program ini, rakyat akan memperoleh manfaat pengurangan harga rumah maksimum sehingga RM5,000 mengikut jenis dan harga rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri perumahan adalah bersifat dinamik di mana semua masalah projek perumahan tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa pendek. Mengambil kira pelbagai faktor yang turut mempengaruhi kelewatan projek, *Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan mana-mana projek yang dikategorikan sebagai projek lewat, sakit dan terbengkalai. Melalui *task force* ini, empat (4) elemen utama iaitu *Track*, *Resolve*, *Preventive* dan *Foward Modelling* akan diterjemahkan kepada bentuk tindakan pemantauan, pencegahan dan pemulihan supaya projek-projek perumahan swasta yang lewat dan sakit berjaya siap untuk diduduki atau kembali lancar mengikut kemajuan yang ditetapkan dan pencegahan kepada projek-projek sedia ada supaya tidak menjadi lewat dan sakit. Mesyuarat *task force* ini diadakan pada setiap bulan dan pemakluman status projek perumahan sakit dan terbengkalai kepada orang ramai dan pihak media dibuat secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap isu pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) berhubung air terutama penggunaan meter pukal, dan sejauh manakah pelaksanaan migrasi Meter Pukal kepada Meter Individu telah berjaya diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memberikan perhatian terhadap isu-isu yang berlaku di perumahan berstrata termasuklah isu yang melibatkan pengurusan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) berhubung air terutamanya bagi penggunaan meter pukal yang perlu dibuat migrasi kepada meter individu.

Pelaksanaan migrasi meter pukal kepada meter individu ini adalah diwajibkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2014 seperti yang terkandung dalam Warta Kerajaan Persekutuan "Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) 2014".

Menerusi program migrasi ini, penghuni di kediaman bertingkat boleh memohon penukaran dari meter pukal kepada meter individu dengan pihak JMB atau MC. Dalam hal ini, pihak JMB atau MC perlu menyerahkan permohonan kepada pihak syarikat air untuk proses migrasi tersebut. Migrasi meter pukal kepada meter individu membolehkan penghuni berpeluang untuk menikmati kadar tarif air yang lebih rendah dan juga adil dari segi kadar pembayarannya kerana ia adalah mengikut kegunaan masing-masing berbanding menggunakan meter pukal bagi perumahan bertingkat.

Justeru, KPKT melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sentiasa memberikan penekanan arahan kepada JMB atau MC terutamanya apabila notis migrasi telah dikeluarkan oleh SPAN. KPKT juga sentiasa bekerjasama dengan penghuni serta pengurusan bangunan dalam melaksanakan proses migrasi meter pukal kepada meter individu tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH JAWAB : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini Akta Sewaan Kediaman atau *Residential Tenancy Act* (RTA) bagi mengawal harga rumah selain bagi menghalang pemilik kediaman menaikkan harga sewa atau mengusir para penyewa dengan sewenang-wenangnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penggubalan Akta Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021 dan telah mendapat kelulusan prinsip untuk penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) RTA. Ketika ini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menambah baik RUU RTA dengan mengambil kira maklum balas dan pandangan yang diterima agar kepentingan semua pihak terpelihara dan diberikan perhatian sewajarnya. RUU RTA ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada

tahun 2024 setelah sesi libat urus selesai dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.

Akta ini digubal bukanlah untuk mengawal kadar sewa atau kenaikan sewaan. Ia adalah bagi melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman, yang ketika ini hanya dilindungi melalui Akta Kontrak 1950 yang bersifat umum dan tidak komprehensif. Walau bagaimanapun, cadangan RTA mempunyai peruntukan untuk menghalang kenaikan sewa dalam tempoh sesuatu perjanjian dan memberi peluang kepada penyewa untuk membuat keputusan sama ada untuk memperbaharui perjanjian sewaan dengan kadar sewa yang baharu atau tidak.

Di samping itu, RTA turut menyediakan peruntukan untuk memastikan pemilik kediaman tidak akan mengambil milik premis sewaan tanpa mengikut proses perundangan. Pemilik kediaman tiada hak untuk mengusir penyewa tanpa memberikan notis yang sewajarnya kepada penyewa untuk memberhentikan pengingkar atau membayar sewa yang tertunggak sebelum memohon perintah untuk mengambil milik premis sewaan. Walaupun hak mengusir telah diperuntukkan dalam perjanjian sewa yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak, namun pemilik kediaman tidak boleh mengambil milik premis sewenang-wenangnya tanpa perintah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan guru besar dan pengetua Kristian yang mencukupi dapat dilantik mengetuai sekolah-sekolah mubaligh supaya identiti dan ethos sekolah-sekolah tersebut dapat dipelihara seperti yang dipersetujui di antara pihak Kerajaan dan pihak gereja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan penempatan ke jawatan pengetua atau guru besar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan calon untuk mengikuti dan lulus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) di bawah kendalian Institut Aminuddin Baki. Program ini bertujuan menilai kompetensi calon dalam aspek kepimpinan, pengurusan dan kewangan.

KPM telah membuat unjuran keperluan pengetua dan guru besar mengikut jenis sekolah serta mengenal pasti pegawai yang berkelayakan bagi mengikuti Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) ke arah menyediakan kumpulan bakat (*talent pool*) yang mencukupi bagi pengisian jawatan Pengetua dan Guru Besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Mubaligh boleh mencadangkan calon pengetua dan guru besar yang bersesuaian serta telah memenuhi syarat-syarat penempatan yang berkuat kuasa untuk ditempatkan di sekolah-sekolah mubaligh selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2013: Pelantikan Pengetua Sekolah Mubaligh dan Guru Besar Sekolah Mubaligh bertarikh 31 Januari 2013.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada perkampungan Melayu bagi penyediaan kemudahan asas seperti jalan perhubungan desa, sistem perparitan, lampu jalan solar dan ameniti sosial dalam Parlimen Bukit Gantang seurus selepas Belanjawan 2023 diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM55 juta kos Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan RM30 juta kos Program Ameniti Sosial (PAMS) negeri Perak telah dipersetujui oleh Agensi Pusat. Bagi tahun 2023 ini, peruntukan sebanyak RM23.733 juta telah disediakan untuk JPD dan RM 12 juta bagi PAMS negeri Perak.

Oleh yang demikian, sekiranya masih terdapat keperluan mendesak maka pihak Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan untuk tindakan awal Kementerian ini. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya menepati skop projek JPD dan PAMS KKDW tertakluk kepada kos dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pelaksanaan lampu jalan solar, Kementerian dengan Kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sedang menjalankan kajian penggunaan lampu jalan solar bagi program Lampu Jalan Kampung (LJK). Kajian perlu dibuat bagi menilai ketahanan lampu tersebut serta implikasi kos pemasangan dan operasi sebelum pelaksanaan dibuat di bawah program ini.

Buat masa ini, Kementerian hanya melaksanakan program LJK dengan pemasangan lampu jenis *light emitting diode* (LED) dengan menggunakan tiang sedia ada milik Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Semenanjung Malaysia, Sarawak Energy Berhad (SEB) di Sarawak dan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) di Sabah. Penggunaan lampu ini mampu mengurangkan kos operasi apabila penggunaan lampu dengan kadar watt yang rendah boleh digunakan dengan kadar pencahayaan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
[SUNGAI BULOH]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian bagi mengatasi masalah perancangan dan kelulusan pembangunan perumahan yang tidak mengikut spesifikasi dan memudaratkan pembeli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan perumahan di Malaysia disediakan merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Perumahan yang telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi teknikal. Garis panduan ini menjadi panduan di dalam merancang dan mengawal semua jenis pembangunan perumahan. Garis Panduan ini akan diperincikan di negeri-negeri melalui Garis Panduan dan Piawaian Perancangan negeri masing-masing secara terperinci dan di kawal melalui Rancangan Pemajuan dan semasa proses permohonan Kebenaran Merancang (KM) di PBT.

SOALAN NO : 109

Garis panduan ini merangkumi konsep perumahan yang perlu diambil kira seperti kejiranan hijau dan kediaman selamat, kawalan pemajuan perumahan seperti pembinaan perumahan di kawasan bukit dan tanah tinggi serta peruntukan rumah kos rendah, kawalan perancangan tapak melibatkan pemeliharaan topografi, perancangan sistem jalan raya, serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan masyarakat.

Penyedia perumahan perlu mengambil kira keperluan ini dan PBT akan menetapkan keperluan ini sebagai syarat yang perlu dipatuhi dan disediakan sebagai syarat kelulusan KM. Sebarang ketidakpatuhan, akan memberikan kesan kepada pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) oleh PBT. Pemantauan agensi teknikal berkaitan kepada sebarang pematuhan syarat seperti KM atau plan bangunan telah ditetapkan melalui mekanisme pemeriksaan agensi teknikal di peringkat pengeluaran CCC.

Justeru, perunding atau *Principle Submitting Person* (PSP) perlu merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Perumahan yang telah disediakan semasa mengemukakan permohonan kepada PBT. Garis Panduan Perancangan Perumahan ini juga boleh dijadikan garis panduan semasa memproses suatu cadangan pembangunan perumahan oleh PBT bagi mengelak berlakunya kelulusan perumahan yang tidak mengikut spesifikasi dan memudaratkan pembeli.

Sekiranya pembeli rumah mendapati bahawa spesifikasi rumah yang dibeli tidak sama dengan spesifikasi yang dinyatakan di dalam Jadual Perjanjian Jual Beli, pembeli rumah tersebut boleh memfailkan tuntutan kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS). KPKT sedang melaksanakan pindaan ke atas Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dengan mencadangkan peraturan baharu berkaitan "Rumah Contoh" di mana pemaju yang gagal menyediakan spesifikasi rumah sepertimana yang dijanjikan, boleh diambil tindakan di bawah TPPS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasional penamatan Skim Rumah Pertamaku (SRP) yang telah diperkenalkan semenjak 2011, dan digantikan dengan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) mulai 1 April 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk membantu peminjam dalam mencapai impian pemilikan rumah. Sebagai contoh, Kerajaan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad mulai tahun 2008 telah menyediakan jaminan pembiayaan perumahan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) kepada golongan berpendapatan rendah dan berpendapatan tidak tetap. Program Skim Rumah Pertamaku (SRP) pula telah diumumkan dalam Belanjawan 2011 bagi membantu golongan muda untuk memiliki rumah pertama.

SOALAN NO : 110

Kementerian Kewangan telah memutuskan tarikh tutup permohonan bagi Skim Rumah Pertamaku (SRP) pada 31 Mac 2023. Institusi Kewangan terlibat dan Cagamas diberikan tempoh selama 3 (tiga) bulan selepas tarikh permohonan SRP tamat untuk memproses dan memberikan kelulusan pinjaman/ jaminan kredit kepada pemohon yang layak.

Walaupun program SRP ini tidak lagi diteruskan, Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan pembiayaan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Belanjawan Madani 2023. SJKP merupakan salah satu produk pembiayaan yang disenaraikan di bawah Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya). I-Biaya telah dilancarkan oleh KPKT dengan kerjasama Kementerian Kewangan pada tahun 2022. SJKP menawarkan pembiayaan perumahan tanpa perlu membayar wang pendahuluan kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan gig ekonomi. Sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 16,808 peminjam telah menerima manfaat dengan nilai pinjaman 2.32 bilion daripada pelaksanaan SJKP ini.

Di bawah Belanjawan Madani 2023, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan jaminan pembiayaan melalui SJKP sehingga RM5 bilion nilai pinjaman yang akan memberikan manfaat kepada 20 ribu peminjam memerlukan. Bakal pembeli rumah masih boleh mendapatkan pembiayaan SJKP melalui institusi kewangan yang mengambil bahagian. Pada masa yang sama KPKT juga giat menjalankan sesi libat urus bersama institusi kewangan bagi mengenal pasti produk-produk pembiayaan yang dapat membantu rakyat bagi memiliki rumah pertama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan larangan merokok di kedai makan berikutan terdapat banyak aduan di media sosial tentang pelanggan yang merokok di kedai makan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum dan memandang serius berkaitan isu aduan kesalahan merokok di tempat larangan terutama di premis makan yang semakin menjadi-jadi kebelakangan ini dan menjadi tular di media-media sosial.

2. Antara langkah yang dijalankan oleh KKM adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan larangan merokok dijalankan secara berkala di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 di semua negeri di seluruh negara oleh penguatkuasa daripada KKM yang terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP). Secara keseluruhan, sebanyak **12,773** bilangan operasi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022, manakala bagi tahun 2023 sehingga April, bilangan operasi adalah sebanyak **5,028**. Sebanyak **30,648** notis kesalahan dengan nilai RM7.6 juta telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 bagi kesalahan merokok di tempat makan, manakala bagi tahun 2023 sehingga April, sebanyak **14,872** notis kesalahan dengan nilai RM 3.7 juta telah dikeluarkan;
- (ii) Menjalankan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sebanyak tiga (3) operasi bersepadu telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang bulan Mei 2023 di WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Selangor serta akan diteruskan di negeri-negeri lain;
- (iii) Mengadakan aktiviti-aktiviti promosi dan advokasi untuk memastikan pematuhan kepada larangan merokok melalui aktiviti-

SOALAN NO: 111

aktiviti di lapangan bersama sukarelawan Rakan Nasihat Komuniti daripada Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM);

- (iv) Mengadakan pertemuan dengan wakil daripada persatuan-persatuan peniaga untuk berbincang dan mendapatkan kerjasama mereka bagi memastikan tempat makan bebas daripada amalan merokok;
- (v) Mewujudkan talian khas Hotline Aduan Merokok melalui aplikasi Whatsapp 010-860 8949 bagi memudahkan pelaporan daripada orang awam. Talian aduan ini masih aktif menerima aduan daripada orang ramai dan aduan-aduan mereka telah dianalisa dan disalurkan ke Jabatan Kesihatan Negeri untuk tindakan selanjutnya; dan
- (vi) Menjalankan aktiviti advokasi bagi meningkatkan pematuhan orang ramai melalui hebahan berterusan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan menerusi pelbagai platform media KKM seperti *Twitter, Facebook, Instagram* dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) statistik Guru Pendidikan Khas mengikut bidang dari tahun 2018 hingga 2023 di seluruh negara; dan
- (b) apakah perancangan KPM untuk menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Khas di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 15,218 orang guru pendidikan khas yang mengajar dalam bidang masalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran di seluruh negara pada tahun 2018. Jumlah ini meningkat kepada 15,704 orang pada tahun 2019. Peningkatan jumlah guru pendidikan khas terus berlaku pada tahun 2020, 2021 dan 2022 dengan bilangan guru adalah seramai 16,074, 16,392 dan 17,222 masing-masing. Sehingga April 2023, jumlah guru pendidikan khas adalah seramai 18,491 orang.

KPM melaksanakan kursus pemantapan profesionalisme secara berterusan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran guru dalam bidang pendidikan khas serta menambah baik mutu pengajaran mereka. Antara kursus dan latihan yang dilaksanakan adalah Latihan Pengurusan Tingkah Laku, Latihan Pengurusan Diri, Latihan Aktiviti Terapeutik, Latihan Teknik Pengajaran Literasi dan Numerasi Mengikut Kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Latihan Kod Tangan/ Bahasa Isyarat, Latihan Asas Pendidikan Khas dan Latihan Teknik Pengajaran Bagi Murid Disleksia.

Latihan turut diberikan kepada guru pendidikan khas berkaitan penggunaan peralatan, perisian dan alat bantu teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan pendidikan khas. Latihan disampaikan kepada guru berdasarkan jenis peralatan, perisian dan alat bantu teknologi yang telah dibekalkan ke sekolah.

KPM terus komited untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran kesemua guru termasuk guru pendidikan khas sentiasa diperkasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL
RASHID [BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Jururawat Terlatih/ Penolong Pegawai Perubatan dan keperluan penjawatan ini di Hospital Pulau Pinang bagi melancarkan perkhidmatan kesihatan sedia ada. Pada masa yang sama, adakah Kerajaan berhasrat untuk menaiktaraf Klinik-Klinik kesihatan dengan kelengkapan yang lebih sempurna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Mac 2023, jumlah Jururawat yang ditempatkan di Hospital Pulau Pinang adalah seramai 1,694 orang iaitu 1,683 lantikan tetap dan 11 orang lagi lantikan kontrak. Jumlah Penolong Pegawai Perubatan pula adalah seramai 318 orang iaitu 283 lantikan tetap dan 35 lagi lantikan kontrak. Jumlah Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan sentiasa dipantau bagi memastikan kesediaan sumber manusia yang mencukupi.

2. Kementerian Kesihatan juga telah mengemukakan permohonan tambahan perjawatan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan bagi fasiliti baharu/naik taraf dan sedia ada untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan. Agihan perjawatan akan dibuat berdasarkan keperluan fungsi di fasiliti kesihatan dan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

3. Dalam konteks menambah baik dan naik taraf fasiliti di Kementerian Kesihatan, pada tahun ini, peruntukan khas sebanyak RM100 juta disediakan. Bagi negeri Pulau Pinang, peruntukan sebanyak RM3.55 juta telah diagihkan bagi menambah baik dan naik taraf di 14 buah klinik kesihatan. Kesemua kerja-kerja pembaikan dan naik taraf ini akan disiapkan sepenuhnya pada tahun ini. Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memastikan fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan berada dalam keadaan selesa dan optimum dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian inti pati Malaysia Madani berhubung aspek *Equitable Outcomes* (Kesaksamaan Hasil) dan *Equitable Opportunity* (Kesaksamaan Peluang) terutama dalam mengurangkan jurang pendidikan berdasarkan kumpulan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan kebangsaan dapat memenuhi aspirasi negara Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berpaksikan kepada usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu menjadi teraju utama dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Keseimbangan insan yang dihasratkan adalah berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Sehubungan dengan itu, KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) telah menggariskan 5 Aspirasi Sistem yang merangkumi Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Tujuan utama transformasi pendidikan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak yang berumur persekolahan tanpa mengira lokasi, status ekonomi dan jantina mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi melahirkan warga Malaysia yang mempunyai nilai, keterampilan dan kesejahteraan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Hasrat dan matlamat PPPM serta FPK ini adalah seiring dengan konsep Malaysia Madani yang berteraskan kepada enam tonggak dasar iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Pada masa yang sama, KPM juga telah membangunkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM bagi memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

Dalam memastikan kesaksamaan keberhasilan dan kesaksamaan peluang pendidikan, KPM telah melaksanakan beberapa inisiatif dan pendekatan supaya semua murid tidak ketinggalan dalam pendidikan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi memastikan jurang pendidikan dapat dikecilkan secara menyeluruh ialah seperti berikut:

- i. Peningkatan akses daripada peringkat prasekolah dan menengah atas diberikan keutamaan supaya semua murid umur persekolahan mendapat pendidikan. Pendidikan Wajib telah dikuatkuasakan pada peringkat rendah.
- ii. Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi yang bertujuan supaya murid Orang Asli dan Peribumi tidak tercicir dalam pendidikan. Pada masa ini, Sekolah K9 telah diperluaskan di sepuluh buah sekolah manakala sekolah K11 telah mula dirintis di dua buah sekolah bagi memastikan murid Orang Asli dan Peribumi kekal dalam sistem pendidikan sehingga peringkat menengah atas.
- iii. Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PlaN) yang mana program ini merupakan program intervensi berfokus kepada murid-murid Tahap 1 yang masih belum menguasai literasi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta Numerasi.
- iv. Program Transformasi Daerah yang mana program ini bertujuan untuk mengupayakan JPN dan PPD dalam melaksanakan bimbingan dan intervensi berfokus kepada sekolah yang memerlukan bagi meningkatkan prestasi sekolah.
- v. Pengukuhan Profesional Pegawai Perkhidmatan Pendidikan khususnya untuk guru dan pensyarah dengan menyediakan Pembangunan Profesional Berterusan yang lebih berstruktur berdasarkan kepada gred jawatan dan laluan kerjaya. Tujuan utama supaya kualiti profesionalisme guru terus dimantapkan bagi menghasilkan aspirasi murid yang dihasratkan.
- vi. Pemberian peranti digital dan penyambungan jalur lebar internet di kawasan luar bandar dan pedalaman supaya semua murid mendapat akses kepada internet semasa pengajaran dan pembelajaran.
- vii. Pemberian bantuan kewangan, Rancangan Makanan Tambahan kepada murid-murid dalam golongan B40 bermula daripada peringkat prasekolah bagi mengurangkan risiko cicir, tidak hadir ke sekolah.
- viii. Pengukuhan perpaduan dan pembangunan sahsiah serta nilai murid juga diberi keutamaan supaya murid-murid dapat

- mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian,
- ix. Pemerkasaan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) memperkenalkan Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang mana MBPK ini berpeluang untuk belajar dalam kelas arus perdana supaya mereka dapat berinteraksi dengan semua murid. PPI ini telah memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada MPBK.
 - x. Pengukuhan Pendidikan TVET supaya murid-murid yang berminat dan cenderung dalam bidang ini akan meneruskan pengajian di Kolej Vokasional apabila berumur 15 tahun serta mendapat Diploma Vokasional Malaysia selepas tamat pengajian selama 2 tahun.
 - xi. Penyediaan infrastruktur pembelajaran yang kondusif dengan menaik taraf bangunan berstatus daif di sekolah-sekolah yang dikenalpasti serta menggiatkan usaha untuk memastikan semua sekolah mempunyai infrastruktur asas yang berfungsi termasuk infrastruktur untuk MBPK.

KPM sentiasa komited dalam memastikan kesaksamaan ekuiti dan akses kepada pendidikan berkualiti kepada semua murid seperti yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah jangkaan Kementerian dapat mengembalikan takwim sesi persekolahan bermula pada awal bulan Januari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggalaan, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 yang menetapkan bahawa jumlah hari persekolahan dalam kalendar akademik hendaklah tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat ketetapan untuk membuat perubahan kepada kalendar akademik sesi 2021/2022 akibat penularan COVID-19. Berdasarkan perubahan tersebut, maka sesi persekolahan bagi kalendar akademik sesi 2023/2024 diteruskan bermula pada bulan Mac 2023.

Perubahan kepada kalendar akademik sesi persekolahan membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kesediaan murid untuk mengikuti tahun persekolahan berikutnya.

Di samping itu, perubahan semula kalendar akademik persekolahan perlu mengambil kira faktor ekonomi setempat dan banjir pada hujung tahun, selain tidak mengganggu jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah meneliti cadangan untuk mengembalikan semula kalendar akademik persekolahan bermula pada Januari seperti sebelum ini. Saya telah memberikan jaminan sebelum ini di dalam dewan ini bahawa KPM komited untuk mengembalikan sesi persekolahan kepada Januari. KPM akan melihat kepada keperluan dan kesesuaian penyediaan kalendar akademik untuk tahun seterusnya bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara optimum khususnya tempoh pembelajaran sebanyak 32 hingga 36 minggu

SOALAN NO : 115

yang diperlukan bagi menyelesaikan keseluruhan kurikulum persekolahan setahun. KPM juga telah melakukan penajaran kepada jadual peperiksaan awam agar ia selari dengan perubahan kalendar akademik persekolahan.

Untuk itu Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan KPM telah memulakan usaha dengan merancang untuk mengawalkan kalendar akademik persekolahan sesi 2024/2025 bermula pada bulan Februari 2025. Kalendar persekolahan dirancang dapat bermula pada bulan Januari ialah pada tahun 2026.

Tuan Yang Di-Pertua, KPM berharap dengan pengumuman ini, aspek kewangan dan ekonomi dapat dirancang mulai sekarang oleh semua pihak yang terlibat. Secara tidak langsung, perancangan cuti keluarga, kenduri kendara, cuti-cuti cikgu sebagaimana yang telah pun kami umumkan dalam 10 prakarsa sempena hari guru dapat diatur berdasarkan kalendar akademik persekolahan yang akan diwartakan. Dengan pengumuman ini, KPM memastikan kesejahteraan semua pihak diberi keutamaan bagi mencapai hasrat Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kerjasama pembinaan jaringan pengangkutan di Pulau Pinang termasuklah kos perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM10 bilion sekiranya projek tambakan laut bagi pembangunan tiga pulau buatan di Pulau Pinang diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini mengambil maklum dan menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 Mei 2023 berhubung pelaksanaan projek pembangunan Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai LRT Bayan Lepas. Susulan itu, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk memperhalusi mekanisme pembiayaan dan pelaksanaan projek yang dijangka bernilai lebih kurang RM10 bilion, di samping meneliti semula aspek teknikal projek berkenaan.

2. Di samping itu, perbincangan lanjut turut akan diadakan bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua agensi yang terlibat untuk memastikan Skim Kereta Api yang dikemukakan kepada agensi pengawalselia memenuhi semua syarat selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE
[TEBRAU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi varian Arctrus COVID-19 yang baharu ini daripada merebak secara drastik dan menjelaskan sejauh mana bahaya varian ini dan statistik/angka jangkitan yang telah berlaku di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani varian Arctus COVID-19 yang baharu ini daripada merebak secara drastik adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian;
- (ii) Mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan melalui pendekatan FTTIS (*Find, Test, Trace, Isolate and Support*) yang diautomasikan;
- (iii) Memastikan semua klinik kesihatan dan hospital bersedia menerima kedatangan yang tinggi bagi membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19;
- (iv) Pemberian ubat antiviral Paxlovid® kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di Klinik Kesihatan, hospital kerajaan, dan fasiliti kesihatan swasta yang dikenal pasti, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit;
- (v) Melaksanakan aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel influenza-like illness (ILI) dan severe acute respiratory infection (SARI) serta persampelan air kumbahan dari lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara. Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom (*Whole Genome Sequencing, WGS*) bagi mengesan varian baharu COVID-19;
- (vi) Menggerakkan pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) di peringkat negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan emosi kepada individu serta anggota keluarga serta petugas

kesihatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19;

- (vii) Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik. Ia berperanan membantu KKM dalam advokasi aktiviti kesihatan di peringkat komuniti; dan
- (viii) Mengingatkan orang ramai untuk terus mengamalkan TRIIS (*TEST, REPORT, INFORM, ISOLATE & SEEK*) bagi yang bergejala, sekiranya positif COVID-19, lakukan pengasingan sendiri dengan segera untuk tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sejak 22 Mac 2023 sehingga 13 Mei 2023, sebanyak 25 kes XBB.1.16 atau Arcturus telah dilaporkan ke *Crisis, Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan, KKM. XBB.1.16 adalah *sublineage* XBB yang terbentuk hasil rekombinan *sublineage* BA.2.10.1 dan BA.2.75, iaitu *sublineage* ini masih tergolong dalam famili varian Omicron.

3. Penilaian risiko peringkat global melaporkan risiko jangkitan dan keterukan kes yang disebabkan oleh XBB.1.16 adalah lebih rendah berbanding *sublineage* lain yang telah dilaporkan sebelum ini. Sedikit peningkatan yang dilaporkan adalah disebabkan oleh kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi dan kerintangan imun dalam kalangan komuniti yang berkurangan.

4. Walaupun Malaysia telah mengenal pasti *sublineage* XBB.1.16 sejak bulan Mac 2023, keadaan jangkitan COVID-19 masih lagi terkawal dan tidak membebankan kapasiti kesihatan di klinik dan hospital. Perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan dan hospital masih beroperasi seperti biasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah agama bantuan Kerajaan sepanjang 3 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan termasuk sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan bantuan kewangan bagi penyelenggaraan kepada sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dari tahun 2020 hingga 2022 adalah berjumlah RM76.38 juta.

Sumbangan bantuan kewangan tersebut disalurkan kepada SABK berdasarkan permohonan penyelenggaraan yang telah dikemukakan oleh pihak sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW (BATU KAWAN)

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permohonan projek menaik taraf jalan tunggal dua lorong kepada jalan berkembar empat lorong dari Permatang Tinggi ke Sungai Juru, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang. Projek penting bagi mengurai masalah kesesakan lalu lintas berkaitan telah dimohon sejak Rancangan Malaysia Ke-11 dan sehingga kini masih tiada sebarang kelulusan diberikan. Apakah alternatif serta perancangan yang bakal diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan adalah cadangan Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Permatang Tinggi hingga ke Sungai Juru, Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Permohonan cadangan projek ini telah diangkat oleh Kementerian ini pada Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk kelulusan Agensi Pusat. namun cadangan projek tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Agensi Pusat.

Kementerian ini telah mengangkat semula permohonan projek tersebut bagi skop kerja awalan dan rekabentuk pada RP4, RMKe-12. Walau bagaimanapun kelulusan bagi cadangan projek tersebut tertakluk kepada pertimbangan Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH
[SIPITANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan meminta KKM untuk mempercepat pembinaan klinik-klinik kesihatan yang telah dirobohkan kerana terlibat di dalam pembinaan Pan Borneo Highway (PBH).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) tapak fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terlibat dengan pembinaan Pan Borneo Highway. Fasiliti kesihatan tersebut adalah:

- i. Klinik Desa Bukau, Beaufort, Sabah yang operasinya telah dipindahkan sementara ke Balai Raya Kg Lumadan, Beaufort; dan
- ii. Klinik Desa Pantai, Sipitang, Sabah. Perkhidmatan klinik ini telah dipindahkan ke sebuah bangunan milik persendirian melalui kaedah sewaan.

2. KKM sedang dalam proses mengenal pasti tapak baharu yang bersesuaian untuk pembinaan bangunan baharu bagi menggantikan kedua-dua fasiliti yang terlibat memastikan kedua-dua fasiliti berkenaan dapat beroperasi dengan sempurna. Permohonan projek baharu akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi selepas tapak baharu bagi kedua-dua klinik ini dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN:

YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek Pembangunan Perumahan Rakyat (PPR) di daerah Mersing, Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 12 buah projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina di negeri Johor merangkumi 11,195 unit rumah. Tujuh (7) buah PPR masih dalam peringkat pembinaan dengan jumlah unit sebanyak 3,230 manakala 2 buah lagi masih dalam peringkat perancangan dengan jumlah unit sebanyak 1,000 unit.

Di bawah Belanjawan 2023 – Membangun Malaysia MADANI, Kerajaan telah mengumumkan cadangan pembangunan PPR baharu di setiap negeri yang bakal memanfaatkan 12,400 penghuni. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memberi keutamaan projek PPR kepada kerajaan negeri yang menyediakan tapak tanah secara percuma atau dengan kadar premium nominal. Melalui program ini, KPKT telah menerima tiga (3) cadangan tapak PPR daripada Kerajaan Negeri Johor dan telah mengadakan lawatan tapak untuk tujuan penilaian sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan Klinik Kesihatan Serian dijangka beroperasi dan nyatakan apakah jenis-jenis perkhidmatan yang bakal disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian telah diluluskan pada tahun 2015 di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Fasa 1 projek ini yang melibatkan skop kerja-kerja tanah dan penyediaan tapak telah dimulakan pada bulan November 2016 dan telah siap pada 20 Julai 2017.

2. Seterusnya fasa kedua projek ini iaitu skop kerja-kerja binaan telah dimulakan pada 10 Jun 2020 dan dijadualkan siap pada 1 April 2022. Walau bagaimanapun, atas faktor-faktor di luar jangka seperti penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dan cuaca tidak mengizinkan, projek ini telah mengalami kelewatan. Sehingga 30 April 2023, kemajuan kerja yang dicapai oleh kontraktor projek ini adalah sebanyak 69.51% berbanding jadual 80%. Projek ini dijangka siap pada bulan Disember 2023. Bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut tarikh yang terkini, KKM telah pun menyenaraikan projek ini dalam senarai pemantauan di bawah mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan KKM (JTPK) yang bermesyuarat secara bulanan agar sebarang isu berbangkit dapat dibincangkan segera dan diselesaikan. Sebagai langkah proaktif, KKM juga akan mengadakan lawatan berkala ke tapak projek dan mengadakan sesi libat urus yang lebih kerap bersama pihak JKR Sarawak selaku agensi pelaksana bagi projek ini.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian ini akan menawarkan perkhidmatan klinik pesakit luar, klinik Ibu dan anak, rawatan pergigian, kecemasan, rehabilitasi, pengimejan (*Computed Radiography*) dan perkhidmatan farmasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WETROM BIN BAHANDA (KOTA
MARUDU)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah pihak kementerian mempunyai cadangan membina laluan alternatif bagi kawasan pekan Kota Marudu kerana jalan raya yang terlalu sesak sehingga masyarakat terpaksa mengambil masa yang lama di atas jalan untuk masuk ke kawasan pekan. Kesusakan ini semakin teruk di musim perayaan seperti aidilfitri dan sambutan perayaan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang dibuat oleh kementerian ini dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, didapati jalan – jalan di kawasan pekan Kota Marudu yang dimaksudkan adalah berstatus Jalan Negeri. Oleh yang demikian, bidang kuasa bagi pelaksanaan projek tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
(SANDAKAN)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan Lebuhraya Libaran Bypass yang bermula dari Batu 16 ke Batu 32, Sandakan, yang mana sudah terbengkalai untuk beberapa tahun selepas hanya satu per empat daripada projek itu telah disiapkan pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jalan Libaran *Bypass*, Sandakan ini telah diluluskan pelaksanaannya semasa Rolling Plan ke 3, Rancangan Malaysia ke-10 (RP3 RMKe-10) yang lalu. Pelaksanaan projek ini merupakan sebahagian daripada perancangan kajian *Highway Network Development Plan* (HNDP) dan tersenarai sebagai laluan yang perlu dinaiktaraf di Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) 2011-2015.

Pembinaan Jalan Libaran *Bypass* dilaksanakan sebagai jalan alternatif ke bandar Sandakan disebabkan jalan sedia ada iaitu Jalan Labuk tidak mampu untuk menampung kesesakan lalulintas khususnya pada waktu puncak. Jalan Labuk merupakan jalan tunggal yang menghubungkan bandar Sandakan dengan daerah-daerah lain di Bahagian Sandakan.

Projek ini telah dimulakan dengan pembinaan Fasa 4, yang melibatkan pembinaan jalan baharu dua lorong dua hala termasuk pembinaan jambatan di Sungai Gum-gum. Skop pembinaan jalan telah siap sepenuhnya. Namun, projek ini telah mengalami masalah keruntuhan tebing penyangga jambatan (*Abutment*) bagi jambatan yang sedang dibina. Sesi siasatan dan pemeriksaan oleh Unit Forensik (Jambatan), Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca kejadian runtuh tersebut. Pasukan *Task Force* yang terdiri daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Kementerian Kerja Raya juga telah ditubuhkan bagi menentukan hala tuju pembinaan jambatan tersebut beserta tindakan yang sewajarnya diambil terhadap pihak yang terlibat.

Pada masa yang sama, Kementerian Kerja Raya juga telah memohon peruntukan tambahan daripada pihak Agensi Pusat bagi membina semula jambatan yang runtuh termasuk kerja – kerja yang berkaitan bagi menyiapkan skop di bawah Fasa 4 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengangkat cadangan projek **Membina Jalan Libaran Bypass Fasa 1 Hingga Fasa 3, Sandakan, Sabah** pada *Rolling Plan 3 (RP3)*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk pertimbangan Agensi Pusat, namun cadangan projek tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Agensi Pusat.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon semula oleh Kerajaan Negeri dalam *Rolling Plan* yang akan datang dan akan diangkat untuk pertimbangan Agensi Pusat sekiranya memenuhi aspek teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada keutamaan projek serta ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci keberkesanan projek perintis STAR yang melibatkan HTAR dan Klinik Kesihatan Bandar Botanik Klang dari segi perbandingan jumlah bilangan ketibaan pesakit luar merentas kod triage dan Zon Merah/Kuning/Hijau bagi tempoh Feb 2023 ke April 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 telah mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Penubuhan STAR ini bertujuan membolehkan daya perkhidmatan awam yang terbaik untuk rakyat.

2. Salah satu inisiatif yang dikenal pasti oleh pasukan STAR adalah inisiatif mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendekatan yang dicadangkan adalah menerusi penyuraian pesakit bergejala ringan dan bukan kes kecemasan ke klinik kesihatan berdekatan yang dilanjutkan waktu operasi (*extended hours*).

3. Sehubungan itu, bermula 25 Mac 2023, satu projek rintis bagi inisiatif ini telah dilaksanakan bagi tempoh tiga (3) bulan melibatkan kluster hospital dan klinik kesihatan iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Klinik Kesihatan Bandar Botanik.

4. Data-data bagi inisiatif ini dipantau secara harian bagi pesakit yang hadir ke zon hijau (zon kecemasan bukan kritikal) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

5. Untuk makluman tambahan, jumlah kehadiran pesakit ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah mengikut kod triage dan zon merah, kuning dan hijau bagi tempoh Feb 2023 ke April 2023 adalah:

- (i) 721 kes zon merah, 4959 kes zon kuning dan 3897 kes zon hijau bagi bulan Februari 20,
- (ii) 907 kes zon merah, 5752 kes zon kuning dan 3328 kes zon hijau bagi bulan Mac 2023; dan
- (iii) 769 kes zon merah, 6519 kes zon kuning dan 1779 kes zon

hijau bagi bulan April 2023.

6. Hasilnya projek rintis STAR ini telah menunjukkan keberkesanan dengan penurunan sebanyak 32% kehadiran pesakit ke zon hijau (zon kecemasan bukan kritikal) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.
7. Manakala kadar penyuraian pesakit bergejala ringan dan bukan kes kecemasan dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang ke Klinik Kesihatan Bandar Botanik adalah seramai 219 pesakit bagi 25 hingga 31 Mac 2023 dan 543 pesakit bagi April 2023.
8. Hingga kini, projek rintis STAR ini masih diteruskan dengan mengumpul data-data yang berkaitan dan relevan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Klinik Kesihatan Bandar Botanik. Projek rintis ini akan diperluaskan ke beberapa hospital KKM lain bagi memastikan isu kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dapat diatasi serta melancarkan perkhidmatan kesihatan kepada seluruh rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat meneruskan cadangan Kerajaan terdahulu untuk membina litar khusus perlumbaan drag di setiap negeri bagi memperkasakan program pembangunan sukan permotoran dalam negara di samping menyediakan platform terbaik dan selamat bagi aktiviti ini dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada masa ini tidak bercadang untuk membina litar perlumbaan drag di setiap negeri berikutan kerajaan perlu menanggung kos penyelenggaraan yang sangat tinggi selain dari memerlukan pemantauan oleh tenaga pakar yang bertauliah. Pada masa ini KBS

SOALAN NO : 127

sedang menumpukan kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih kemudahan sukan sedia ada di bawah Kementerian.

Sekiranya terdapat keperluan untuk membina litar khusus perlumbaan drag, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian ini untuk pertimbangan selanjutnya. Namun begitu, KBS hanya akan mempertimbangkan sebarang permohonan kemudahan sukan baharu jika ia menepati syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu memastikan tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Selain itu, cadangan tapak/tanah adalah bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu tapak/tanah projek seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan baharu.

Kementerian ini sentiasa memberikan perhatian kepada pembangunan sukan permotoran di peringkat akar umbi dan pada tahun ini, KBS akan menganjurkan program MalaysiaActive@Motorsports yang akan diadakan di seluruh negara. Program ini berbentuk perlumbaan, bengkel sukan permotoran dan Kelas Latihan Asas Sukan (KLASS) sukan permotoran meliputi disiplin sukan drag, go-kart, drift, rally, motorcross, MiniGP, Cub Prix dan Pacuan Empat Roda.

Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat baharu dalam sukan permotoran. Sebanyak 70 siri program akan diadakan dengan sasaran lima ribu penyertaan melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 juta. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor Malaysia, Persatuan Sukan Bermotor Negeri dan kelab-kelab sukan permotoran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN
JOHARI [SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan kanak-kanak bukan warganegara, termasuk anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu-ibu warga Malaysia, menyertai Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) serta program-program perkhidmatan kesihatan kanak-kanak lain di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui perkhidmatan kesihatan primer di seluruh negara menyediakan semua perkhidmatan kepada semua kanak-kanak termasuklah kepada kanak-kanak bukan warganegara. Ini termasuklah pemberian suntikan imunisasi untuk mencegah penyakit cegahan vaksin.

2. Berdasarkan caj perkhidmatan bagi imunisasi di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014, kanak-kanak bukan warganegara Malaysia dikenakan kadar caj RM40 bagi pendaftaran perkhidmatan imunisasi dan RM40 bagi suntikan vaksin.

3. Walau bagaimanapun, kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah warganegara atau pemastautin tetap akan dikenakan caj RM1.00 untuk pendaftaran dan RM5.00 untuk suntikan imunisasi sekiranya mendapatkan perkhidmatan imunisasi di fasiliti KKM.

4. KKM kini dalam proses pertimbangan untuk pemberian perkhidmatan imunisasi kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tiada sijil kelahiran Malaysia pada kadar yang sama seperti yang diberikan kepada kanak-kanak warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, kelulusan ini adalah secara *case-by-case basis* di mana kuasa diberikan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meremitkan sebahagian atau keseluruhan daripada mana-mana fi selaras dengan Seksyen 15, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

5. Terdapat pengecualian yang diberikan kepada kanak-kanak bukan warganegara seperti berikut:

- (i) Sejak 6 Januari 2022, pengecualian caj perkhidmatan imunisasi bagi vaksin polio diberikan kepada semua kanak-

SOALAN NO. 128

kanak bukan warganegara berumur 7 tahun ke bawah, sebagai langkah pencegahan wabak polio dari berulang. Memandangkan vaksin polio di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan adalah dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai (difteria-tetanus-pertussis-polio-Hepatitis B-Haemophilus influenzae type b), maka kanak-kanak yang menerima suntikan vaksin polio turut menerima imunisasi terhadap difteria, tetanus, pertussis, Hepatitis B dan Haemophilus influenzae type b di samping imunisasi terhadap polio. Kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tetapi ibu atau bapanya adalah warganegara Malaysia turut layak mendapat pengecualian caj perkhidmatan imunisasi bagi vaksin polio ini; dan

- (ii) *Supplementary Immunisation Activities*, SIA dijalankan sebagai tindakan kawalan dan pencegahan penularan penyakit cegahan vaksin dan menghentikan penularan jangkitan apabila berlaku wabak. Imunisasi tambahan ini diberikan secara percuma kepada golongan sasaran lazimnya kanak-kanak tanpa mengira kewarganegaraan setelah mendapat kelulusan pengecualian caj. Ianya juga adalah sebagai usaha mencegah wabak penyakit cegahan vaksin yang secara tidak langsung boleh membawa kepada peningkatan risiko jangkitan kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA
BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
(BENTONG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN (BENTONG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik perkahwinan bawah umur di dalam negara bermula dari tahun 2020 dan pecahan mengikut kaum dan agama serta apakah perancangan Kementerian untuk membendung perkahwinan bawah umur ini dari terus berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan kepada statistik yang direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sejumlah 1,354 individu di bawah umur 18 tahun telah berkahwin pada tahun 2020, membabitkan 1,233 orang Bumiputera, 63 orang bangsa Cina, 12 orang bangsa India dan 46 orang lain-lain kaum. Daripada jumlah itu, 1,042 individu adalah beragama Islam dan 312 individu adalah bukan Islam.

2. Manakala pada tahun 2021, sejumlah 1,086 individu di bawah umur 18 tahun telah direkodkan berkahwin, membabitkan 1,001 orang Bumiputera, 36 orang bangsa Cina, 4 orang bangsa India dan 45 lain-lain kaum. Daripada jumlah itu, 962 individu adalah beragama Islam dan 124 individu adalah bukan Islam.

3. Statistik ini menunjukkan trend penurunan bagi bilangan perkahwinan di bawah umur 18 tahun di Malaysia.

4. Di pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), pelaksanaan program dan tindakan giat diadakan berpandukan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur telah dibangunkan. Pelan ini terdiri daripada 7 objektif, 17 strategi dan juga 58 program dengan penglibatan daripada pelbagai agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan antarabangsa sebagai agensi peneraju dan pelaksana. Pelan ini dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun iaitu daripada tahun 2020 sehingga 2025.

5. Melalui Pelan ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan yang menyeluruh yang bukan sahaja merangkumi aspek perundangan, malah aspek pendidikan, kesedaran terhadap pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, pengukuhan institusi kekeluargaan, pengumpulan data dan sistem sokongan sosioekonomi. Ini termasuklah program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran disamping mengubah

stigma dan norma sosial masyarakat supaya punca-punca perkahwinan bawah umur dapat ditangani sehingga di peringkat akar umbi.

6. Dalam masa yang sama, KPWKM memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat menerusi pelbagai platform dan mekanisme seperti media massa, media sosial, konsultasi dan advokasi agar masyarakat khususnya ibu bapa lebih cakna kepada hak kanak-kanak yang perlu dipelihara. Melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), KPWKM juga melaksanakan program pengukuhan institusi kekeluargaan seperti program SMARTSTART bagi membantu pasangan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan. Selain daripada memperkasakan pendidikan reproduktif dan sosial melibatkan generasi muda melalui Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI), *Sexual Education Reproductive Initiative* (SERI) dan Program KafeTEEN bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
(PARIT SULONG)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD (PARIT SULONG) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan strategik Kementerian bagi memastikan pembangunan dan perindustrian luar bandar dapat menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk anak muda bagi mengurangkan penghijrahan warga belia ke bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, golongan belia luar bandar amat diberi perhatian penting oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Fokus 4 Pelan Strategik KKDW; Membangunkan Modal Insan Luar Bandar Secara Komprehensif Melalui Pemerksaan Modal Insan menggariskan lima (5) strategi utama melibatkan 16 program yang turut merangkumi program untuk pemerksaan golongan belia luar bandar supaya bersahsiah tinggi, berilmu, berkemahiran, patriotik, kreatif, inovatif, mengungguli bidang keusahawanan dan mempunyai pendapatan yang mampan.

Untuk memastikan pembangunan dan perindustrian luar bandar dapat memberi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak muda, KKDW mengaplikasikan model pembangunan ekonomi berasaskan komuniti atau secara berkelompok bagi membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Salah satu program tersebut adalah melalui pelaksanaan Program Desa Lestari di mana bantuan geran diberikan kepada koperasi kampung tersebut untuk merancang dan menjayakan sesebuah projek pembangunan di kampung. Melalui pelaksanaan program ini, peluang pekerjaan baharu dan peningkatan pendapatan kepada komuniti terutamanya kepada anak muda di kampung dapat diberikan.

Di samping itu, KKDW turut melaksanakan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang merupakan pengembangan aktiviti ekonomi sedia ada dengan membangunkan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale*. Projek ini melibatkan lima (5) atau lebih perkampungan sedia ada melalui tiga komponen iaitu ekonomi, perumahan dan prasarana asas khusus untuk penduduk luar bandar. Sehingga kini terdapat 14 projek PROSPEK seperti ternakan ikan air tawar, perusahaan burung walit, tanaman jagung dan durian Musang King sedang dilaksanakan di seluruh negara. Melalui projek-projek tersebut, anak muda di kampung turut mendapat peluang untuk terlibat secara langsung dalam merencanakan ekonomi luar bandar.

Selain itu, keutamaan terhadap kemahiran digital turut ditekankan selaras dengan perkembangan semasa. Melalui pelaksanaan program pendigitilan usahawan luar bandar (Digitalisasi Usahawan Desa-DUDE) yang melibatkan kursus/latihan praktikal dalam penyediaan kunci kira-kira, pengurusan stok, pengurusan gerbang pembayaran, akses internet yang optimum dan kemahiran-kemahiran lain berkaitan perniagaan dapat membantu ke arah peningkatan pendapatan khususnya untuk usahawan desa. Program DesaMall@KKDW turut juga disediakan untuk membantu memasarkan produk mereka secara dalam talian melalui platform e-Dagang dan aplikasi digital.

KKDW melalui MARA turut melaksanakan kemudahan geran Program Pendigitalan Perniagaan MARA yang mana boleh membantu ke arah pembangunan usahawan luar bandar dan turut boleh membuka peluang terhadap penjanaan pendapatan masyarakat. Tambahan daripada itu, Program Usahawan Muda (PUTRA), Program Pecutan Usahawan Baharu/ Start-Up Accelerator Program (STAR) dan Program Latihan Keusahawanan Teknopreneur Program Rintis Niaga (STAR RINTIS) yang berfokus kepada golongan belia turut diberikan.

KKDW yakin melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang diberikan ini dapat menarik dan memberi peluang kepada anak muda untuk berada di kampung serta berusaha memajukan diri dan kampung masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan komitmen dan strategi untuk memasukkan subjek pengkodan dalam silibus persekolahan seawal di sekolah rendah sebagai salah satu kaedah menambah baik Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (untuk pra-sekolah ke pasca-sekolah menengah) yang luput menjelang 2025 memandangkan keperluan kemahiran ini di alam pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa berusaha untuk memupuk minat murid dalam pendidikan digital termasuk kemahiran pengekodan dalam silibus persekolahan. Pengekodan ini didedahkan seawal Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) di sekolah rendah. Murid diajar tentang algoritma iaitu cara menyusun langkah demi langkah untuk melaksanakan sesuatu sebagai asas pengekodan melalui Modul Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merentas mata pelajaran.

Pada Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6), kemahiran pengekodan diaplikasikan melalui kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan Modul Aplikasi TMK. Kemahiran pengekodan dilanjutkan ke peringkat sekolah menengah rendah (Tingkatan 1-3) melalui mata pelajaran RBT dan Asas Sains Komputer (ASK) serta mata pelajaran Sains Komputer di

menengah atas (Tingkatan 4-5).

Selain itu, KPM menyediakan aplikasi berkaitan pengkodan dalam pelantar *Digital Educational Learning Initiative* Malaysia (DELIMa). KPM juga melaksanakan aktiviti pengkodan dalam kalangan murid sebagai satu daripada program pengintegrasian teknologi pendidikan yang menyokong pelaksanaan pembelajaran. Aktiviti berkaitan pengkodan yang dilaksanakan termasuklah *Minecraft Education Challenge*, *Drone Edu Challenge* dan *App Ideation Challenge*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengiktiraf murid yang berbakat dalam pengkodan sebagai ikon bagi kategori robotik, pembangunan perisian dan rekabentuk kejuteraan dalam Anugerah Digital Utilisation and Technology Award (DUTA) yang diadakan setiap tahun.

Di samping itu, KPM sentiasa memastikan pengetahuan guru dan kompetensi guru adalah seiring dengan keperluan dan perkembangan pendidikan semasa. Justeru, KPM melaksanakan pelan pembangunan profesionalisme berterusan yang turut mengambil kira keperluan untuk meningkatkan kemahiran pengkodan dalam kalangan warga pendidik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian telah menjalankan kajian terhadap kesan sampingan vaksinasi COVID-19. Apakah benar vaksinasi COVID-19 menyumbang kepada penyakit jantung bagi sesetengah orang sehingga pesakit jantung di hospital awam dan swasta meningkat selepas pelaksanaan vaksinasi COVID-19 di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) memantau secara berterusan risiko keselamatan semua vaksin berdaftar yang digunakan di Malaysia termasuk vaksin COVID-19 melalui pemantauan laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI). Daripada pemantauan laporan AEFI diterima oleh NPRA setakat ini, nisbah manfaat dan risiko (*benefit-risk ratio*) vaksin COVID-19 adalah kekal positif.

2. NPRA juga memantau isu-isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19 yang dikenal pasti di peringkat global. Setakat ini, kesan advers berkaitan dengan jantung yang telah dikenal pasti adalah radang otot jantung/lapisan kantung jantung (myocarditis/ pericarditis) yang dikaitkan dengan vaksin daripada jenama Comirnaty. Sehingga 30 April

2023, NPRA telah menerima sebanyak 72 laporan myocarditis/ pericarditis selepas pemberian kira-kira 45 juta dos vaksin Comirnaty. Ini bersamaan dengan kadar pelaporan 1.6 kes bagi setiap sejuta dos Comirnaty.

3. Kebanyakan kes-kes myocarditis/ pericarditis yang dilaporkan adalah tidak serius. Penerima vaksin memberi respons baik terhadap rawatan dan telah pulih atau sedang dalam proses pemulihan semasa pelaporan dibuat. Berdasarkan laporan tempatan, myocarditis/ pericarditis amat jarang berlaku dan ini adalah selari dengan 'trend' yang dilaporkan di negara-negara lain.

4. Selain itu, NPRA turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Klinikal, Institut Kesihatan Negara dalam satu kajian keselamatan vaksin bertajuk *Risk of serious adverse events after the BNT162b2, CoronaVac, and ChAdOx1 vaccines in Malaysia: A Self-controlled case series study* (SAFECOVAC). Kajian ini telah meneliti 433,674 kemasukan ke hospital yang melibatkan 216 hospital awam dan swasta dari Februari sehingga September 2021. Keputusan daripada kajian SAFECOVAC ini menunjukkan **tiada peningkatan risiko** bagi kejadian serangan jantung (myocardial infarction) dan strok bagi penerima vaksin yang meliputi semua kumpulan umur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan dan pertimbangan Kementerian kepada cadangan reformasi institusi pendidikan melalui langkah desentralisasi pentadbiran pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Formula terbaik dalam melaksanakan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk cadangan transformasi institusi pendidikan harus selari dengan hala tuju negara. Sehubungan dengan itu, Pembangunan Malaysia Madani yang ditunjangi oleh Kerajaan Perpaduan berteraskan Enam Rukun MADANI dijadikan penanda arah dalam menentukan hala tuju negara. Dalam hal ini, KPM menyambut baik perancangan hala tuju Malaysia MADANI dengan menggariskan Tujuh Teras Utama Nadi Keunggulan KPM. Tujuh teras inilah menjadi panduan KPM dalam memastikan Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera.

Inisiatif transformasi dalam pendidikan bukan sahaja berfokus kepada perubahan dalam kurikulum, tetapi juga melibatkan aspek pengurusan. Hal ini dapat dilihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 anjakan ke enam iaitu “mengupaya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan antaranya dengan memberi kuasa melalui amalan pengurusan berasaskan sekolah (APBS) dan autonomi kepada sekolah yang memenuhi kriteria minimum”. Tiga aspek utama dalam menjayakan anjakan tersebut adalah melalui pengupayaan, APBS dan autonomi. Pengupayaan dan autonomi yang diberikan kepada sekolah dalam pengurusan adalah berasaskan sekolah ataupun *school-based management* (SBM) yang secara tidak langsung memberikan impak besar kepada peranan guru sebagai pelaksana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM telah melaksanakan desentralisasi pentadbiran pendidikan dengan memberi lebih autonomi kepada pemimpin sekolah untuk melaksanakan pentaksiran, pengurusan kewangan serta pelantikan pemimpin sekolah. Pengurusan sekolah yang cekap dan berkesan diperlukan bagi menjamin pembelajaran dan kos efektif. Konsep 'pengurus mengurus' adalah konsep pengurusan kewangan sekolah yang diberi taraf Pusat Tanggungjawab (PTj), yang memberi fokus kepada pengurusan yang berpengetahuan,

SOALAN NO : 133

bertanggungjawab, komited, kecacatan sifar (Zero Defect), integriti, bermoral dan beretika. Pemberian taraf Pusat Tanggungjawab (PTj) kepada sekolah dalam mengurus kewangan adalah satu daripada usaha KPM dalam penstrukturan baharu. Usaha ini bagi membolehkan pihak sekolah mempunyai autoriti untuk membuat keputusan pengurusan kewangan secara terperinci dan cekap.

Menerusi konsep desentralisasi juga, pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah turut memberi ruang kepada pemimpin sekolah dan guru untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah secara berterusan. Hal ini selari dengan tujuh langkah menangani beban tugas guru melalui pengukuhan autonomi guru dalam perancangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan utama. Dalam konteks PBD, guru memantau perkembangan kemajuan dan penguasaan murid dalam proses pembelajaran termasuk kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Dalam hal yang demikian, guru boleh merancang dan mengubahsuai kaedah PdP bagi membantu setiap murid meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran.

Pengupayaan guru ini sentiasa di beri perhatian oleh pihak pentadbir sekolah beserta bimbingan berterusan daripada jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah agar dapat mengekalkan tahap profesionalisme dengan komitmen dan integriti yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
[SUNGAI BULOH]
TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian perancangan bagi pembangunan Subang Skypark.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menerima cadangan perincian perancangan pembangunan Subang Skypark daripada pihak Malaysia Airports Holdings Berhad pada bulan April 2023. Satu keputusan mengenainya akan dibuat oleh Kerajaan dalam masa terdekat selepas cadangan ini dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah trend ibu bapa memilih *home school* berpunca daripada ketidakpercayaan ibu bapa terhadap sistem pendidikan negara ataupun terdapat masalah lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpegang kepada matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan memfokuskan kepada kemenjadian murid seperti dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju pendidikan negara dan menjadi teras serta sumber rujukan dalam merancang dan melaksanakan setiap program pendidikan. Selain daripada dasar teras tersebut, KPM juga merangka pelan pendidikan jangka panjang seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. PPPM 2013 - 2025 menggariskan strategi dan inisiatif bagi mengupayakan peningkatan kualiti sistem pendidikan kebangsaan. Sudah pasti institusi pendidikan yang disediakan oleh KPM berjumlah lebih 10 ribu adalah tempat yang paling strategik bagi mencapai objektif kemenjadian murid.

SOALAN NO : 135

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ibu bapa yang memilih untuk menyediakan pendidikan peringkat rendah kepada anak mereka secara *home school* perlu mendapat kelulusan KPM terlebih dahulu tertakluk kepada syarat-syarat pengecualian mengikuti pendidikan wajib seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003, Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah Tahun 2003 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2005: Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah.

Dalam konteks ini, pendidikan secara *home school* bukanlah satu kemudahan mutlak kepada ibu bapa untuk memilih pendidikan untuk anak mereka kecuali permohonan mereka menepati syarat ditetapkan. Berdasarkan rekod semasa KPM, bilangan permohonan yang telah diluluskan untuk melaksanakan *home school* bagi peringkat pendidikan rendah adalah seramai tiga orang sahaja. Sehubungan dengan itu, KPM berpendapat pelaksanaan *home school* tidak boleh disimpulkan sebagai satu manifestasi ketidakpercayaan ibu bapa terhadap sistem pendidikan kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN
[KAMPAR]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Chong Zhemim [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tatacara yang mewajibkan pihak sekolah dan LPS untuk SBK perlu mempunyai 100% dana pembinaan projek-projek khas seperti pembinaan bangunan baharu sebelum permohonan dikemukakan kepada KPM dan bagaimana memudahkan tatacara permohonan pembinaan sekolah SJKT SJKT dan Sekolah Mubaligh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa mengalu-alukan dan menghargai inisiatif yang diambil oleh pelbagai pihak untuk membantu KPM dalam menyediakan keperluan infrastruktur yang lengkap dan kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran murid di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memutuskan untuk memansuhkan keperluan menyediakan dana sekurang-kurangnya 80% yang diperlukan bagi sebarang cadangan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak Persatuan Ibumapa dan Guru (PIBG), Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan pihak lain yang ingin menyumbang kepada sekolah.

SOALAN NO : 136

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi permohonan pembinaan bangunan baharu, pihak pemohon atau pembiaya hendaklah mematuhi syarat yang ditetapkan seperti yang berikut:

- i. pemohon hendaklah bersedia untuk membiayai sepenuhnya kos pembinaan serta kelengkapan bangunan yang dicadangkan sehingga siap;
- ii. sekiranya dana pembinaan tidak mencukupi, pemohon hendaklah mengemukakan perancangan aktiviti bagi tujuan pengumpulan untuk mencukupkan dana yang diperlukan bagi projek yang dicadangkan; dan
- iii. pemohon juga hendaklah mematuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru dari semasa ke semasa.

Permohonan bagi pembinaan bangunan baharu yang dicadangkan berserta dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan oleh pihak sekolah kepada KPM melalui jabatan pendidikan negeri untuk penelitian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Selaras dengan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], sebarang penubuhan sekolah baharu termasuklah SJKT dan SJKC adalah dikategorikan sebagai sekolah kerajaan. Penubuhan sekolah mubaligh baharu atau sekolah bantuan kerajaan (SBK) tidak diperuntukkan dalam Akta yang sama. Justeru, pembinaan sekolah kerajaan baharu merupakan tanggungjawab KPM sepenuhnya melalui perancangan menerusi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia melalui inisiatif Kerajaan atau dengan kerjasama pihak swasta untuk membina bangunan tempat letak kereta bertingkat dan bangunan baru yang menyediakan perkhidmatan cardiac dan oncology di Hospital Miri demi kepentingan rakyat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan untuk membina kemudahan bangunan tempat letak kereta dan bangunan baru di Hospital Miri telah ditampung oleh **Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri, Sarawak dan dijangka siap pada tahun 2024.**
2. Pembinaan Blok Tambahan berkenaan melibatkan pertambahan kapasiti sebanyak 328 katil serta turut merangkumi **penambahan 901 Tempat Letak Kereta (TLK)**. Ini menjadikan keseluruhan TLK di Hospital Miri adalah sebanyak **1,515 termasuk TLK sedia ada yang dijangka mampu menampung keperluan kakitangan hospital dan juga pelawat/pesakit.**
3. Bagi Inisiatif pembinaan TLK secara Kerjasama Awam Swasta, perkara ini perlu dikaji semula kebolehlaksanaannya terutamanya dengan meneroka ***Business Model* baharu yang lebih berdaya maju (viable) dengan kadar caj parkir yang munasabah mengambil kira sasaran pengguna/pesakit rutin yang terdiri dari golongan B40.**
4. Pada masa ini, Hospital Miri yang mempunyai kapasiti sebanyak 348 buah katil merupakan hospital berpakar yang menawarkan 23 perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran.
5. Selari dengan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan mutu serta penyampaian kesihatan kepada penduduk di Wilayah Sarawak, Kementerian ini mempunyai perancangan untuk menaiktaraf perkhidmatan kepakaran di Hospital Miri agar setara dengan perkhidmatan hospital negeri dengan sasaran perkhidmatan sebanyak 49 kepakaran dan subkepakaran. Namun begitu, perancangan ini akan dijalankan secara berfasa bergantung kepada keadaan kewangan semasa serta sumber tenaga kerja yang mencukupi.
6. Sebagai persediaan untuk pertambahan perkhidmatan kepakaran

di Hospital Miri, projek pembinaan blok baharu dengan penambahan sebanyak 328 katil sedang dalam fasa pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2024.

7. Untuk makluman, pusat utama bagi perkhidmatan jantung dan juga kanser di Negeri Sarawak adalah di Pusat Jantung Sarawak dan juga Hospital Umum Sarawak yang terletak di bandaraya Kuching. Walaupun Hospital Miri tidak mempunyai pakar dalam kedua bidang ini, ini tidak bermakna perkhidmatan tersebut tidak disediakan.

8. Bagi perkhidmatan jantung, pesakit yang mengalami kecemasan akan diberikan rawatan awal yang disediakan di Hospital Miri terlebih dahulu dan akan dirujuk ke Pusat Jantung Sarawak bagi rawatan definitif apabila stabil dan memerlukan rawatan susulan atau prosedur tertentu. Begitu juga bagi pesakit kanser, perawatan awal tetap disediakan oleh Hospital Miri dan akan dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjutan.

9. Kekurangan Pakar di Hospital Miri bagi kedua bidang ini adalah kerana disebabkan jumlah Pakar Kardiologi dan Onkologi yang berkhidmat di hospital-hospital KKM juga tidak mencukupi. Sehingga 31 Mac 2023, hanya 10% sahaja daripada 300 orang pakar kardiologi di seluruh Malaysia yang bekerja di hospital KKM manakala selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital swasta dan universiti. Manakala, bagi perkhidmatan onkologi pula, 35% (58 orang) daripada 168 orang pakar onkologi di seluruh negara berkhidmat di Hospital KKM manakala selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital swasta dan universiti.

10. Walaupun Hospital Miri tidak mempunyai kepakaran onkologi dan kardiologi secara tetap, namun begitu, ia mempunyai pakar residen di dalam bidang gynae-onkologi dan menerima perkhidmatan lawatan pakar secara berkala di dalam bidang kardiologi dewasa, kardiologi pediatrik dan haemato-onkologi pediatrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam jangkamasa pendek dan pertengahan untuk menangani keadaan di mana Wangsa Maju sebagai kawasan Parlimen yang mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi di Malaysia akan tetapi kini bukan sahaja ketiadaan hospital tetapi juga ketiadaan klinik kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, terdapat sebuah klinik kesihatan di kawasan Wangsa Maju iaitu Klinik Kesihatan Setapak yang beroperasi di tingkat dua (2) Wisma Rampai. Kementerian kini sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan penyewaan pertambahan ruang di tingkat satu (1) Wisma Rampai tersebut bagi perluasan perkhidmatan di klinik tersebut. Di samping itu, perkhidmatan kesihatan sekunder bagi penduduk di kawasan Wangsa Maju disediakan oleh Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan Hospital Selayang yang berada dalam lingkungan 7 hingga 19 kilometer dari Klinik Kesihatan tersebut.

2. Sememangnya, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai perancangan untuk membina klinik kesihatan yang baharu di Wangsa Maju. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah mengenal pasti sebuah tapak di Jalan Wangsa Delima yang berdekatan dengan Wangsa Walk. Tapak tersebut kini dalam proses perolehan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]**

TARIKH : **23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah *stunting* dan *wasting* di kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin dan proaktif dalam menjalankan langkah-langkah pencegahan dan intervensi bermula daripada seawal persediaan kehamilan bagi menangani masalah bantut (*stunting*) dan susut (*wasting*) dalam kalangan kanak-kanak bawah lima (5) tahun di Malaysia. Program-program yang sedang dijalankan oleh KKM adalah:

- (i) Advokasi dan pendidikan kepada wanita sebagai persediaan kehamilan dan selepas bersalin;
- (ii) Pengurusan wanita hamil anemia di Klinik Kesihatan;
- (iii) Pemantauan peningkatan berat badan ibu antenatal di Klinik Kesihatan;
- (iv) Pencegahan dan kawalan kekurangan mikronutrien melalui

inisiatif fortifikasi zat besi dan asid folik dalam tepung gandum dan pengiodinan garam secara *universal*;

- (v) Advokasi Penyusuan Susu Ibu;
- (vi) Advokasi Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak;
- (vii) Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM);
- (viii) Program *Community Feeding* Bersasar;
- (ix) Inisiatif Hospital Rakan Bayi;
- (x) Inisiatif Klinik Rakan Bayi; dan
- (xi) Program memerangi masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun

2. Pihak KKM juga berkolaborasi erat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Desa dan Wilayah dalam menangani masalah bantut dan susut melalui:

- (i) Cadangan dan semakan menu sihat di TASKA, TABIKA, TADIKA dan prasekolah;
- (ii) Latihan Modul Penyediaan Makanan kepada pengusaha dan penyedia makanan di TASKA, TABIKA, TADIKA dan prasekolah; dan
- (iii) Aktiviti Pemakanan Melibatkan Ibu Bapa seperti ceramah, demonstrasi masakan, permainan interaktif.

3. Selain itu, pihak KKM turut menjalankan kerjasama bersama pihak universiti dan badan antarabangsa seperti UNICEF dalam pelaksanaan

aktiviti bagi meningkatkan status pemakanan kanak-kanak dan kesedaran ibu bapa/ penjaga berkaitan permasalahan ini.

4. Langkah-langkah ini diperkukuhkan lagi dengan pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole government approach*) melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam Kalangan Kanak-kanak yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh 16 Jemaah Menteri dan Pengurusan Tertinggi pelbagai Kementerian serta Jabatan dan agensi yang berkaitan bagi memperkukuh kolaborasi yang berkesan di setiap peringkat. Kolaborasi ini diterjemahkan melalui pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Kanak-kanak Malaysia, 2023 – 2030 dengan memfokuskan 5 Strategi Utama dengan 31 inisiatif iaitu;

Strategi 1 : Penguksuhan tadbir urus kesejahteraan pemakanan melalui perundangan, komitmen politik dan pemegang taruh;

Strategi 2 : Peningkatan kualiti dan akses perkhidmatan pemakanan;

Strategi 3 : Pemantapan persekitaran dan masyarakat kondusif;

Strategi 4 : Memperkasakan pembangunan kapasiti dan modal insan; dan

Strategi 5 : Sinergi advokasi pemakanan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan parkir kereta awam yang mencukupi di hospital Kerajaan atau perkhidmatan bas kepada orang awam untuk mengakses hospital Kerajaan dan menghentikan penswastan parkir kereta orang awam di Hospital Selayang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peningkatan jumlah kenderaan pada masa kini telah menyebabkan isu kekurangan tempat letak kereta di hospital KKM. Kekangan tanah kosong yang sesuai dalam kawasan hospital turut mengehendakan usaha KKM untuk memperbanyakkan tempat letak kereta. Bagi fasiliti baharu, KKM akan berusaha untuk menambah bilangan tempat letak kereta melalui pembinaan podium sebagai sebahagian daripada bangunan utama.

2. Justeru KKM mengalu-alukan cadangan pembinaan tempat letak kereta dan bersedia bekerjasama dengan pihak swasta untuk menambah bilangan tempat letak kereta di hospital kerajaan. Inisiatif ini dijangka dapat membantu usaha kerajaan dalam mengurangkan kesesakan tempat letak kereta di hospital seterusnya dapat memberi tumpuan kepada penyediaan rawatan perubatan kepada rakyat.

3. Bagi Hospital Selayang, KKM berpandangan pengenaan caj bayaran tempat letak kereta pada kadar minimum masih perlu dilaksanakan bagi tujuan mengawal selia (*regulate*) kenderaan di kawasan hospital supaya pengguna tidak meletak kenderaan dalam tempoh masa yang lama pada waktu puncak di hospital yang memerlukan tempat letak kereta yang banyak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memaklumkan jika Kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan promosi kesedaran kesihatan berkaitan penularan varian virus terbaharu "XBB1.16 The "Arcturus", dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyekat penyebaran virus ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia giat melaksanakan promosi kesedaran dan pencegahan penularan COVID-19 terutamanya subvarian XBB1.16 atau Arcturus. Aktiviti penyebaran maklumat termasuk menerbitkan infografik, menghasilkan video pendek, mengadakan temubual siaran televisyen dan radio bersama pakar kesihatan awam.
2. Masyarakat diingatkan untuk terus mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Inform, Isolate & Seek*) serta mendapatkan vaksin COVID-19 termasuk dos penggalak COVID-19.
3. Bagi membendung penularan jangkitan COVID-19, langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - (i) Meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak;
 - (ii) Mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan dengan pelaksanaan *FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support)* yang diautomasikan;
 - (iii) Memastikan semua klinik kesihatan dan hospital bersedia menerima kedatangan yang tinggi bagi membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19;
 - (iv) Pemberian ubat antiviral Paxlovid® kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di Klinik Kesihatan, hospital kerajaan, dan fasiliti kesihatan swasta yang dikenal pasti, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit;

- (v) Melaksanakan aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) serta persampelan air kumbahan dari lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara. Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom (*Whole Genome Sequencing*, WGS) bagi mengesan varian baharu COVID-19;
- (vi) Menggerakkan pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) di peringkat negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan emosi kepada individu serta anggota keluarga serta petugas kesihatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19; dan
- (vii) Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik yang berperanan membantu KKM dalam advokasi kesihatan di peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN
HAJI ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini kes penularan COVID-19 di institusi pendidikan sepanjang tahun 2023 dan apakah langkah tambahan yang diambil bagi membendung perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari Minggu Epidemiologi (ME) 1/2023 (1 Januari 2023 - 7 Januari 2023) hingga ME 19/2023 (7 Mei 2023 - 13 Mei 2023), sebanyak 53 kluster telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, 39 merupakan kluster pendidikan, sembilan (9) kluster kumpulan berisiko, tiga (3) kluster tempat kerja, dan dua (2) kluster pusat tahanan.

2. Daripada 39 kluster pendidikan yang dilaporkan, 24 kluster melibatkan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 11 kluster Pendidikan Lain, dan masing-masing satu (1) kluster Institusi Pendidikan Swasta berdaftar KPM dan kluster Pendidikan Tinggi. Jumlah kes COVID-19 dalam kluster pendidikan dari ME 1/2023 (1 Januari 2023 - 7 Januari 2023) hingga ME 19/2023 (7 Mei 2023 - 13 Mei 2023) adalah sebanyak 1,741 kes.

SOALAN NO 142

3. Pihak KKM memantau situasi semasa kluster pendidikan dan bekerja rapat dengan Sektor Pendidikan dalam pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19. Justeru, berikut adalah beberapa inisiatif yang harus diambil sebagai langkah kawalan dan pencegahan bagi melindungi murid/pelajar, guru, dan kakitangan di institusi pendidikan daripada jangkitan COVID-19 iaitu:

- (i) Menggalakkan murid/ pelajar, guru, dan kakitangan memakai pelitup muka terutamanya bagi yang bergejala atau berada di tempat tertutup, sempit dan sesak;
- (ii) Menggalakkan murid/ pelajar, guru, dan kakitangan untuk membuat penilaian sendiri tahap kesihatan serta tidak hadir ke institusi pendidikan sekiranya bergejala;
- (iii) Memperkasa peranan ibu bapa/ penjaga untuk memantau status kesihatan anak serta tidak menghantar anak yang bergejala ke institusi pendidikan;
- (iv) Mengingatkan murid/ pelajar, ibu bapa/ penjaga, guru, dan kakitangan untuk mengamalkan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sekiranya bergejala;
- (v) Mengambil tindakan segera terhadap murid/pelajar, guru, dan kakitangan yang bergejala atau positif COVID-19 mengikut SOP semasa KKM;
- (vi) Menasihatkan murid/ pelajar, guru, dan kakitangan yang berisiko tinggi dan positif COVID-19 mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan terdekat yang mampu mengurangkan risiko mendapat komplikasi jangkitan yang serius;
- (vii) Menyarankan murid/ pelajar, guru, dan kakitangan mendapatkan dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 seperti disarankan oleh KKM bagi mengurangkan risiko penularan

SOALAN NO 142

jangkitan, morbiditi, dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi;

- (viii) Sentiasa mengingatkan murid/ pelajar, guru, dan kakitangan untuk kerap mencuci tangan dengan pensanitasi;
- (ix) Melakukan penilaian risiko sendiri jangkitan COVID-19 di tempat kerja/ institusi pendidikan serta melakukan disinfeksi seperti yang disarankan;
- (x) Melaporkan kejadian wabak jangkitan penyakit berjangkit termasuk COVID-19 kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran untuk tindakan pencegahan dan kawalan; dan
- (xi) Memastikan sistem pengudaraan dan kualiti udara yang baik di semua jenis bangunan di institusi pendidikan antara strategi penting untuk membendung penularan COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan demi memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan adakah Dasar Jadual Peperiksaan Awam iaitu ianya diadakan hanya pada hari Isnin hingga Khamis masih berkuatkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan keselesaan dan kebajikan calon yang menduduki peperiksaan awam. Keadilan kepada calon turut diambil kira termasuk dari aspek penyediaan jadual waktu peperiksaan.

Peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU), Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pula mengendalikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan ujian *Malaysian University English Test* (MUET).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM membuat penelitian secara menyeluruh dengan mengambil kira hari cuti hujung minggu bagi sekolah di negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan negeri Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya) sebagai prinsip asas dalam penyediaan jadual waktu peperiksaan.

Di samping itu, KPM turut mengambil kira hari kelepasan am persekutuan dan negeri dalam penyediaan jadual waktu peperiksaan awam setiap tahun. Justeru, peperiksaan awam secara dasarnya dilaksanakan pada hari Isnin sehingga Khamis.

Walau bagaimanapun, bagi ujian MUET, komponen *Reading*, *Writing*, dan *Listening* diadakan pada hari Sabtu sahaja (sehari). Pelaksanaan ujian MUET bertulis perlu dilaksanakan pada hari Sabtu berdasarkan faktor utama seperti yang berikut:

- i. MUET melibatkan lapan jenis calon, iaitu calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, calon persendirian individu, calon Matrikulasi, calon diploma, calon ijazah, calon Sekolah Agama Kerajaan Negeri, dan calon Sekolah Integriti. MUET merupakan syarat wajib ujian kemahiran berbahasa Inggeris yang perlu dipenuhi oleh semua calon warganegara Malaysia sebagai syarat kemasukan dan bergraduan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia bagi mengikuti program ijazah pertama;
- ii. bilangan calon persendirian individu yang menduduki MUET adalah besar dan kebanyakan mereka terdiri daripada calon yang sedang bekerja dan menghadapi kekangan untuk memohon cuti pada hari bekerja atau sedang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi;
- iii. pusat MUET bagi calon persendirian individu adalah di sekolah kerajaan bagi memenuhi spesifikasi pusat ujian yang mengikut standard dan melibatkan penggunaan kelas sebagai bilik ujian. Sekiranya kelas di sekolah digunakan pada hari persekolahan bagi melaksanakan ujian MUET bertulis, maka pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid sedia ada akan terjejas; dan
- iv. pelaksanaan MUET juga melibatkan bilangan pengawas ujian yang besar. Sekiranya MUET diadakan pada hari Sabtu, maka ia umumnya tidak mengganggu tugas hakiki personel yang dilantik sama ada mereka terdiri daripada guru, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, pelajar IPT atau pesara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MPM juga menawarkan ujian *MUET On Demand* sebanyak dua kali sebulan dan bukan hanya dilaksanakan pada hari Sabtu. Ini memberi pilihan kepada calon untuk menduduki peperiksaan tersebut mengikut kesesuaian calon.

KPM akan sentiasa akan menambah baik pengurusan peperiksaan awam seiring dengan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) langkah-langkah drastik bagi mengawal harga tambang penerbangan pergi balik dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak khususnya menjelang musim perayaan; dan

(b) sejauh manakah pemantauan Kementerian terhadap aplikasi SuperApp yang menyumbang kepada harga tiket yang melambung tinggi dalam situasi tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan terutamanya semasa musim perayaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator* (RBD) di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.

3. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

4. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehalu bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehalu dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan

penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

5. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

6. Seterusnya, berhubung aplikasi SuperApp, Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM memantau harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik melalui pemerhatian terus di saluran-saluran rasmi yang dilesenkan bagi melindungi hak penumpang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terbaru cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Puncak Borneo dan SMK Serumbu. Apakah status sekolah-sekolah daif dan usang di Kawasan Parlimen Puncak Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat, termasuklah di kawasan Parlimen Puncak Borneo.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan projek perolehan tanah bagi tujuan pembinaan sekolah baharu SMK Puncak Borneo dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 3 Tahun 2023. Seterusnya KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan SMK tersebut dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan perolehan dan pemilikan tanah tersebut.

Berhubung cadangan pembinaan sekolah menengah baharu yang lain di kawasan Puncak Borneo, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak akan mengenal pasti cadangan awal tapak bagi pembinaan sekolah tersebut berdasarkan analisis keperluan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data KPM, bilangan sekolah yang mempunyai bangunan daif di Parlimen Puncak Borneo adalah sebanyak sembilan buah yang terdiri daripada lima buah sekolah berskala 6 dan empat buah sekolah berskala 7. Permohonan projek pembangunan semula (gantian) atau menaik taraf bangunan yang daif ini akan dikemukakan secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA
(PUTATAN)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

DATUK IR. SHAHELMY BIN YAHYA (PUTATAN) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan menaik taraf jambatan-jambatan kayu di sekitar Parlimen Putatan kepada jambatan simen atau konkrit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM50 juta kos Program Ameniti Sosial (PAMS) di Sabah telah dipersetujui oleh agensi pusat. Bagi tahun 2023 ini, peruntukan sebanyak RM8 juta telah disediakan untuk Sabah termasuk untuk kerja-kerja menaiktaraf jambatan kayu.

Sekiranya masih terdapat keperluan mendesak, pihak Yang Berhormat bolehlah mengemukakan permohonan untuk tindakan awal Kementerian ini. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya menepati skop projek PAMS KKDW tertakluk kepada kos dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RUSHDAN BIN RUSMI (PADANG
BESAR)**

TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)

SOALAN

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan apakah strategi Kerajaan Madani untuk
menghapuskan tol di lebuh raya di Malaysia, dan apakah usaha-usaha
yang telah dijalankan ke arah menghapuskan tol.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan fokus kepada agenda untuk menangani kos kenaikan harga barang dan juga mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Namun begitu, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengambil alih syarikat konsesi lebuhraya yang sedang beroperasi memandangkan implikasi kewangan yang diperlukan adalah amat tinggi. Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan semula cadangan tersebut apabila keadaan kewangan dan fiskal negara mengizinkan kelak.

Sekian, terima kasih.